

Bil. 20

**Khamis
13 Ogos 2020**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 6)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020	(Halaman 25)
USUL: Anggaran Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020	(Halaman 29)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S., D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titawangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRIS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. “ Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato’ Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau] – STAR
37. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato’ Sri Ti Lian Ker – Senator
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI (PN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jejebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasar Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepang] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR

29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
31. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN

71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
73. “ Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P.[Serian]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat
Nizam Mydin bin bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Nurul Atikah binti Basrudin
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 13 Ogos 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak kerajaan berhasrat untuk menubuhkan suatu jawatankuasa bagi menstrukturkan semula pentadbiran dan prosedur yang diguna pakai Mahkamah Syariah bagi menaik taraf perkhidmatan, serta integriti institusi tersebut dalam memastikan setiap pihak mendapat keadilan dengan cepat dan telus memandangkan terdapat keluhan yang dilontarkan bahawa banyak kes yang dikendalikan mengambil masa yang cukup lama untuk diselesaikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Dalam memberi jawapan ini, saya katakan bahawa Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa perundangan syariah terletak di bawah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja setiap negeri, manakala bagi negeri-negeri tidak beraja adalah di bawah kuasa Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebarang usaha untuk menstrukturkan semula pentadbiran dan prosedur yang diguna pakai Mahkamah Syariah seluruh negara bagi menaik taraf perkhidmatan serta integriti institusi tersebut perlulah mendapat pandangan dan persetujuan daripada Baginda-baginda selaku ketua agama bagi negeri-negeri tersebut serta pihak berkuasa agama kerajaan negeri yang berautoriti.

Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri sedang berusaha ke arah pemerkasaan institusi Mahkamah Syariah melalui cadangan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman syariah serta menyemak semula kedudukan hakim-hakim Mahkamah Syariah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pernah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah pada Ogos 2017 yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor bertujuan untuk memartabatkan sistem perundangan syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa itu telah terhenti akibat pertukaran kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14. Kerajaan pada hari ini sedang mengkaji dan mempertimbangkan menubuhkan semula Jawatankuasa ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa lagi institusi kehakiman syariah.

Selain itu, penyeragaman pentadbiran juga dilakukan melalui Pembinaan Arahan Amalan Mahkamah Syariah, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan prosedur operasi standard yang akan diguna pakai di seluruh mahkamah syariah. Usaha-usaha tersebut dibuat melalui perbincangan dalam Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia dan Mesyuarat Ketua-ketua Pendaftar Mahkamah Syariah.

Inisiatif-inisiatif berbentuk inovasi juga telah diperkenalkan bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan kelancaran pengurusan pentadbiran mahkamah menerusi sistem dalam talian atau *online*. Antaranya seperti e-Bicara, e-Faraid, program penceraihan secara *fast track* di Selangor, program sifar kes tertunggak di Wilayah

Persekutuan, *E-Shariah Instant Access Procedure* (E-SIAP) di Pulau Pinang dan pengenalan sistem i-Tray dan i-Post di Terengganu bagi mempercepatkan penyerahan dokumen dan perintah mahkamah.

Berkenaan tempoh masa penyelesaian sesuatu kes di Mahkamah Syariah, ia bergantung kepada pelbagai faktor sama ada daripada pihak Mahkamah Syariah, pihak peguam syarie mahupun pihak-pihak dalam kes itu sendiri. Usaha-usaha proaktif telah dilakukan oleh Mahkamah Syariah melalui penguatkuasaan arahan amalan, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan prosedur operasi standard bagi memastikan setiap kes diselesaikan dalam tempoh masa yang munasabah. *Insyah-Allah*, akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tanjong Karang untuk soalan tambahan pertama.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah di atas usaha yang sedang dibuat. Kerana kita sedia maklum bahawa nama jawatan sahaja sama, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Sivil, dia punya jawatan sama tetapi kita sedia maklum bahawa dari segi emolumennya, daripada segi elaunnya memang jauh bezanya. Jadi, harap teruskan ini supaya kita dapat membela nasib hakim-hakim Mahkamah Syariah.

Soalan saya ialah kita sedia maklum bahawa Mahkamah Syariah ini ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Adakah pihak Menteri bercadang untuk membuat kajian di tiap-tiap negeri ini untuk kita membezakan negeri manakah yang begitu berkesan dalam mengendalikan satu-satu kes?

■1010

Jadi, di situnya kita boleh nampak mengapa negeri itu prosesnya bagus, mengapa negeri ini agak *slow* sedikit. Adakah akan dibuat kajian perbezaan pentadbiran urusan Mahkamah Syariah setiap negeri ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih atas cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, kami amat setuju. Sebenarnya dalam perkara ini, pertama sekali, saya telah lakukan *retreat* untuk Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Keduanya, kita cuba buat yang mana *quick win* yang boleh kita pantas dan kita cepatkan. Ketiga, kita juga ada persidangan hakim-hakim, Ketua-ketua Hakim Syarie seluruh Malaysia untuk kita melihat dan kita akan mengkaji dari semasa ke semasa. *Insyah-Allah*, kami bertekad untuk mempercepatkan proses-proses yang biasanya tertangguh yang begitu lama. Dengan sebab itu dalam jawapan tadi, kami telah kemukakan beberapa negeri seperti apa yang dilakukan di Selangor, apa yang dilakukan di Wilayah Persekutuan, begitu juga apa yang telah dilakukan di Terengganu. Mudah-mudahan ia akan menjadi ikutan dan kita boleh memperbaiki lagi dari semasa ke semasa, *insyah-Allah*.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang – Ya, masalah kelewatan ini memang agak merisaukan kita. Ada kes-kes yang agak *simple* kadang-kadang, yang saya rasalah yang boleh diambil tindakan segera, tetapi amat mengambil masa yang panjang.

Jadi soalan saya, adakah kerana yang pertama sekali, bukan sahaja hakim-hakim ini kurang berjumpa dengan mungkin kawan-kawan dia dari negeri-negeri lain? Kedua, *supporting staff*, adakah cukup atau tidak cukup? Ini sebab saya tengok kadang-kadang mungkin mereka ini diberikan beban kerja yang banyak kah ataupun apa? Ini sebab kadang-kadang masalah *staffing* ini pun *problem* juga. Jadi, disebabkan oleh bila kita pergi jumpa Mahkamah Syariah, “*Oh Yang Berhormat, staf tak cukuplah. Itulah, inilah*”. Akhirnya, kes itu *drag* begitu panjang dan kadang-kadang tidak masuk akal, mengambil masa yang terlalu panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey. Saya juga mengambil maklum tentang apa yang disarankan dan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Suka saya nyatakan bahawa isu kelewatan ini kita telah tangani sebahagiannya. Sebagai contoh, apabila kes perceraian berlaku, kadang-kadang proses itu mengambil masa sampai 90 hari, pernah berlaku. Akan tetapi apa yang berlaku, kita telah cuba usahakan sehingga telah tercatat kita boleh buat di Selangor hanya dalam masa enam jam sahaja. Akan tetapi, itu kita perlu diperkemaskinikan dan dikembangkan di seluruh negeri-negeri yang lain.

Keduanya, saya ambil maklum dalam hal ini. Dengan sebab itu, saya telah melakukan beberapa kali lawatan ke Mahkamah Syariah terutamanya di Wilayah

Persekutuan dan juga JKSM bagi mendengar denyut nadi apa yang menjadi masalah yang membebankan kepada mereka. Sebahagian yang dikatakan tadi ada *supporting staff*, memang kadang-kadang kurang cukup. Saya mengambil maklum. Sebenarnya, sepatutnya, sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, diisi lebih daripada 30 staf jawatan baharu dan ia dalam proses dan telah diluluskan pada tahun lepas. *Insyah-Allah* kita akan isi untuk menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi. Kami akan melihat secara keseluruhannya dalam proses bermula daripada pendaftaran kes sampai selesai sehingga anak-anak tidak terabai dan hak masing-masing diberi. *Insyah-Allah*.

2. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi bantuan kepada Lebanon selepas letupan bom di Beirut yang mengakibatkan sekurang-kurangnya 78 kematian dan 4,000 kecederaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching bertanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, bahawa kejadian letupan yang kuat berlaku di Beirut, Lubnan pada 4 Ogos 2020. Berdasarkan laporan oleh pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sehingga 11 Ogos 2020, bahawa jumlah keseluruhan mangsa yang terkorban ekoran tragedi letupan tersebut adalah seramai 160 orang, seramai 5,000 orang mengalami kecederaan dan lebih 60 orang dilaporkan masih hilang.

Dalam berkongsi kesedihan dan penderitaan rakyat Lubnan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Ogos telah mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan sebanyak RM1 juta yang akan disalurkan kepada Lubnan menerusi Pertubuhan Palang Merah Lubnan (LRC), dengan izin. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada 10 Ogos telah mengeluarkan surat kebenaran berbelanja kepada Kementerian Luar Negeri bagi bayaran sumbangan berkenaan kepada LRC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri sedang meneliti beberapa kaedah yang boleh dilaksanakan bagi menyalurkan sumbangan ini kepada LRC dan perkara ini akan dimuktamadkan dengan kadar segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih atas jawapan tersebut. Saya sebenarnya ada dua soalan. Soalan pertama, ini memang satu kejadian yang tidak diingini. Saya hendak tanya, ada rakyat Malaysia yang terkesan akibat kejadian ini? Itu nombor satu.

Nombor dua, dalam semua bantuan kemanusiaan, masalah yang selalunya adalah ketelusan bantuan itu sama ada akan sampai kepada mangsa-mangsa atau golongan yang benar-benar memerlukannya. Jadi, apakah kaedah dan mekanisme yang kerajaan akan lakukan untuk memantau sama ada bantuan ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan tanpa sebarang ketirisan? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Bandar Kuching. Maklumat terkini yang kita terima, belum ada laporan yang menunjukkan ada mangsa dari negara kita sendiri.

Nombor duanya mengenai sampai kah atau tidak kepada mangsa-mangsa itu, kita amat peka tentang keadaan di Lubnan itu sendiri. Kita telah mempunyai pengalaman apabila kita menyalurkan bantuan-bantuan tertentu, tetapi hari ini Kementerian Luar Negeri diamanahkan untuk berurusan terus dengan *Lebanese Red Cross (LRC)*, *Red Crescent Society*. Jadi, kita akan dapat maklum balas daripada kementerian itu sama ada ia betul-betul sampai atau tidak. Terima kasih.

3. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan status dan perkembangan terkini Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang ditubuhkan oleh kementerian baru-baru ini. Apakah kerangka Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dirangka oleh jawatankuasa ini bagi memastikan kemapanan dan kestabilan bekalan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditubuhkan pada 25 Mac 2020 bagi merangka hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik dan mampan. Jawatankuasa ini akan dibantu oleh Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang berperanan sebagai *coordinating committee* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Manakala kerangka sekuriti makanan negara telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 29 April 2020 sebagai parameter sekuriti makanan negara selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12, *Wawasan Kemakmuran Bersama* dan *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Kerangka ini mengambil kira semua faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi sekuriti makanan negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sejak jawatankuasa ini ditubuhkan, beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama pemain industri, para akademik, badan bukan kerajaan, di peringkat kementerian termasuk mesyuarat bersama Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi membincangkan isu-isu dan cabaran utama sekuriti makanan negara. Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara telah diadakan pada 14 Julai 2020. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan diadakan pada 8 September 2020 ini.

■1020

Kerangka Sekuriti Makanan Negara merangkumi empat komponen utama iaitu ketersediaan (*availability*), kepenggunaan (*accessibility, utilization*) serta kestabilan dan kemapanan (*stability and sustainability*). Kerangka baharu ini adalah selaras konsep terkini yang terbitkan oleh *Food and Agriculture Organization of The United Nations (FAO)*.

Komponen-komponen ini akan disokong oleh strategi-strategi utama, strategi-strategi sokongan, strategi-strategi pemboleh ubah daya yang memberi tumpuan kepada faktor politik, sosial, ekonomi, alam sekitar dan teknologi merangkumi semua guna tenaga. Kelestarian dan kemapanan sumber, perubahan iklim, pelaburan, kajian dan penyelidikan serta struktur *governance* sekuriti makanan merentasi agensi dan kementerian.

Selain itu, sebanyak empat kluster berlandaskan komponen kerangka ini di cadang untuk ditubuhkan dengan mengoptimumkan platform sedia ada sebagai medium perantara di bawah agensi kementerian seperti berikut:

- (i) Kluster Ketersediaan diurus setia oleh Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan;
- (ii) Kluster Kemapanan kemampuan diurus setia oleh Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna;
- (iii) Kluster Keselamatan diurus setia oleh Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (iv) Kluster Kestabilan dan Kemapanan diurus setia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Dalam hal ini saya yakin Kerangka Sekuriti Makanan Negara ini akan dapat menyumbang kepada pengukuhan sekuriti makanan negara serta memastikan kemapanan dan kestabilan bekalan makanan negara agar sentiasa kekal utuh. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, silakan Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Menteri dengan perancangan yang cukup mantap dalam kita menjaga sekuriti makanan negara. Soalan saya, apakah pembaharuan yang mungkin akan dilaksanakan oleh kementerian bagi memantapkan lagi dasar makanan negara? Apakah mekanisme pengukuran yang akan digunakan untuk mengukur tahap sekuriti makanan negara? Mohon Menteri untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Salim. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Berhormat Jempol. Sesungguhnya penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara itu sendiri adalah merupakan satu pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan dalam meningkatkan tahap sekuriti makanan negara dan memperkukuhkan keselamatan makanan di semua peringkat rantaian makanan. Dari peringkat pengeluaran import dan pertanian sehingga ke pemasaran dan pengagihan.

Penubuhan jawatankuasa ini juga menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam soal sekuriti makanan negara. Malah input dan saranan Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, serta Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan Negara dan Pemakanan Kebangsaan juga akan memanfaatkan ke arah menjamin sekuriti makanan negara dan seterusnya meningkatkan kedudukan negara dalam *Global Food Security Index* (GFSI).

Terdapat dua *indicator* utama yang digunakan untuk mengukur tahap sekuriti makanan sesebuah negara berlandaskan *Sustainable Development Goal (SDG) 2030* iaitu pertama *Prevalence of Undernourishment (POU)* dan kedua *Food Security Experience Scale (FSES)*. Dalam hal ini FAO telah menerbitkan laporan tahunan *The State of Food Security and Nutrition in The World* bagi tujuan menilai pencapaian ke arah mencapai sekuriti makanan iaitu satu dunia tanpa kebuluran dan malnutrisi berdasarkan kepada sasaran SDG 2: *Zero Hunger*.

Justeru, MAFI selaku Sekretariat Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara ini akan mengguna pakai model pengukuran yang sama bagi penentuan tahap sekuriti makanan negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Hang Tuah Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hang Tuah Jaya dulu.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Menteri, kalau mengikut Unit Risiko majalah *Economist*, Malaysia sekarang ini menduduki tempat yang ke-24 daripada 113 buah negara dalam Indeks Sekuriti Makanan Global 2019. Namun, maklumat yang kita dapat pada tahun 2019 misalnya negara kita masih lagi import makanan lebih banyak daripada eksport sehingga mengakibatkan defisit mencecah RM17.4 bilion.

Begitu juga tahap berdikari kita tentang produk-produk makanan yang lain masih lagi relatifnya rendah. Jadi saya ingin tanya apakah pendekatan jangka pendek dan juga jangka panjang yang telah pun dikenal pasti, yang akan dilakukan ataupun yang akan di sekalikan dalam Dasar Sekuriti Makanan Negara ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat, kedudukan Malaysia dalam GFSI adalah pada tahap kedudukan yang ke-28 pada 2019. Kita melihat kedudukan ini meningkat daripada kedudukan 40 pada tahun sebelumnya.

Kalau kita lihat dari segi kekuatan atau *the strength* yang menyebabkan kedudukan kita dalam kedudukan 28 termasuklah dari segi:

- (i) *proportion of population under global poverty line;*
- (ii) *presence and quality of food safety net programs* yang ada di Malaysia;
- (iii) akses kepada *financing for farmers;* dan
- (iv) *nutrition standards change in average food costs, food safety, food loss* dan sebagainya.

Merupakan kekuatan-kekuatan yang dimiliki oleh negara ini yang menjadikan kedudukan kita beralih daripada kedudukan 40 kepada kedudukan ke-28 pada tahun lalu. Tentu sekali penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara ini adalah antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menempuh usaha dan juga bagi menangani masalah kekurangan makanan, penyiapan dari segi pengeluaran domestik dan sebagainya, pengurangan import, peningkatan produktiviti bahan-bahan makanan negara. Antara langkah-langkah dan aspek yang dilihat oleh kerajaan dalam merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara ini bagi menjadikan kedudukan bekalan makanan negara ini sentiasa stabil dan mapan.

Jadi ini merupakan satu langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk meyakinkan dan meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang lebih baik dalam GFSI. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada tambahan ketiga. Yang Berhormat Putatan silakan.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, di dalam sekuriti bekalan makanan negara ini ia bersangkut-paut kepada penggunaan tanah. Kalau kita tengok di Semenanjung penggunaan tanah ini saya rasa kita sudah buat penggunaan tanah dalam tahap maksimum. Ertinya, kesemua tanah yang sesuai untuk padi itu saya rasa semua sudah digunakan. Akan tetapi, kalau kita tengok di Sabah Yang Berhormat Menteri, kita dapat tahu terlalu luas tanah-tanah terbiar yang dulunya digunakan untuk penanaman padi tetapi tidak lagi ditanam padi.

Jadi adakah kementerian ada program khas untuk pemulihan tanah di negeri Sabah yang begitu luas dalam usaha untuk bekalan makanan negara ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Kementerian melihat secara holistik semua masalah pengeluaran bahan makanan negara. Padi yang dikatakan itu kita melihat sawah padi yang ada sekarang ini, yang sedia ada ini ditingkatkan dari segi *yield* dan produktiviti hasil padi. Ini harus melibatkan pendekatan pengaplikasian pemodenan dalam teknologi dalam industri pertanian itu sendiri.

Selain daripada itu, kita melihat jelapang-jelapang padi yang di luar, tanah-tanah yang di luar jelapang padi ini harus dibangunkan bersama. Ini merupakan pendekatan bagi meningkatkan SSL padi dan beras negara untuk melihat sawah yang ada ditingkatkan produktiviti dan *yield* atau hasil dan kawasan-kawasan yang sesuai dijadikan sebagai jelapang padi akan dibangunkan untuk jelapang padi di masa akan datang.

Ini merupakan strategi yang sedang dirangka oleh Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Negara ini. Tentu sekali ia juga melibatkan dasar pendekatan-pendekatan lain untuk melihat bahawa semua bahan makanan bukan sahaja beras tetapi bahan makanan, produk-produk makanan yang lain harus ditingkatkan dan dikurangkan kebergantungan kepada import dari luar negara. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pagi-pagi ini elok kita berpantun. *[Ketawa]*

*Jika prinsip diganti wang,
Apa guna mahu bersatu,
Lebih baik jadi pejuang,
Soalan saya nombor satu.*

■1030

1. **Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah meningkatkan ekonomi bumiputera khususnya yang semakin ramai menganggur dan hilang tanpa menyalahkan bangsa lain.

Perdana Menteri [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pandai pantun. Nanti di luar Dewan, saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan Nasional komited untuk melaksanakan agenda bumiputera sebagai agenda nasional. Walaupun banyak kejayaan yang telah dicapai dalam usaha meningkatkan taraf hidup bumiputera, kedudukan sosioekonomi bumiputera masih perlu dilonjakkan.

Secara perbandingan, insiden kemiskinan bumiputera adalah sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2019 berbanding kaum Cina sebanyak 1.4 peratus dan India sebanyak 4.8 peratus. Pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat adalah sebanyak 16.2 peratus pada tahun 2015 berbanding bukan bumiputera sebanyak 30.7 peratus dan pegangan asing sebanyak 45.3 peratus.

Kadar pengangguran bumiputera adalah sebanyak 3.7 peratus pada tahun 2019, berbanding purata nasional sebanyak 3.3 peratus. Bagi suku kedua tahun 2020, kadar pengangguran bumiputera adalah sebanyak 5.2 peratus, berbanding purata nasional sebanyak 5.1 peratus. Mengambil kira keadaan ini, kerajaan telah mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera sebagai platform tertinggi untuk memperkasa pembangunan sosioekonomi bumiputera.

Saya sendiri akan mempengerusikan majlis ini yang akan memandu dan mempercepatkan pemerksaan ekonomi bumiputera. Saya juga telah memutuskan supaya Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) menjadi agensi penyelaras utama pembangunan sosioekonomi bumiputera.

TERAJU akan menjadi penyelaras tunggal bagi pangkalan data bumiputera merentas kementerian, agensi dan GLC. Bumiputera akan diberikan lonjakan berganda menerusi pembentukan budaya keusahawanan di pelbagai peringkat untuk menjadikan bumiputera sebagai bangsa usahawan. Budaya keusahawanan ini akan terus dipupuk secara bersepadu melalui peranan pelbagai agensi Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan TEKUN Nasional serta agensi-agensi mandat bumiputera.

Selain itu, lonjakan berganda dalam pendidikan dan modal insan akan terus diperhebat, khususnya dalam kalangan keluarga B40 dan M40 bumiputera. Pemberian biasiswa, program pemupukan dan pembangunan serta bimbingan kepada modal insan bumiputera akan diperluaskan kepada semua peringkat. Beberapa kaedah lain seperti, dengan izin, Dasar *Carve Out and Compete* KPI atau Sasaran Pencapaian Bumiputera bagi setiap kementerian, jabatan, agensi dan GLC serta perolehan ekuiti dan aset strategik akan dimantapkan.

Kerajaan komited untuk menjayakan agenda bumiputera bagi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dibentangkan pada awal tahun hadapan. *Insyallah*, saya akan berkeyakinan sekiranya semua pihak menumpukan sepenuh usaha untuk menjayakan semua perancangan yang telah saya sebutkan tadi, kita akan mampu melonjakkan taraf sosioekonomi bumiputera tanpa menjejaskan peluang dan hak kaum-kaum lain untuk menikmati kemakmuran negara kita secara bersama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat Pagoh. Silakan Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, soalan tambahan pertama.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pagoh kerana sudi menjawab soalan saya dari Parit Buntar. Saya harap pantun saya tadi tidaklah terkilan dengan pantun saya. Apa yang saya hendak bangkitkan ialah agenda bumiputera yang telah disebut itu memang sangat menarik kerana kita tahu dalam keadaan COVID-19 sekarang, semua yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pagoh kena pacu dengan lebih mantap.

Cuma saya rasa ada satu isu yang saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Pagoh, bahawa isu *Buy Muslim First* satu ketika dahulu banyak menjejaskan dalam konteks keseluruhan agenda tersebut. Oleh kerana kita telah menetapkan pada waktu kita berdepan dengan isu ini dengan menyatakan *buy Malaysian first* dan untuk memacu *buy Malaysian first* itu, kita juga memperkenalkan *buy halal first* supaya keseluruhan masyarakat, termasuk *non-bumiputera* akan dapat juga bersaing.

Apatah lagi kalau bumiputera sendiri pun masih belum lagi berdaftar dengan pensijilan halal. Saya mohon Yang Amat Berhormat Pagoh memberi penjelasan, apa jadi kepada BMF sedangkan parti yang ada di dalam Kerajaan Perikatan Nasional hari ini antaranya PAS dan UMNO memang sangat-sangat memperjuangkan *Buy Muslim First*, kempen yang pernah dilancarkan dulu. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Amat Berhormat Pagoh.

Tan Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan seperti mana yang kita tahu sekarang ini, memang masalah ekonomi kita agak begitu lemah. Salah satu daripada perkara yang kita berikan perhatian dan

tumpuan ialah untuk meningkatkan konsumsi ataupun pembelian bahan makanan dan sebagainya itu.

Oleh sebab itu, kita baru saja melancarkan kempen '*Buy Malaysian*' iaitu beli barangan-barangan Malaysia dan telah pun saya lancarkan di KLCC dalam tempoh tiga ke empat minggu yang lepas dengan tujuan untuk merangsang semula pembelian bahan-bahan yang dikeluarkan oleh rakyat kita. Keutamaan pastinya ialah barangan-barangan halal, tanpa saya sebutkan begitu kerana sebahagian daripada yang terlibat dalam kempen ini adalah usahawan-usahawan bumiputera sendiri.

Jadi, saya harap dengan usaha yang sudah pun kita gerakkan ini dan kita buat di seluruh negara, maka akan bangkit satu minat baru untuk terus melanggan barangan-barangan kita sendiri. Oleh kerana barangan kita jauh lebih baik, lebih kompetitif harganya dan saya kira mampu dibeli oleh orang-orang Malaysia sendiri. Jadi sebab itu, kalau langkah sebegitu terus dapat kita lakukan, maka secara tidak langsung juga penjualan bahan-bahan yang dikatakan halal pun akan meningkat dalam pasaran kita. *Insyallah.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Datuk. Silakan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu *statement* yang amat jelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah memperkasakan ekonomi bumiputera tanpa menutup peluang bukan bumiputera. Soalan saya ialah bagaimana kedudukan pemilikan ekuiti bumiputera di dalam syarikat-syarikat tersenarai, di dalam syarikat-syarikat tidak tersenarai dan bagaimana kedudukan agensi-agensi amanah bumiputera dan perusahaan-perusahaan awam?

Kedua, bagaimanakah kedudukan unit khas bumiputera di kementerian dan jabatan-jabatan? Apakah peranan mereka? Jika ia telah ditiadakan dalam kerajaan yang lalu, bagaimanakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Pagoh.

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh yang terkini, peratusan ekuiti bumiputera yang kita catatkan ialah lebih kurang 16 peratus sahaja. Yakni kalau dibandingkan dengan tempoh masa-masa yang lepas, semakin merosot. Satu yang agak membimbangkan. Oleh sebab itu, apa pun yang penting sekarang ini ialah bagaimana usaha yang hendak dibuat dan dilaksanakan oleh kerajaan sekarang.

Komitmen kita ialah untuk berusaha lebih daripada dahulu. Oleh sebab itu, dalam ucapan yang telah pun saya jelaskan tadi, ada suatu inisiatif baharu, umpama Majlis Kemakmuran Bumiputera, di mana dalam majlis ini yang saya akan mempengerusikan di sini, akan kita teliti dan halusi. Sektor-sektor mana sebagai contoh yang agak masih bumiputera jauh di belakang. Katalah sektor pembangunan, pembuatan, sektor perbankan ataupun sektor pertanian.

Jadi, bila ada data-data yang lengkap yang dapat kita kumpulkan menerusi unit TERAJU yang saya sebutkan tadi, maka, tindakan kita lebih berfokus. Jadi, sebab itulah bagaimana yang disebutkan tadi, inisiatif ini akan kita laksanakan dengan secara yang lebih gigih lagi. *Insyallah.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat Pagoh.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, soalan yang penting. Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ringkas ya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Dunia perniagaan adalah satu realiti yang harus kita akui. Oleh itu, saya berharap kerajaan juga tidak harus melupakan bahawa *joint venture* di antara bukan bumiputera dengan bumiputera adalah satu pendekatan yang harus juga difikirkan juga oleh kerajaan iaitu *joint venture* yang *genuine* di antara bukan bumiputera dengan bumiputera bagi meningkatkan lagi penglibatan

bumiputera dalam perniagaan. Akan tetapi, adakah kerajaan berhasrat untuk juga melaksanakan dasar-dasar ini seterusnya? Terima kasih.

■1040

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rompin itu akan kita ambil perhatian kerana itu juga salah satu daripada usaha yang kita boleh lakukan untuk menggabungkan tenaga dan juga sumber modal daripada bumiputera dengan bukan bumiputera yang *genuine*. Ini *genuine partnership*, bukan dibuat secara yang lepas dikata Ali Baba dan cara-cara yang mungkin tidak berapa sesuai dengan dasar kita. Jadi ini akan kita berikan perhatian. *Insyah-Allah*, perkara ini akan saya berikan tumpuan dalam rangka kerja yang kita sedang rancang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila kemukakan soalan bertulis. Maaf, sebab tiga soalan tambahan sahaja. Maaf, maaf.

2. **Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah yang diambil dalam membendung penularan pandemik COVID-19 dalam negara terutama setelah sempadan negara kembali dibuka. Sekiranya gelombang kedua bagi virus ini berlaku, apakah pihak kementerian sudah bersedia dari segi kelengkapan logistik, tenaga kerja dan katil untuk pesakit. Berapakah unit bagi set kelengkapan pelindung diri yang terkini antaranya penutup mulut dan hidung, pelindung muka, set PPE, alat bantuan pernafasan dan lain-lain.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Kuala Selangor. Soalan ini saya nampak boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Satu, adalah apakah langkah kita apabila sempadan kita dibuka. Kedua, adakah kita ini ada kemampuan untuk menangani COVID-19 kalau gelombang kedua atau ketiga akan terjadi.

Sebagai Yang Berhormat sedia maklum, keputusan untuk membuka sempadan Malaysia kepada negara luar diputuskan oleh kerajaan. Buat masa ini, sempadan negara masih belum dibuka sepenuhnya kepada negara-negara di luar. Kini kita hanya terhad kepada Singapura dengan pelaksanaan dua inisiatif iaitu melalui Laluan Hijau Timbal Balik ataupun *Reciprocal Green Lane (RGL)* dan juga melalui Peraturan Ulang Alik Berkala ataupun *Periodic Commuting Arrangement (PCA)* yang akan bermula pada 17 Ogos akan datang. Peraturan ini telah pun boleh didapati di sosial media, sekarang sudah pun diuar-uarkan.

Sekarang ini aktiviti di pintu masuk antarabangsa adalah sentiasa diperkukuhkan dengan kita mengadakan saringan kesihatan dan ujian COVID-19 yang sentiasa dijalankan untuk individu yang tiba di Malaysia. Jadi, individu yang tiba di Malaysia perlu mengadakan ujian pertama pada hari ketibaan. Kalau negatif, dia akan pergi ke kuarantin selama 14 hari. Selepas itu ujian hari ketiga belas dijalankan dan kalau negatif boleh balik ke rumah. Kalau positif memang akan pergi ke hospitallah.

Jadi, setakat 14 Ogos 2020, seramai 91,385 pengembara dari luar negara yang tiba di Malaysia. Dari jumlah ini dan dari saringan kita seramai 562 adalah positif. Dari *first* ujian saringan *and then* kedua, 211 ditemui positif.

Soalan kedua ialah dari segi kesiapsiagaan kementerian. Memang dari dahulu kita ada kapasiti dan fasiliti. Kita mempunyai pelbagai hospital. Kita sekarang ini mempunyai 40 buah hospital dan dua buah hospital universiti yang sentiasa terlibat dalam mengendalikan ujian COVID-19 dan kita mempunyai katil-katil yang begitu banyak. Sekarang ini katil yang sentiasa adalah 6,889 dengan kadar penggunaan 15 *percent*. Daripada kapasiti makmal, kita memang ketahui kita ada 58 buah makmal termasuk makmal universiti dan swasta yang sekarang ini dapat menanggung kapasiti kepada 38,600 sehari. Ubat-ubatan kita sentiasa ada. Kalau tidak adapun, kita sudah diberi kelulusan untuk membeli secara darurat.

Dari segi sumber manusia, memang kita mencukupi. Sekarang ini kita melibatkan 5,000 staf KKM *standby* dan kita pun menggunakan 2,000 lagi petugas kontrak di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi. *Of course*, kita ada klinik-klinik. Kita mempunyai 1,016 buah klinik di seluruh negara yang terlibat dalam saringan. Apa yang paling penting adalah daripada pengalaman kita. Pengalaman kita dari segi penglibatan seluruh kementerian dan agensi kerajaan, penglibatan masyarakat *then of course*, pengesanan kes-kes COVID-19 dengan kluster-klusternya dan juga peraturan yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Of course*, yang last adalah protokol rawatan yang kita sentiasa adakan dengan begitu prihatin.

Dari segi PPE, soalan yang telah akhir adalah— dari segi PPE Yang Berhormat, kita memang mempunyai PPE tidak kurang daripada tiga bulan penggunaan. Kalau *mask* kita mempunyai 18 juta untuk *ply mask* dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan panjang lebar, terima kasih atas usaha gigih dan berterusan.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekadar untuk menyinggung satu persoalan yakni ketika New Zealand atau Auckland kembali dalam *lockdown*, setelah 102 hari bebas daripada apa juga penularan virus SARS-CoV-2 ini. New Zealand merupakan negara terbaik, hanya 22 kematian dengan 1,500 kes sahaja tetapi kembali dalam *lockdown*.

Persoalannya adalah khususnya dari sudut kadar *testing* kita lakukan sekarang. Saya mendapat faham kita semacam ada sikit— kendur sikit kebelakangan ini dan saya diingatkan supaya *don't let our guard down* sebab kapasiti yang kita punya adalah besar tetapi kita tidak lakukan— satu, pertama kita tidak lakukan yang termampu kita, yang terbaik kita. Keduanya, saya ingin untuk bertanya, kenapa KKM kurang mahu untuk berkongsi— *to share on your website* ujian-ujian yang telah dibuatkan, yang telah dilakukan supaya kita tahu ujian itu adalah baik pada suatu ketika dahulu sama seperti *South Korea* tetapi tiga kali ganda dilakukan lebih baik— dilakukan oleh New Zealand.

Akan tetapi hari ini dan dalam mendepani gelombang in, kemungkinan gelombang ini, ujian adalah sangat penting. Saya ingin tahu dengan lebih tepat, bolehkah KKM berkongsi berapa jumlah ujian yang dilakukan dan perkara ini adalah sangat penting untuk kita sentiasa bersiap siaga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi kemampuan kita ataupun apa yang telah terjadi, tadi dikatakan New Zealand adalah satu daripada negara yang amat berjaya tetapi kita melihat daripada penilaian yang dibuat di negara *Japan*, negara Malaysia adalah dikategorikan sebagai negara nombor dua yang begitu mematuhi SOP ataupun menangani kes COVID-19 ini dan kita diberi peringkat nombor dua dan nombor satu adalah Korea.

Dari segi kapasiti ujian, saya ingat Yang Berhormat Menteri dalam minggu lepas telah pun menyuarakan isu yang sama, mengapa kita tidak membuat ujian yang lebih banyak. Akan tetapi kalau mengikut *guideline* daripada WHO, kalaulah *positive case* kita ini menjangkau kepada lima *percent* ke atas baru kita disuruh ataupun diperlukan untuk membuat lebih saringan. Akan tetapi di Malaysia kita mengadakan *targeted approach* dan kita pun telah buat saringan lebih daripada 1.6 juta saringan. *Positive case* sudah sangat rendah, *less than* atau *about one percent*.

■1050

Jadi, tidak perlulah kita membazirkan wang dan tenaga untuk membuat lebih banyak lagi saringan sebab dalam komuniti kita sekarang ini memang kes COVID-19 ini sudah berkurangan. Data yang kita ada harian adalah mereka yang datang daripada luar negara dan pengembara yang balik ke Malaysia. Mereka adalah kebanyakannya membawa kes positif. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan. Soalannya adalah sejauh mana prestasi hari ini bukan yang telah dilakukan. Ini kerana kita tidak boleh *let our guard down*, itu yang pentingnya ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa boleh diberi bertulis atau hendak jawab sekarang?

Datuk Aaron Ago Dagang: Jawapan bertulis, jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak kawal masa. Yang Berhormat Baling.

Datuk Aaron Ago Dagang: Sekejap sahaja, soalan dia *present*. Hari ini— *on daily basis* sekarang ini, kita cuma membuat dalam 5,000 hingga ke 6,000 saringan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Baling ya? Tahniah Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh*. Terima kasih

Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan buat waktu dan ketika zaman COVID-19 ini. Bukan saya hendak *underestimate* Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hormat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalaulah boleh Yang Berhormat Menteri datang menjawab sebab COVID-19 ini *very serious*. Segala mesyuarat mungkin dia yang masuk kebanyakannya. Jadi, ini saya harap selepas ini isu COVID-19 ini kalau boleh biarlah Yang Berhormat Menteri yang boleh jawab dengan— tidak adalah pertikaian. Terima kasih.

Saya hendak tanya sehingga 12 Ogos semalam, 12 kes terbaharu yang telah berlaku. Itu pukul 12.00 Tuan Yang di-Pertua. Pukul 2.30 tambah lagi 10 kes, lapan kes daripada kawasan Parlimen saya, Baling. Maksudnya ini ialah kluster apa, mereka belum *classify* lagi. Akan tetapi apa yang saya difahamkan, mereka ini pergi ke Bukit Mertajam dan semua ini sahabat kita masyarakat India yang pergi ke Bukit Mertajam kononnya ada sembahyang di situ dan sebagainya. Satu di Kulim, satu di Sungai Petani yang berlaku terbaru ini, belum diumumkan. Oleh sebab saya Ahli Parlimen, saya telah dapat laporan daripada pegawai kesihatan saya.

Soalan saya pada hari ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah tindakan kementerian dalam hal ini khususnya berkaitan dengan SOP? Dahulu kawasan Baling hijau, Kedah pun hijau. Tiba-tiba dengan adanya begini, kita bersandarkan pelbagai isu lain yang berlaku tetapi tidak nampak benda lain yang sedang berlaku ini. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, SOP ini harus disampaikan kepada pihak-pihak yang berwajib iaitu polis.

Roadblock harus terus dilakukan sebab kami ini semua duduk di kawasan *border* yang mana boleh pergi ke Thailand dan sebagainya. *Borders*, lorong-lorong tikus ini kena tutup. Selepas itu, saya juga mencadangkan kita adakan— bagilah kepada mereka *frontliner* di kawasan luar bandar, PPE ini masih kurang lagi. Saya sebab kita sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, apabila berlaku perkara ini kita tidak boleh duduk di Parlimen. Duduk dan main telefon, tidak boleh. Kita kena balik ke kawasan tetapi kita kena jaga diri kita pada masa yang sama.

Saya dengar Yang Berhormat Arau cakap baru-baru ini bila hendak buat satu lagi COVID-19 *test* untuk semua Ahli Parlimen. Kita tidak perlu menuding jari kawasan *you*, kawasan saya, kawasan Kubang Pasu, kawasan Penang, Perlis, Kangar— tidak perlu. Kita harus adakan satu-satu SOP dalam Dewan yang mulia ini sebab kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya, *one minute, sir...*

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua tengok semalam sahaja, *our Parliament* ini penuh sesak dengan pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang politik. Kita tidak salahkan mereka datang tetapi saya masih merasakan SOP dalam Dewan Rakyat kita ini, di hadapan masuk ini masih lagi tidak *stringent protocol, sir*.

Jadi, saya harap kalaulah Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab ini boleh fikirkan satu kaedah daripada Dewan yang mulia ini sampailah ke bawah khususnya di kawasan negeri Kedah, di Baling ini *so far* tertinggi sekali. Apakah kita hendak buat sesuatu yang macam biasa, yang tentera pergi tutup di kawasan kampung itu dan sebagainya? Mudah untuk kami membantu. Kami sebagai Ahli Parlimen, wakil rakyat semua hendak membantu Kementerian Kesihatan dan segala SOP yang ada. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya hendak ingatkan Yang Berhormat Baling, kalau Yang Berhormat Baling kena TEMCO dan Yang Berhormat balik minggu ini kena buat *testing* dahulu sebelum masuk Dewan minggu depan. *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya yang menurut perintah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kes yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya melihat kalau semalam *report* kita ada 11 kes dan saya tidak nampak dari Baling. Mungkin hari inilah sebab kita...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Lapornya hari ini akan keluar, hari ini.

Datuk Aaron Ago Dagang: Okey. Jadi okey, SOP biasanyalah kalau ada kes memanglah kita akan *the first thing* kita buat adalah kita akan cari *contact person*. Mereka

yang telah atau yang dapat *contact* dengan pesakit ini. Ini adalah pertama yang kita akan buat dan kita akan buat saringan kepada mereka dan kita bagi arahan untuk dikuarantin ya semua *contact person* ini. Itulah standard SOP. Saya berharap kalau hari ini kita melihat kes ini, mungkin kita akan mendapat maklumat yang terkini akan diberikan kepada Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tanjong Manis.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching, Bandar Kuching, Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah hendak benarkan Yang Berhormat Lembah Pantai. Soalan terakhir, maaf.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita baru-baru ini membaca dalam laporan berita tentang beberapa negara yang telah mungkin menghasilkan *trial vaccine*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita lihat ada negara-negara jiran kita yang menggunakan vaksin *trial* daripada negara-negara seperti China, Rusia dan sebagainya. Kita difahamkan Ketua Pengarah Kesihatan mengatakan Malaysia belum lagi bersedia. Bilakah soalnya— bilakah kita akan bersedia untuk menjalani ujian vaksin? Bilakah rakyat Malaysia akan dapat penggunaan vaksin COVID-19? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan. Apa yang diuar-uarkan baru-baru ini adalah daripada Rusia yang mengatakan mereka sudah pun menemui satu vaksin yang dinamakan mengikut angkasa pertama mereka ke angkasa. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, vaksin-vaksin ini pun kalau kita lihat daripada Rusia belum ada *publish scientific proof* yang ubat-ubat ini adalah memang dapat digunakan. Oleh sebab itu kita sekarang mesti melihat, menunggu dan kita akan memantau apa yang terjadi pada ubat-ubat ini atau vaksin ini.

Soalan untuk Malaysia, bilakah kita akan mengadakan vaksin kita sendiri. Memang kita pun telah menjalankan ujian bersama dengan MOSTI, KKM dengan MOSTI. Kita pun sudah bergabung untuk sama-sama mencari vaksin sama-sama dengan negara lain. Kita juga ada kolaborasi dengan negara-negara yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, bilakah saringan untuk Ahli-ahli Parlimen akan diadakan?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, jangka masa tidak ada. Belum ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Itu sedang diperhatikan Yang Berhormat Arau. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

*Hari raya dengan keluarga,
Kuih dihidang bermacam-macam aneka,
Soalan saya nombor tiga,
Perang dagang China–Amerika.*

3. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kesan negatif dan positif kepada Malaysia sejak perang dagang antara Amerika Syarikat dan China serta akibat penularan COVID-19 serta langkah-langkah proaktif yang diambil untuk mengatasi cabaran itu termasuk defisit perdagangan serta nyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China serta penularan pandemik COVID-

19, menuntut Malaysia untuk lebih berdaya saing dan membuka peluang-peluang baharu di peringkat serantau dan global. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat merekodkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus kepada RM80.41 bilion berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2019.

Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat meningkat pada kadar 2.4 peratus kepada RM46.15 bilion, manakala import Malaysia dari Amerika Syarikat juga meningkat 4.1 peratus kepada RM34.26 bilion. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 turut mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus kepada RM149.16 bilion berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2019.

■1100

Eksport Malaysia ke China meningkat pada kadar 8.3 peratus kepada sejumlah RM69.43 bilion, manakala import Malaysia dari China menurun sebanyak 5.8 peratus kepada RM79.3 bilion. Namun demikian, menyedari hakikat perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, serta penularan wabak COVID-19 masih berterusan, MATRADE telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi meningkatkan eksport untuk menangani impak perdagangan ke atas Malaysia.

Bagi terus mengekal dan menarik pelaburan ke Malaysia, khususnya syarikat-syarikat dalam rantaian bekalan global yang juga terkesan dengan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, antara pendekatan yang diambil termasuklah penyusunan semula rantaian yang membolehkan produk buatan Malaysia digunakan sebagai pengganti kepada produk import daripada China, Amerika Syarikat dan negara lain.

Kedua, menjadikan Malaysia sebagai destinasi penempatan semula bagi syarikat-syarikat yang terkesan dengan impak konflik perdagangan yang mana sehingga 31 Mei 2020, MIDA telah memberikan khidmat fasilitasi kepada sejumlah 86 syarikat asing yang beroperasi di China dan beberapa negara lain yang berminat untuk menempatkan semula aktiviti syarikat di Malaysia. Daripada jumlah ini MIDA telah berjaya menarik sejumlah 32 projek dengan pelaburan bernilai RM17.5 bilion.

Ketiga, menarik syarikat-syarikat daripada Amerika Syarikat dan negara-negara lain untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau (*regional production hub alternative*) dalam penyelarasan strategi untuk memasarkan produk mereka dalam rantaian bekalan global dan keempat, menggalakkan pembesaran atau pelaburan semula oleh syarikat-syarikat pengeluar bertaraf global yang beroperasi di Malaysia bagi memenuhi keperluan import oleh Amerika Syarikat dan negara-negara lain dalam rantaian bekalan global. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Daripada data-data yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, ia kelihatan terkawal. Walau bagaimanapun, pernah berlaku baru-baru ini iaitu defisit perdagangan yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Soalan saya ialah, setakat mana kejayaan kita meneroka pasaran baharu yang bukan tradisional seperti di Amerika Selatan, Afrika, mungkin Timur Tengah dan juga sebahagiannya di Asia Tengah.

Seterusnya, apakah insentif kepada pembesaran pelaburan kepada kilang-kilang sedia ada yang ada di dalam negara yang kita tahu sukar mendapatkan negara-negara lain memasuki pasaran Malaysia? Adakah kita bercadang untuk melakukan pusat sehenti setiap negeri? Sebagai contoh di Gebeng, Kuantan, ada pusat sehenti. Kemasukan pelabur sebelum ini adalah selama 44 hari prosesnya dan dikurangkan menjadi 22 hari. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Antara langkah yang sedang dilakukan oleh kerajaan ialah untuk meningkatkan kolaborasi dan kerjasama di antara syarikat China dan juga Malaysia, khususnya untuk sektor elektrik dan elektronik. MATRADE juga telah meneruskan aktiviti promosi perdagangan melalui platform digital dengan pengenalan *e-biz match*, sementara sesi *virtual trade clinic* juga sedang giat dilaksanakan.

Saya juga ingin menyatakan bahawa untuk menarik pelaburan baharu ke Malaysia, beberapa insentif telah diperkenalkan seperti yang saya umumkan baru-baru ini termasuk pengecualian cukai sebanyak 100 peratus selama 10 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor pengilangan dengan pelaburan harta tetap antara RM300 juta

hingga RM500 juta. Untuk sektor-sektor yang diberikan perhatian adalah sektor-sektor yang berkualiti tinggi, berintensif pengetahuan dan modal, berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi (*high value-added*).

Sukacita saya memaklumkan bahawa usaha-usaha ini telah menampakkan satu kesan yang lebih positif untuk tempoh yang akan datang yang mana pada tahun ini sahaja, MIDA telah mengenal pasti beberapa permohonan baharu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM72.6 bilion. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, menunjukkan Amerika Syarikat dan China, kedua-duanya adalah rakan perdagangan Malaysia yang penting. Soalan saya, kalau perang dagang sekarang ini bertukar menjadi perang senjata— perang betul-betul, apa persediaan Malaysia dan apa pendirian Malaysia dari segi perdagangan antarabangsa ini? Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya bersetuju bahawa Amerika Syarikat dan China merupakan rakan dagang yang penting bagi Malaysia. Maka, sekiranya kedua-dua negara ini mengalami satu keadaan ataupun perang dagang yang berterusan, sudah tentulah ia memberikan kesan kepada *trade performance* bagi negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, seperti yang saya telah cerakinkan sebentar tadi, kita telah melihat bagaimana usaha-usaha baharu harus ditingkatkan termasuk meningkatkan kolaborasi dan *regional collaborations*. Baru-baru ini Malaysia dan negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian RCEP pada tahun hujung tahun ini. Ini antara usaha untuk membuka pasaran-pasaran baharu di peringkat *regional* dan juga kawasan-kawasan baharu.

Kita, juga harus ingat bahawa ASEAN mempunyai satu pasaran yang besar. Kita mempunyai penduduk seramai lebih kurang 650 juta orang. Sudah tentulah ada potensi sekiranya Malaysia dapat meningkatkan daya saing di peringkat global dan serantau untuk memenuhi permintaan pasaran ini. Jadi, bagi saya dan kerajaan, melihat krisis yang berlaku ini sebenarnya ada peluang-peluang baharu bagi Malaysia. Namun, kita juga harus menyiapkan dengan pendekatan baharu, dasar-dasar baharu dan pelaburan bagi memenuhi permintaan pasaran pada hari ini. Terima kasih

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Boleh satu lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus untuk soalan seterusnya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Mask oren* ini tajaan Yang Berhormat Arau ya.

*Usung keranda selesai kafan,
Keranda disusun rapat-rapat,
Hulu Langat bangun penuh sopan,
Kemukakan soalan nombor empat.*

4. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan status lambakan kondominium mewah tidak terjual yang dibina di Kuala Lumpur sebelum bulan Mei 2018 dan apakah jalan penyelesaiannya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Hulu Langat yang tadi bertanyakan soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Langat, berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Tanah Negara, (NAPIT), terdapat sejumlah 2,260 unit dan di antaranya hanya 498 unit kondominium mewah yang berharga RM1juta ke atas yang tidak terjual di Kuala Lumpur setakat suku kedua 2018.

Isu lambakan kondominium mewah tidak terjual adalah isu yang perlu ditangani secara holistik oleh semua pihak yang terlibat seperti Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara Malaysia. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah soal

ketidakmampuan bakal pembeli untuk mendapatkan pinjaman serta ketidakpadanan dengan izin, *mismatch* antara penawaran dan permintaan dalam pasaran.

Di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan, dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur khususnya, kita memandangkan serius isu perumahan yang tidak berjaya dijual dan sedang mengambil semua langkah perlu bagi menangani melalui pelan pembangunan yang lebih mampan. Sebarang kelulusan perancangan untuk setiap pembangunan di Kuala Lumpur yang dikeluarkan oleh DBKL akan mengambil kira soal unjuran keperluan dan permintaan pasaran supaya kepesatan pembangunan di bandaraya Kuala Lumpur benar-benar bermanfaat dan dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 yang kelak tentunya akan menjadi sebahagian panduan dan asas pertimbangan pihak berwajib dalam membuat sebarang keputusan berhubung isu pembangunan. Pihak kementerian juga memberi komitmen untuk bekerja rapat dengan semua pemegang taruh agar masalah lambakan yang berlaku dapat ditangani dengan sebaik yang mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita maklum bahawa situasi lambakan unit kosong di Lembah Klang khususnya di Kuala Lumpur ialah suatu yang *evergreen*.

Dalam masa yang sama, masih ramai pula orang tidak mempunyai kediaman di sana. Kita tidak mencari salah siapa. Barangkali silap dari sudut *prediction* atau tidak mampu, tidak padan dengan permintaan awam, *whatever* yang disebutkan tadi.

■1110

Akan tetapi, apakah pihak kementerian ada berhasrat untuk mengenakan cukai unit rumah kosong, *vacant unit tax* seperti mana yang telah dibuat di bandar-bandar luar negara seperti Vancouver, Melbourne, Barcelona bagi membolehkan lebih banyak rumah tersedia untuk disewa pada harga yang wajar di sekitar Kuala Lumpur ini? Atau kerajaan akan menurunkan, menaikkan atau meneruskan kadar nilai ambang yang sedia ada yang mana ketika ini pada RM600,000 untuk pemilikan asing dalam isu lambakan hartanah premium ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Santhara: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai kadar nilai ambang itu, ianya ditentukan oleh Kementerian Kewangan dan soalan itu harus dijawab oleh Kementerian Kewangan.

Daripada segi Kementerian Wilayah Persekutuan pula, mengenai cadangan untuk mengenakan cukai dan sebagainya, sehingga kini memandangkan unit yang tidak terjual hanyalah kurang daripada empat peratus, maka ianya tidak dilakukan. Akan tetapi, cadangan itu akan diberi penelitian dan juga mungkin kita akan kaji kembali. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan kedua, dipersilakan Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat tahun lepas, tahun lalu, KPKT telah mengumumkan penurunan nilai ambang hartanah ini kepada warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000 dengan alasan akan mengurangkan lambakan hartanah kos tinggi.

Oleh kerana pembinaan harta tanah yang mewah ini telah menjadi lambakan dan beban kepada kerajaan untuk menyelesaikannya, oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu berhubung dengan dasar perumahan di Wilayah Persekutuan. Pertama, apakah kementerian akan mengenakan moratorium terhadap pembinaan hartanah mewah ini di Wilayah Persekutuan oleh kerana berlakunya *oversupply* ketika ini yang menyebabkan lambakan tersebut?

Seterusnya, apakah pihak Kementerian Wilayah Persekutuan berhasrat mengkaji semula nilai ambang hartanah warga asing yang ditetapkan oleh KPKT bagi perumahan di bawah Wilayah Persekutuan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara: Terima kasih. Soalan yang baik. Berkenaan dengan nilai ambang, ia telah dicadangkan oleh kerajaan lepas oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi saya difahamkan ianya masih belum dilaksanakan. Ini merujuk kepada artikel pada 11 Oktober, saya difahamkan ianya adalah di bawah Kementerian Kewangan tetapi belum lagi dilaksanakan.

Mengenai dengan moratorium pula, pihak DBKL, seperti yang telah saya jawab tadi, bahawa kita akan mengkaji Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040 dan juga pelan struktur dan kita akan pastikan bahawa tidak akan berlakunya lambakan dan juga sebagainya. Sebarang usaha sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang melibatkan, dengan izin, *high rise* dan juga kondominium mahal ini akan kita pantau dan kita akan pastikan tidak dibenarkan dibina secara berleluasa. Kita nak pastikan ianya adanya permintaan untuk itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua,

*Kelmarin saya datang,
Untuk makan buah delima,
Apa pun aral melintang,
Soalan saya nombor lima.*

5. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengusir keluar kapal *Coast Guard China* yang berlaku sejak 2013 dalam perairan Malaysia di Beting Patinggi Ali kerana kehadiran mereka akan menjejaskan usaha-usaha pembangunan terutamanya cari gali minyak dan perikanan di kawasan berkenaan.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Seperti yang telah saya jelaskan menerusi ucapan penggulungan Titah Diraja tempoh hari, Malaysia sejak dahulu lagi komited untuk menyelesaikan isu Laut China Selatan secara konstruktif menggunakan forum dan saluran diplomatik yang bersesuaian. Sebab itulah Kerajaan Malaysia secara konsisten telah mengemukakan nota-nota bantahan kepada negara-negara yang mana kapal mereka didapati menceroboh perairan kita.

Tindakan tersebut diambil selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia mempertahankan hak tuntutan perairan negara. Malah dalam beberapa bulan ini, saya telah beberapa kali menyuarakan kepada para pemimpin negara yang mempunyai kaitan dengan isu Laut China Selatan bahawa semua pihak perlu bekerjasama dalam usaha mengelak insiden, sama ada disengajakan atau tidak, di perairan berkenaan. Sebarang konflik yang berlaku hanya akan meningkatkan ketegangan sekali gus menggugat keamanan, keselamatan dan kestabilan di Laut China Selatan.

Misalnya, sejak Mac tahun ini, dalam mengendalikan isu kapal Petronas *West Cappella* di Arapaima-I dan Lala-I, pihak Kementerian Luar Negeri menggunakan jalan rundingan dan perbincangan diplomatik. Hasilnya, hari ini kapal-kapal Republik Rakyat China telah beredar dari kawasan tersebut.

Malah, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002.

Pada masa yang sama, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan atau, dengan izin, satu usaha untuk memastikan pihak-pihak di Laut China Selatan mengelakkan konflik antara satu sama lain, *The Code of Conduct in The South China Sea* (COC). Walau bagaimanapun, momentum rundingan COC ini telah tergendala buat masa ini akibat COVID-19.

Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia akan sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dimuktamadkan kelak adalah berkesan dalam memastikan kedaulatan hak-hak negara terus dapat kita pelihara.

Pada masa yang sama, semua agensi berkaitan dan agensi penguat kuasa maritim di negara ini termasuklah TLDM dan APMM sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan hak kedaulatan Malaysia adalah kekal terpelihara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah melaksanakan Ops Naga melalui agensi penguatkuasaan APMM dan pemantauan TLDM di Laut China Selatan. Menerusi statistik daripada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM), agensi tersebut telah menjalankan sejumlah 5,538 pemeriksaan ke atas pelbagai jenis *vesse/* termasuk nelayan-nelayan asing menerusi Ops Naga bermula tahun 2009 sehingga kini. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak 121 buah bot nelayan asing telah ditahan oleh agensi yang melibatkan pelanggaran pelbagai jenis akta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, perlu ingat, isu Laut China Selatan ini rumit dan melibatkan pihak yang lain termasuklah tuntutan bertindih dengan negara-negara lain di ASEAN seperti Brunei, Filipina dan Vietnam. Atas dasar itulah, Kerajaan Malaysia akan terus konsisten dalam mempertahankan hak tuntutannya tetapi pada masa yang sama mengambil sikap berhati-hati bagi mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan atau boleh, dengan izin, *escalate* sesuatu situasi di lautan berkenaan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini, negara-negara nampak tertonjol dengan ketokohan Menteri-menteri Luar. Pada zaman Adam Malik dahulu, pada zaman Tan Sri Ghazali Shafie dahulu dan juga tokoh-tokoh dunia. Yang Berhormat boleh bersama dengan tokoh-tokoh yang berkenaan kerana Yang Berhormat ada hubungan peribadi yang baik dengan China dan juga Saudi sebagai contoh ya. Jadi, saya ucap tahniah sebab Kementerian Luar telah berjaya mengeluarkan ataupun menyuruh mereka beredar daripada Arapaima-I dan juga Lala-I baru-baru ini.

Jadi, soalan saya tentang Beting Patinggi Ali ini yang saya tidak akan berhenti selagi menjadi Ahli Parlimen untuk memperjuangkannya ialah apakah kehadiran kapal-kapal tersebut mengganggu usaha cari gali minyak dan juga usaha-usaha perikanan? Apakah Yang Berhormat bercadang untuk kali ini kita lebih tegas lagi untuk merujuk Kerajaan China kepada Tribunal Antarabangsa sebab melanggar *United Nations Convention on The Law of The Sea (UNCLOS)*? *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1120

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Arau, konsisten dalam memperjuangkan isu di Laut China Selatan. Yang Berhormat, dalam membincangkan isu Laut China Selatan ini, kita tidak boleh lihat hanya mengambil kira isu Beting Patinggi Ali sahaja. Sebarang pendekatan yang kita laksanakan di kawasan berkenaan boleh mendatangkan kesulitan dan kesan di kawasan tuntutan yang lain termasuk tuntutan daripada negara-negara jiran ASEAN.

Semalam Yang Berhormat sentuh bahawa tidak ada tuntutan bertindih dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya menyatakan bahawa saya akan menjawab hari ini. Akan tetapi, kalau sekiranya kita tidak melihat Beting Patinggi Ali ini secara menyeluruh dan melihatnya hanya secara berasingan, ini akan menjejaskan kestabilan dan kedudukan kita di Laut China Selatan berhubung dengan hubungan kita dengan negara-negara jiran Asia.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Contohnya, Vietnam dan Malaysia, tuntutan bertindih di Pulau Layang-Layang, Terumbu Ubi, Amboyna Cay. Tuntutan Vietnam, *Philippines* dan Malaysia, Terumbu Mantanani, Terumbu Siput, Terumbu Peninjau, *Commodore Reef, Barque Canada Reef.*

Jadi, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa usaha kita untuk berdepan dengan kuasa-kuasa besar ini dan hubungan bilateral dan *trilateral* dan pelbagai hubungan dengan negara-negara jiran ini akan berterusan. Oleh sebab itu pendirian kita yang diminta oleh Yang Berhormat untuk tegas, ia merupakan sesuatu yang kita tidak kompromi. Lima minit lagi, isu ini yang dibangkitkan banyak kali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit. Silakan.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Ini kerana dua minggu lepas sahaja, Malaysia melalui Perutusan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menyuarakan pendirian Malaysia kepada Setiausaha Agong PBB. Malaysia dengan jelas menegaskan bahawa Malaysia sebagai negara berdaulat mempunyai hak di bawah dengan izin Artikel 76, *on the Law of the Sea, UNCLOS* ke atas kawasan perairan. Di mana pelantar benua yang berlanjutan lebih 200 batu nautika dari garis sempadan

wilayah perairan Malaysia di utara Laut China Selatan ini mesti merupakan sesuatu yang kita *consistently* telah pun pertahankan.

Malaysia menentang perakuan Republik Rakyat China bahawa mereka berhak ke atas kawasan perairan tersebut berdasarkan kepada sejarah atau *historical rights*. Kerajaan Malaysia juga menganggap bahawa tuntutan Republik Rakyat China terhadap entiti-entiti maritim di Laut China Selatan tidak mempunyai sebarang asas di bawah undang-undang antarabangsa.

Saya harap apa yang dinyatakan kepada PBB baru-baru ini, oleh wakil kita di sana, dapat memenuhi kehendak Yang Berhormat Arau untuk kita lebih bertegas terhadap kuasa-kuasa besar ini. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini amat penting untuk kita bincangkan. Kehadiran kapal *coast guard* China boleh dilihat sebagai usaha menggugat kedaulatan negara. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ada usaha oleh kerajaan untuk bekerjasama dengan negara jiran terutama Indonesia, *Philippines*, Vietnam dan *Singapore* dalam usaha menghalau dan mempertahankan kawasan perairan secara bersama? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Seperti saya sebut kepada soalan asal tadi, kalau kita bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain berdepan dengan sesiapa sahaja yang menidakan hak kita bersama di Laut China Selatan, kesannya lebih efektif secara inklusif. Akan tetapi dalam keadaan di mana kita melihat kepada tuntutan bertindih di antara negara-negara ASEAN sendiri, itu perlu diselesaikan dahulu. Oleh sebab itu, kita mengambil pendekatan untuk berdepan dengan kuasa-kuasa besar ini secara berterusan dan ia dikongsi bersama dengan rakan-rakan sejawatan saya di ASEAN.

Sebagai contoh, baru semalam, saya sempat berbincang, berhubung dengan Mike Pompeo, Setiausaha Luar Amerika Syarikat dan pada masa yang sama sehari sebelum itu, dengan Menteri Luar China, Wang Yi dan pendirian kita di Malaysia ini telah saya perjelaskan kepada kedua-dua belah mereka ini. Ini kerana saya juga tegaskan Laut China Selatan mesti kekal menjadi laluan perdagangan dan perairan yang aman dan pendirian Malaysia terhadap hak kita di situ tidak akan berganjak.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingat soal dukungan rakyat tanpa mengira pihak terhadap pendirian kerajaan dalam isu ini tidak timbul lagi. Ini kerana keputusan pun sudah jelas di peringkat antarabangsa yang mana Kerajaan Filipina berjaya terhadap tuntutan mereka yang menyokong juga tuntutan kita. Akan tetapi soal saya, pertama ialah apakah *rules of engagement*, dengan izin ataupun peraturan keterlibatan sekiranya berlaku *unintended escalation*? Jadi, saya rasa perkara ini penting kerana kita tidak mahu apa-apa perkara yang tidak dijangka kemudian menjadi masalah.

Kedua, bagaimana usaha memurnikan dokumen-dokumen dasar yang kadang-kadang ada percanggahan? MINDEF ada Kertas Putih Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri ada Kerangka Dasar Luar Malaysia. Jadi, bagaimana usaha untuk memurnikan perkara ini supaya kita dapat satu kerangka dasar yang konsisten di peringkat nasional?

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein: Mengenai hendak memurnikan usaha kita, hendak mengkoordinasinya, saya tengok ia tidak menjadi sesuatu perkara yang masalah sangat. Ini kerana di peringkat polisi iaitu dasar, kita konsisten sama ada kita berada di MINDEF, Wisma Putra atau di dalam kementerian-kementerian lain yang terlibat. Apa yang menjadi satu perkara yang rumit, yang kompleks ialah apabila ia melibatkan pihak ketiga. Sama ada negara-negara ASEAN itu sendiri atau dengan kuasa-kuasa besar yang mengintai kita. Ini memerlukan pendekatan-pendekatan yang pelbagai iaitu MINDEF dengan pendekatannya tersendiri, Wisma Putra dengan saluran diplomasi yang digunakan.

Akan tetapi, saya hendak beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa apa yang kita lakukan ini berpegang dan bersandarkan kepada dasar yang telah pun kita pertahankan secara konsisten dari dahulu lagi. Bukan satu perkara yang mudah, saya akui. Akan tetapi, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, usaha ini akan saya teruskan. *Insyallah*.

6. Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah dan yang akan diambil sebagai kesiapsiagaan untuk berdepan dengan kemungkinan *second wave* pandemik COVID-19. Adakah kerajaan berkemampuan untuk menjalankan saringan terhadap setiap penduduk di negara Malaysia, jikalau *second wave* pandemik berlaku.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya rasakan dan juga berpendapat ada kaitan dengan soalan nombor dua. Apa pun, saya akan lengkapi dengan memberi maklumat-maklumat yang bertujuan untuk menjawab soalan yang ditanyakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 adalah bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19, terutamanya setelah berlaku kluster terbesar melibatkan iaitu Kluster Sri Petaling. Pelaksanaan PKP ini telah berjaya menurunkan keluk penularan wabak COVID-19 dan mencegah daripada berlakunya gelombang kedua penularan wabak ini. Empat fasa PKP yang berakhir pada 12 Mei 2020 telah digantikan dengan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula dari 13 Mei hingga 9 Jun 2020 seterusnya, perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 sebagai langkah *exit strategy* secara berhati-hati dengan pembukaan secara berperingkat hampir kesemua sektor ekonomi dan juga sosial berpandukan *standard operating procedure (SOP)*, dengan izin.

Mekanisme pengurusan bencana negara yang dilaksanakan ini telah berjaya mengawal penularan wabak COVID-19 dan mengelakkan fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik terbeban dengan jumlah kes yang terlalu tinggi.

■1130

Saringan COVID-19 hari ini hanya dilakukan ke atas mereka yang bergejala dan datangnya dari luar negara dan tidak dilakukan ke atas semua penduduk di negara Malaysia kerana selagi tiada vaksin, sesiapa sahaja pada bila-bila masa boleh dijangkiti dengan virus ini. Langkah pencegahan terbaik ialah dengan membudayakan dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan kita seperti penjarakan fizikal dan pematuhan kepada kawalan kebersihan seperti kerap membasuh tangan dengan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.

Baru-baru ini untuk makluman Ahli Dewan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu untuk memastikan kita terus dapat bersama-sama memerangi penularan wabak COVID-19. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Kampar.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan terdapat kemungkinan gelombang yang kedua penularan COVID-19 ini, adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan polisi ataupun arahan saringan kepada lebih ramai suspek. Ini kerana trend di *United States*, di Amerika Syarikat dan juga di Eropah jelas menunjukkan bahawa karakter virus COVID-19 ini telah berubah iaitu median umur pesakit semakin menurun dan ramai di antara mereka adalah pesakit asimptomatik.

Angka WHO juga menunjukkan bahawa penularan COVID-19 ini masih tidak dapat dikawal di banyak negara. Jadi, apakah langkah ataupun polisi kerajaan tentang saringan untuk memperluaskan lebih banyak kepada pesakit-pesakit ataupun suspek ini?

Soalan yang kedua adalah bagaimanakah kerajaan dapat menjamin kemampuan hospital-hospital kerajaan untuk merawat kes-kes *non* COVID-19 seperti penyakit kanser ataupun rawatan yang lain. Ini kerana fokus kami telah pun diberikan khususnya kepada kes-kes COVID-19 ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Kita harapkan Tuan Yang di-Pertua sekiranya ada *spike* atau peningkatan penularan wabak COVID-19 ini, kalau kita lihat hari ini kita dalam keadaan bersiap sedia untuk memutuskan penularan itu. Statistik yang kita terima pada hari ini dan selalu dibincangkan di peringkat Majlis Keselamatan Negara, menunjukkan yang kita ini boleh menangani penularan COVID-19 dengan adanya *guideline* daripada *World Health Organization*.

Jikalau dilihat sekarang ini ya, kita tahu *strain* daripada COVID-19 ini memang banyak telah wujud dan kita tidak boleh mendekati ataupun mendekati sesuatu SOP yang berlainan, apa yang kita telah praktikkan hari ini dan kita nampak telah pun berjaya.

Contoh, minggu lepas kita nampak satu amaran dari data ada peningkatan tetapi kita boleh dapat mengekang penularan itu dengan begitu cepat. Itu menunjukkan kesiapsiagaan kita dengan ada fasiliti yang wujud hari ini contohnya, tidak pun mengganggu apa sahaja khidmat-khidmat kesihatan yang perlu.

Contohnya, untuk menerima pesakit kanser, orang kata itu *it's not affecting*, dengan izin apabila wujudnya kluster-kluster yang kecil hari ini, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Baling sendiri hari ini, kita nampak ada kluster yang kita dapat bendung secara cepat. Contoh, kalau *dedication* kita beri kepada fasiliti tertentu, kita bersiap sedia contohnya di MAEPS Serdang. Itulah tempat utama yang kita gunakan sekiranya ada penularan. Kita akan pastikan hospital-hospital tertentu sahaja yang kita gunakan untuk meletakkan *patients*, dengan izin yang kita anggap ada gejala-gejala COVID-19. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kimanis, silakan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila kita bicara soal kesiapsiagaan kita kemungkinan *second wave*, yang paling penting ialah soal kita mempercepatkan vaksin COVID-19 ini. Tadi sahabat saya Yang Berhormat daripada Lembah Pantai ada menyentuh soal bila agaknya.

Akan tetapi, isu ini Tuan Yang di-Pertua bagi saya cukup penting. Kita sebagai kerajaan dan rakyat sebenarnya sedang menanti-nanti berita gembira ini. Bilakah negara kita akan dapat vaksin ini? *We can keep the public informed* dengan izin, tentang apa juga *latest* yang terkini tentang usaha-usaha untuk kita mengeluarkan vaksin di negara kita. Seperti di Indonesia, mereka lebih ke hadapan, mereka sudah *test* sekarang, sedang *trial* tetapi kita tidak ada apa-apa maklumat tentang *latest*, tentang ujian vaksin ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Soalan berkaitan, boleh? Bandar Kuching.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, mengenai vaksin. Perkembangan terbaru eloklah kita mendapat maklumat yang tepat daripada Kementerian Kesihatan tetapi yang pentingnya hari ini, dengan adanya orang kata itu *the impact of what we have done so far* dengan izin, kita lihat kita boleh membendung penularan wabak COVID-19 itu ke tahap yang kita boleh uruskan.

Hari ini kita sentiasa mengambil maklum apa sahaja maklumat dari peringkat antarabangsa. Sekiranya sudah ada penemuan vaksin, kita akan memberi maklumat yang tepat kepada rakyat. Kita tidak mahu menerima berita-berita yang mungkin kita perlu *confirm*-kan, mengiakan supaya ia kita gunakan di dalam negara. Apa pun kalau di sudut— sebagai tambahan, kalau kita lihat hari ini kesiapsiagaan kita termasuk siapa-siapa yang bergejala kita boleh saringkan dengan PCR dan *rapid test kit antigen* contohnya. Hari ini kita mampu untuk menjalankan saringan ini dengan kapasiti yang ada, mencapai kepada 50,000 PCR dan RTK Antigen satu hari. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf Yang Berhormat Bandar Kuching, hari ini pihak wanita belum lagi bersuara. Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Persoalan saya, memandangkan di seluruh dunia ada juga mereka melahirkan kebimbangan vaksin itu tidak mudah untuk ditemui dan dipastikan keberkesanannya. Dr. Anthony Fauci dari Amerika Syarikat memberikan amaran ini. Maka langkah kerajaan untuk membendung penularan COVID-19 jauh lebih penting. Kita baru sahaja akan membincangkan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019, beberapa bulan selepas gelombang pertama memberi kesan yang sangat negatif buat perniagaan dan rakyat.

Bagi menangani gelombang kedua, adakah kementerian akan mengguna pakai penggunaan data, model, *algorithms*, lebih-lebih lagi kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* bagi menguji keberkesanan dasar dan juga inisiatif dan kemapanan sistem kesihatan kita berbanding dengan pengumuman individu-individu yang kadangkala bercelaru. Mohon pandangan Yang Berhormat dan jawapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, memang sepatutnya soalan begini di jawab oleh Kementerian Kesihatan. Akan tetapi apa pun sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam tugas-tugas khas, maklumat yang saya beri tadi *consistent*. Maksudnya tadi, kalau kita hari ini tidak boleh ketahui yang vaksin itu sebenarnya telah ditemui, banyak berita kita terima. Apa yang kita boleh buat, langkah terbaik adalah untuk memutuskan rantaian.

Memutuskan rantaian COVID-19 lebih penting dengan kita menggalakkan masyarakat umum, rakyat untuk mengadaptasikan cara kita menguruskan kehidupan kita. Baik daripada segi kehidupan hari-hari ataupun SOP tertentu untuk kita menjaga pembangunan ekonomi itu sendiri. Jadi, saya tidak boleh menjawab apakah vaksin yang kita dapat hari ini. Kita mengukur segala bentuk penularan itu, *performance* kita dengan menggunakan SOP peringkat antarabangsa.

Contohnya, hari ini kita adalah negara yang terendah dari sudut jangkitan *in terms of representation 1:1,000 population*. Nombor itu saya tidak boleh bagi pada hari ini, tidak ada dengan saya, saya boleh bagi dengan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan sekarang Yang Berhormat Machang.

7. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah pihak kementerian berhasrat untuk memberi semula bantuan geran tanam semula kelapa sawit kepada pekebun-pekebun kecil sawit yang telah diubah menjadi pinjaman pada tahun 2019.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Selamat pagi saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang untuk soalan ketujuh.

Di sini saya ingin beri jawapan yang mana seperti mana yang saya jawab pada sesi sidang yang lalu bahawa skim tanaman semula sawit untuk pekebun kecil ini yang disediakan semasa RMKe-10 telah ditukarkan daripada geran kepada pinjaman semasa kerajaan yang lalu. Walau bagaimanapun, menyedari akan keperluan dan kehendak pekebun kecil, kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk menstrukturkan semula Skim Pembiayaan Semula Tanam Semula Sawit ini dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit untuk dikhususkan kepada kumpulan sasar tertentu seperti golongan B40 dan sebagainya.

■1140

Seperti mana yang saya telah maklumkan juga dalam Dewan Rakyat ini bahawa kita telah mengangkat permohonan kita di dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kita begitu berharap tinggi agar permohonan ini diluluskan oleh pihak EPU supaya kita boleh membantu pekebun-pekebun kecil ini untuk mendapat geran penanaman semula sawit ini. Kita berharap demi untuk kesejahteraan dan juga untuk memperkasakan industri sawit dan membantu golongan pekebun kecil, kita memang kekal dengan prinsip dan pendirian kita untuk membantu mereka. Akan tetapi ia juga tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebelum ini bantuan diberikan kepada pekebun kecil ini adalah dalam bentuk geran. Di dalam tempoh itu berapa ramai kah pekebun-pekebun kecil telah mendapat nikmat hasil daripada bantuan yang diberikan? Kalau boleh, berapakah nilai ataupun jumlah yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan bagi tujuan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Willie anak Mongin: Terima kasih Yang Berhormat Machang, soalan yang begitu spesifik dengan jumlah-jumlah bilangan pekebun dan juga implikasi kewangan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan. Jadi sebenarnya, untuk Skim Penanaman Semula Sawit ini untuk pekebun kecil, geran yang telah diberi dalam tempoh RMKe-10 ini dibahagi kepada zon-zon tertentu iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Izinkan saya rungkai satu per satu perbelanjaan yang telah dibelanjakan iaitu untuk keluasan yang telah diluluskan untuk Semenanjung adalah 37,148 ribu hektar yang melibatkan pekebun kecil berjumlah 16,828 pekebun kecil dan dengan nilai RM197,278,208.

Untuk Sabah, keluasan yang telah diluluskan adalah 14,255 hektar yang melibatkan 3,179 pekebun kecil yang melibatkan RM113,000,000. Manakala bagi Sarawak, keluasan dalam 222 hektar yang telah diluluskan yang melibatkan 69 pekebun kecil dan yang melibatkan RM1,900,580 jumlah nilai yang telah diluluskan.

Ini secara keseluruhan telah melibatkan keluasan yang telah diluluskan adalah 51,625 hektar dan juga melibatkan bilangan pekebun kecil yang berjumlah 20,076 orang dan melibatkan dana yang melebihi RM312 juta secara keseluruhan. Oleh itu, kita sentiasa ingin memperkasakan industri sawit ini dan kita sentiasa membawa kemakmuran bersama kerana negara kita adalah rakyat— Kita ingin memperkasakan rakyat kita dengan Malaysia yang prihatin. Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan. Hang Tuah Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendengar jawapan Yang Berhormat tadi dan mengucapkan tahniah kerana kerajaan sedang dalam proses mengkaji bantuan ini bergantung kepada kemampuan kumpulan bersasar dan juga bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, antara isu yang sering dibangkitkan dalam kita membahaskan mauduk ini ialah dalam konteks bantuan ini dilihat kadang-kadang memberikan kelebihan kepada satu pihak sahaja iaitu pekebun kecil tersusun di FELDA dan di FELCRA. Manakala yang mendapat bantuan dan pinjaman ini biasanya pekebun kecil yang tidak tersusun. Jadi, bagaimana kementerian hari ini menangani isu ini? Apakah ada *engagement*, dengan izin, untuk memastikan walaupun dalam RMKe-12 ia diluluskan, ia tidak terlepas pandang kumpulan pekebun kecil yang tersusun ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Willie anak Mongin: Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya pun bekas Timbalan Menteri Komoditi dan memang beliau juga arif mengenai halangan dan kekangan yang kita— *We are facing*. Jadi, sebenarnya di dalam senarai bantuan ini memang kita ingin menyenarai putih senarai ini supaya kita boleh memberi bantuan kepada kumpulan-kumpulan sasar, khasnya pekebun-pekebun kecil yang betul-betul memerlukan bantuan. Jadi, di peringkat kementerian, kita telah menstrukturkan semula strategi kita. Pertama, kita ingin menyenaraiputihkan senarai-senarai pekebun-pekebun kecil ini supaya mereka tidak terlepas pandang. Memang saya akui disebabkan senarai ini tidak diputihkan, ada yang sudah tidak terlibat dengan penanaman sawit masih diberi bantuan. Jadi, itu kita ingin perhalusi.

Kedua, kita juga ingin melibatkan mereka ini dan kita telah arahkan pegawai tunas perkembangan sawit ini kepada lapangan supaya mereka dapat membantu golongan-golongan ini untuk mengetahui apakah permasalahan mereka supaya kita mengenal pasti apa yang kita dapat bantu kepada golongan ini. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Ramkarpal Singh a/ Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan pengedaran dadah dan sekiranya ya, sama ada kerajaan bercadang untuk meminda hukuman bagi kesalahan pengedaran dadah kepada hukuman penjara minimum supaya hukuman dapat dijatuhkan berdasarkan fakta setiap kes.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan pelajar saya, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Khas Kajian Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori yang mana jawatankuasa khas ini berfungsi untuk melaksanakan kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori. Jawatankuasa ini juga telah diberikan tempoh selama empat bulan dari bulan September 2019 sehingga bulan Januari tahun 2020 untuk mereka melengkapkan kajian ini.

Jawatankuasa khas ini telah sebenarnya untuk makluman Dewan ini, telah selesai melaksanakan kajian berkaitan polisi penghukuman ataupun *sentencing policy* bagi menggantikan hukuman mandatori dengan hukuman yang lebih wajar, tertakluk kepada budi bicara mahkamah. Saya baru terima saja satu naskhah yang tebal ini [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] hasil daripada kajian Jawatankuasa ini yang

telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum, mantan Ketua Hakim Negara dan juga beberapa orang mantan hakim, mantan Peguam Cara Negara, ahli SUHAKAM, wakil daripada Jabatan Penjara, ahli *criminologist*, pensyarah dan juga ahli Majlis Peguam.

Untuk makluman Yang Berhormat, yang saya tahu Yang Berhormat adalah seorang peguam yang aktif dalam mengendalikan kes-kes mahkamah. Laporan Akhir Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori ini mengandungi syor-syor hukuman ganti terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati iaitu sembilan daripada *Penal Code*, dua daripada Akta Senjata Api, penalti lebih berat dan juga untuk seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya sebagaimana yang Yang Berhormat bangkitkan.

Di samping 21 kesalahan yang membawa hukuman tetapi tidak mandatori. Sebaliknya bergantung kepada budi bicara mahkamah.

Hasil daripada dapatan kajian ini dijangka akan menjawablah semua persoalan sama ada kerajaan bercadang untuk meminda hukuman bagi kesalahan pengedaran dadah sebagaimana Yang Berhormat sebutkan. Minta maaf, saya belum boleh dapat umumkan cadangan kerajaan kerana hasil ini belum dibawa lagi ke Kabinet. Jadi, sama ada Kabinet boleh bersetuju ataupun tidak, itu bergantung kepada persetujuan dan pertimbangan dan *insya-Allah* dalam waktu terdekat lah saya akan pastikan perkara ini akan dibawa ke Kabinet. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan kepada soalan saya tersebut.

■1150

Saya ingin bertanya, memandangkan laporan tersebut sekarang telah pun siap, saya difahamkan daripada jawapan Yang Berhormat tadi dalam bulan Januari tahun ini iaitu sudah lebih tujuh bulan sekarang. Tujuan saya bertanya soalan ini adalah kerana terdapat ramai orang yang *currently under death row* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

So, memandangkan keadaan tersebut, bilakah kerajaan berhasrat ataupun berniat untuk mengimplementasikan hasil-hasil ataupun *findings* daripada jawatankuasa tersebut sekiranya *findings* tersebut memang membuat *recommendation* untuk memansuhkan hukuman *death penalty* bagi kesalahan-kesalahan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Untuk makluman, saya sebut tadi laporan ini sepatutnya disiapkan bulan Januari tetapi saya baru terima pada 17 Julai daripada jawatankuasa ini mungkin kerana mereka memerlukan masa dan sebagainya. Mereka diberikan empat bulan tetapi saya baru menerimanya pada 17 Julai.

Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat tadi berhubung dengan hasrat kerajaan, saya isytiharkan *interest* saya, saya juga *criminal lawyer*. Saya tahu bahawa masalah kes seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya ini merupakan satu perkara yang menarik minat ataupun perhatian seluruh masyarakat, lebih-lebih lagi daripada rekod yang kita ada menunjukkan bahawa hukuman mati yang telah dijatuhkan setakat ini kepada kes-kes di mahkamah adalah berjumlah 1,267 orang banduan yang telah dihukum mati. Sebahagian besarnya, kita tidak ada angka yang tepat, sebahagian besarnya daripada kes seksyen 39B.

Jadi, memang menjadi hasrat kerajaan terutamanya saya sendiri apabila saya membawa perkara ini ke Kabinet, saya akan pastikan kalau pengesyoran ini diterima oleh Kabinet, saya akan melaksanakannya dengan secepat yang mungkin, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kuala Krai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dadah adalah merupakan musuh utama negara bahkan dunia. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dalam kajian ataupun dalam maklumat Yang Berhormat Menteri, negara manakah yang paling rendah kes pengedaran dadah?

Bagaimanakah mereka dapat mengawal dan memastikan negara mereka selamat daripada ancaman dadah? Adakah dengan hukuman berat yang mereka laksanakan ataupun ada kaedah-kaedah lain yang boleh diambil sebagai panduan untuk kita pastikan pengedaran dadah dalam negara kita ini dapat dikawal dengan sebaiknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kuala Krai. Sebelum itu saya hendak respons balik, saya baru dapat data untuk jawapan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Statistik setakat 11 Ogos 2020, kes seksyen 39B yang dihukum mati sebanyak 918 kes. Sebanyak 472 kes warganegara Malaysia dan 446 kes warga asing yang telah dijatuhkan hukuman mati mandatori oleh mahkamah kita di Malaysia ini.

Kepada persoalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai tadi, kita – ini satu lagi tambahan. Daripada warga asing, 446 kes dan seramai 111 daripada warga Nigeria.

Untuk Yang Berhormat Kuala Krai, saya ingin menyebutkan bahawa memang banyak negara di dunia ini yang terpaksa mengambil langkah memperkuat atau memperketat undang-undang berkaitan dadah kerana masalah penyalahgunaan dadah telah menular menjadi masalah yang besar di seluruh negara di dunia. Setakat ini tidak ada sebuah negara yang benar-benar boleh dijadikan model kepada kita untuk kita contoh sebagai negara yang boleh menguruskan masalah dadah ini secara yang amat berkesan.

Namun demikian, Malaysia sentiasa mengambil maklum dan juga mengadakan hubungan *smart partnership* dengan negara-negara yang menggunakan perundangan mereka untuk menyelesaikan dan membendung masalah dadah ini di samping bukan sahaja masalah perundangan ataupun isu perundangan yang digunakan tetapi juga ada kaedah-kaedah lain yang digunakan untuk membendung penularan penyalahgunaan atau kes-kes penyeludupan dan juga *trafficking* dadah ini.

Kita sentiasa mengkaji dan mengambil kira konvensyen-konvensyen yang diadakan di peringkat antarabangsa untuk kita mengambil kira perkara-perkara yang baik untuk kita laksanakan di dalam negara kita untuk menangani masalah dadah ini. Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Pengerusi: Silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: ...Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ketiga. Saya rasa Yang Berhormat Batu Kawan lah sebab Yang Berhormat Permatang Pauh sudah bercakap tadi. Maaf.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan Yang Berhormat Menteri beriklan tadi. Saya ingin membangkitkan isu statistik Yang Berhormat Menteri bacakan tadi. Berdasarkan jawapan yang telah saya terima pada 13 Julai, dikatakan jumlah warga dalam banduan akhir adalah 1,314 orang di mana 775 orang daripada mereka adalah warganegara Malaysia dan daripada itu, 61 peratus telah *discharge* di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya.

Tadi Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan, saya dengar ada trend menaik. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, wujud memang jelas trend bilangan banduan akhir menaik di negara kita walaupun ada hukuman gantung. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa hukuman berat seperti hukuman gantung sampai mati ini tidak ada kesan terhadap penjenayah-penjenayah mahupun dengan izin *drug lords* yang ada di luar sana.

Saya ingin bertanya di sini, dengan trend menaik ini apakah tindakan daripada kerajaan dengan izin *government* harus *invest to end crime, not end life*. Saya ingin tahu juga, sekadar mana penguatkuasaan di *borders* kita terutama sekali dari Malaysia ke Thailand ataupun Indonesia dan Singapura berkesan setakat ini.

Apakah langkah-langkah pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang yang akan diambil oleh kerajaan. Begitu juga status moratorium hukuman gantung di Malaysia yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lima soalan itu. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Batu Kawan atas soalan yang dikemukakan. Saya sekali lagi hendak mengekalkan fakta yang saya berikan. Daripada rekod yang saya ada, jumlah kes hukuman mati mandatori termasuk hukuman dadah ini sebanyak 1,305 kes termasuk 24 orang yang proses pengampunan mereka ditolak.

Jadi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa saya mengesahkan kerajaan yang lalu, Kerajaan Pakatan Harapan di bawah rakan saya Yang Berhormat Batu Sapi telah *initiate*kan perkara ini. Saya bagi satu penghargaan dalam ucapan saya dalam ini ya, telah mengambil satu inisiatif *to be fair this is for national interest*.

Kita telah mengadakan kajian ini dan saya akan meneliti sebaik-baiknya supaya perkara ini yang saya rasa timbul daripada hasrat kerajaan dulu untuk melihat proses keadilan diberikan termasuk kepada mereka yang dituduh di mahkamah dan saya terima satu nota yang baru. *It is not 1,345 cases, death row 1,324 cases. Section 39B - 302,374, seksyen 39B - 918 telah naik ya.*

Akta Senjata Api, 16 kes. Culik, enam kes. *Penal Code*, dua, 396. Jadi ini merupakan jumlah yang sebagaimana Yang Berhormat Batu Kawan sebut. Semakin menaik. Ini amat membimbangkan walaupun sebahagian daripada banduan yang telah dihukum mati ini adalah warga asing tetapi mereka berada di dalam negara kita. Mereka perlu diberikan hak yang sewajarnya dan menghargai hak-hak asasi kepada mereka.

Saya memberikan jaminan bahawa kerajaan kita akan mengambil kira apa yang telah dihasilkan oleh tim kajian ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Batu Sapi.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi sudah tiga soalan sebenarnya. Maaf sudah lebih.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Sudah lebih, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Maaf tidak boleh lebih lagi.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang tamatlah sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih semua.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1200

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua

12.00 tgh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, silakan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula fungsi kementerian ini selaras dengan pewujudan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020 yang bertujuan memperkemas lagi organisasi dan fungsi kementerian-kementerian terutamanya dalam memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berfokus dan berkesan, cekap, peduli rakyat, telus dan berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga kementerian baharu yang diwujudkan iaitu Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air, dan Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian-kementerian ini telah diberikan kod maksud bekalan baharu dalam rang undang-undang ini iaitu B.14, B.33 dan B.64. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah distrukturkan semula menjadi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan mengekalkan maksud bekalan B.23. Kementerian Tenaga, Sains dan Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim distrukturkan menjadi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan mengekalkan maksud bekalan B.30. Manakala Kementerian Pendidikan distrukturkan semula di mana fungsi pendidikan tinggi telah dikeluarkan daripada kementerian. Kementerian Pendidikan masih mengekalkan maksud bekalan B.63. Dalam pada itu, satu kementerian telah dibubarkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula ini melibatkan perpindahan program dan agensi di antara kementerian dan bagi program-program yang disusun semula di bawah maksud bekalan yang baharu. Baki peruntukan program-program yang terlibat di kementerian lama perlu dipindahkan kepada maksud bekalan yang baharu. Oleh itu, perkara ini perlu dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan penyesuaian peruntukan tahun 2020 tersebut tanpa menjejaskan jumlah peruntukan yang telah diluluskan terdahulu.

Apa yang berlaku hanyalah pengubahsuaian kedudukan program-program dalam maksud-maksud bekalan tertentu sahaja selaras dengan Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan, maka penguntukan semula peruntukan perbelanjaan ini bagi maksud-maksud yang terlibat dibentangkan melalui Akta Perbekalan ini. Bagi program yang dipindahkan ke kementerian baharu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan waran sekatan terhadap baki peruntukan yang belum dibelanjakan kepada kementerian asal berdasarkan baki peruntukan pada 30 April 2020, bagi program atau aktiviti yang terlibat.

Sekatan ini dilakukan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2020 yang disekat adalah sebanyak RM7,184,083,200. Jumlah yang sama juga telah dicadangkan untuk diperuntukkan semula kepada kementerian-kementerian yang menerima program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perincian peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2020 yang disekat adalah seperti berikut:

Perkara	Perbelanjaan (RM juta)
B.6 – Jabatan Perdana Menteri	359.2
B.10 – Perbendaharaan	82.6
B.15 – Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	336
B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	155.4
B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	253.9
B.32 – Kementerian Wilayah Persekutuan	70.3
B.46 – Kementerian Sumber Manusia	2.8
B.63 – Kementerian Pendidikan Malaysia	5,923.3

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, perincian kepada cadangan anggaran penguntukan semula peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2020 sebanyak RM7,184,083,200 yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang ini adalah seperti berikut:-

- (i) peruntukan sebanyak RM310,621,700 untuk Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan dari Perbendaharaan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;

- (ii) peruntukan sebanyak RM17,253,000 di bawah Maksud B.10 Perbendaharaan untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) peruntukan sebanyak RM2,405,900 untuk Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan Kementerian Pendidikan. Peruntukan ini dipindahkan kepada Maksud B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai langkah kawalan perbelanjaan;
- (iv) peruntukan sebanyak RM240,452,000 untuk Maksud B.11 Kementerian Perpaduan Negara adalah dikehendaki menampung perbelanjaan bagi program yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (v) peruntukan sebanyak RM189,165,000 di bawah Maksud B.22 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (vi) peruntukan sebanyak RM102,603,900 untuk Maksud B.23 Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- (vii) peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (viii) peruntukan sebanyak RM12,410,600 untuk Maksud B.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (ix) peruntukan sebanyak RM305,993,400 untuk Maksud B.33 Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- (x) peruntukan sebanyak RM70,366,000 di bawah Maksud B.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- (xi) peruntukan sebanyak RM5,922,811,700 untuk Maksud B64 Kementerian Pengajian Tinggi untuk menampung perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Pendidikan.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lanjut mengenai penyesuaian peruntukan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 adalah seperti dalam penyata anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2020 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana penyesuaian perbelanjaan mengurus yang dinyatakan sebentar tadi, penyusunan semula kementerian turut melibatkan perpindahan program dan projek pembangunan di antara kementerian. Jumlah anggaran peruntukan

pembangunan yang terlibat ialah berjumlah RM7,867,021,610. Jumlah ini telah disekat daripada Kementerian yang menyerahkan fungsi ke Kementerian lain. Perincian peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun 2020 yang disekat adalah seperti berikut:

MAKSUD	KEMENTERIAN / JABATAN	AMAUN (RM juta)
P.6	Jabatan Perdana Menteri	215.3
P.10	Perbendaharaan	531.6
P.15	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	2,117.1
P.23	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	2,637.3
P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	109
P.30	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	547
P.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	93.3
P.46	Kementerian Sumber Manusia	4.3
P.63	Kementerian Pendidikan Malaysia	1,611.8

Tuan Yang di-Pertua, perincian kepada cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan sebanyak RM1,936,683,600 di bawah Maksud P.6 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia;
- (ii) peruntukan sebanyak RM39,540,200 bagi Maksud P.10 Perbendaharaan untuk membiayai projek-projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) peruntukan sebanyak RM84,397,200 untuk Maksud P.14 Kementerian Perpaduan Negara untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri;
- (iv) peruntukan sebanyak RM783,086,400 di bawah Maksud P.22 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (v) peruntukan sebanyak RM409,114,600 di bawah Maksud P.23 Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- (vi) peruntukan sebanyak RM12,525,000 bagi Maksud P.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (vii) peruntukan sebanyak RM121,288,000 bagi Maksud P.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Jabatan Perdana dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (viii) peruntukan sebanyak RM2,775,215,510 bagi Maksud P.33 Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli serta Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;

- (ix) peruntukan sebanyak RM93,370,500 di bawah Maksud P.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- (x) peruntukan sebanyak RM1,611,800,600 bagi maksud P.64 Kementerian Pengajian Tinggi untuk membiayai projek yang dipindahkan dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ada siapa yang menyokong?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

“BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntungan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Siapa yang menyokong?

■1220

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Kota Raja 20 minit, kemudian diikuti dengan Yang Berhormat Padang Rengas. Silakan.

12.21 tgh.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, belanjawan tambahan kali ini agak banyak iaitu RM7 bilion untuk pengurusan dan RM7 bilion untuk pembangunan. Saya berbahas secara sekali gus secara umum lebih kurang RM15 bilion.

Malaysia mengamalkan dasar demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan. Ia berjalan sejak daripada merdeka sampailah sekarang. Dalam perjalanan itu, kadangkala ada cacat celanya. Akan tetapi secara keseluruhan, ia berjalan dengan baik.

Sistem pilihan raya berjalan setiap lima tahun atau kurang lima tahun memandangkan keperluan semasa. Oleh itu, dalam sistem pilihan raya, ada yang menang, ada yang kalah. Saya ingin tekankan di sini iaitu pegawai-pegawai kerajaan di Malaysia ini, peranan mereka amat baik. Mereka tidak kira kerajaan mana yang menang, parti mana yang menang, mereka akan bekerja di bawah *government of the day*. Inilah sikap pegawai-pegawai kerajaan kita yang boleh dipuji. Barangkali ada cacat cela seorang dua di sana di sini tetapi secara umumnya, itulah sikap pegawai kerajaan yang dilatih daripada zaman British sampai sekarang ini.

Kita lihat dalam perjalanan demokrasi pilihan raya, beberapa negeri bertukar pemerintahan. Misalnya Kelantan, daripada Perikatan kepada PAS kepada Barisan Nasional dan balik kepada PAS bersama dengan Pakatan Rakyat. Begitulah juga Pulau Pinang. Pemerintahannya daripada Parti Perikatan kepada Gerakan, kemudian kepada Barisan Nasional dan sekarang Pakatan Harapan. Begitu juga di negeri Kedah. Bertukar pemerintahan daripada pemerintahan Barisan Nasional kepada Pakatan Rakyat dan sekarang kepada Perikatan Nasional. Selangor daripada Barisan Nasional berubah kepada Pakatan Rakyat tahun 2008, kemudian Pakatan Harapan tahun 2018. Sabah sering bertukar pemerintah.

Akan tetapi, sikap pegawai kerajaan begitu baik sekali. Mereka bekerja di bawah *government of the day*. Ini kita boleh beri pujian kepada pegawai-pegawai kerajaan. [Tepuk]

Saya sendiri bila menjadi Menteri Pertahanan masuk ke pejabat— memang kita menjadi pembangkang begitu lama— kita bimbang tak ada kerjasama daripada pegawai kerajaan. Akan tetapi, saya dapati mereka bekerjasama bahkan berbincang terbuka. Bahkan ketika *Defence White Paper* dibuat, ada pegawai-pegawai ini yang bekerja sampai larut malam tanpa menuntut tambahan elaun semata-mata berkhidmat di bawah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini sifat yang ada kepada pegawai-pegawai kerajaan yang selama ini mereka berkhidmat di bawah *government of the day*.

Akan tetapi, kita lihat perubahan yang berlaku mutakhir ini sejak tahun 2018, dia ada sedikit kelainan. Kerajaan yang dimandatkan oleh rakyat akhirnya bertukar di tengah jalan dan cara pertukarannya berlaku berbagai-bagai tafsiran. Akan tetapi, kajian perlu dibuat sama ada pegawai-pegawai kerajaan berkhidmat seperti biasa. Ini penting sebab rekod perkhidmatan mereka begitu baik selama ini walaupun berlaku pertukaran kerajaan.

Akan tetapi kali ini pertukaran agak pelik. Kita lihat di barisan menteri, kita tidak faham kadangkala itu. Rakan kita daripada Barisan Nasional dan UMNO yang kuat berlawan dengan kami— tidak apalah, itu politik— tetapi bila bertukar kerajaan, kita lihat mereka berada jauh nun di sana. Yang lawan mereka paling kuatlah jadi Perdana Menteri sekarang. Tokoh reformasi 20 tahun menjadi orang nombor dua. Menteri Kewangan, tidak apalah, orang profesional dilantik sebagai Senator dan jadi Menteri Kewangan. Menteri Pendidikan, dalam pilihan raya undi nombor tiga, jadi paling kanan. Yang Berhormat Parit Sulong jauh daripada— di mana? Sedangkan ini orang-orang yang tegar mempertahankan parti mereka tetapi berlaku begini sekarang ini.

Oleh sebab itulah, bagi kami, menghormati mandat rakyat itu cukup penting sebab kita semua akan melanjutkan perjuangan untuk memartabatkan Malaysia ini dalam jangka masa yang panjang. Ini masalah COVID-19 sekarang. Menteri-menteri kita belum lagi ke luar negara. Bila ke luar negara menghadapi sidang-sidang antarabangsa, ini akan ditanya. "*Berapa orang lagi yang lompat untuk menguatkan kedudukan?*" "*Berapa orang lagi akan lari?*" Kalau begini kerajaan, ia tidak stabil. Bila dibuka selepas COVID-19 nanti, pelabur-pelabur akan bertanya melihat keadaan sebegini rupa.

Oleh itu, soal mandat ini soal yang paling besar, bukan soal yang kita mainkan. Kerana ianya adalah yang kita warisi sejak daripada merdeka sehingga sekarang.

Ya, kita akui ada benda yang tidak kena, tidak sempurna. Masa kami menguasai Kelantan dahulu, ada lah beberapa perkara yang dianggap diskriminasi terhadap Kelantan. Ya, kita berlawan dalam bentuk wakil-wakil kita di Parlimen, daripada Menteri Besar dan sebagainya. Kerana kita menghormati keputusan rakyat. Akan tetapi sekarang keputusan rakyat tidak kita pedulikan lagi.

Yang lebih membimbangkan sekarang ini, kalau wakil rakyat boleh dijual beli, ada seorang bilionair daripada antarabangsa datang boleh menguasai Malaysia. Peruntukan untuk membeli satu orang katalah RM30, RM40 juta. Bagi seorang bilionair luar negara, itu kecil. Hanya cukup mencari 112 orang dapat kuasai Malaysia. Tidak kiralah sama ada belah sana atau belah sini. Ia membuka ruang kepada jual beli. Ini yang membimbangkan kita yang repot polis telah dibuat terutama di Sabah. Kalau ia benar, kita meletakkan Malaysia dalam keadaan yang berbahaya pada masa akan datang sebab pelobi-pelobi antarabangsa amat gemar untuk menguasai Ahli Parlimen dan seterusnya menguasai kerajaan.

■1230

Inilah yang kita bimbang apabila mandat rakyat tidak dihormati. Jadi sebab itu kita harap, kami sendiri memang bila berada memerintah hari itu bila kami melihat di Cameron Highlands, Pakatan Harapan kalah. Di Tanjong Piai, Pakatan Harapan kalah. Di Kimanis, Pakatan Harapan kalah. Kami menjangkakan pilihan raya akan datang kemungkinan Pakatan Harapan kalah kerana trend rakyat sudah mula menolak Pakatan Harapan. Kami berbincang dan berusaha bagaimana supaya rakyat terus menyokong kami secara demokrasi tetapi bila diambil di tengah jalan sebegini rupa, secara *back door*, payah kita hendak terima sebab kita bukan dikalahkan orang rakyat.

Bagaimana pula penglihatan daripada pelabur-pelabur asing? Mereka akan lihat ini semua. Ertinya kerajaan boleh berubah jika kalau beberapa orang wakil rakyat membuat perubahan. Ini yang menyebabkan kita lihat keadaan negara mungkin menyebabkan ia tidak stabil sebab struktur politik kita hilang. Sekarang Perikatan Nasional, ada parti dalam kalangan pemerintah tidak menerima.

Barisan Nasional dua malam yang lepas tidak menerima Perikatan Nasional. Perikatan Nasional sekarang didaftarkan hanya tiga buah parti. Ertinya yang memerintah

itu sendiri tidak stabil menyebabkan dia menjadi pemerhatian rakyat di seluruh dunia. Tambahan pula kita berada dalam negara Komanwel. Negara Komanwel, sistemnya lebih kurang semuanya hampir sama dengan sistem British.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Kota Raja, Sik di belakang. Yang Berhormat, saya ingin bertanya, Yang Berhormat menyebut bahawa mandat rakyat itu keutamaan untuk kita membentuk demokrasi. Kami di pihak Perikatan Nasional menyatakan memang benar. Kami mendapat majoriti di atas mandat rakyat yang telah memilih kami sebagai wakil rakyat. Seramai 113 orang yang menyokong Perikatan Nasional ketika undi memilih Tuan Yang di-Pertua hari itu mendapat mandat rakyat yang sepenuhnya dan kami memperoleh kekuatan apabila ada kesatuan...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang menang itu Pakatan Harapanlah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Dalam kalangan Ahli-ahli yang menyokong kami ini, pihak PH telah gagal apabila sendiri berpecah dan menyebabkan rakyat hilang keyakinan kepada Pakatan Harapan. Itu sebenarnya yang telah dilihat oleh rakyat. Muafakat lawan perpecahan dan muafakat telah menang untuk pembentukan kerajaan baharu ini.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Itu bukan rakyat, itu wakil rakyat. [Ketawa] [Tepuk] Saya sebut tadi, rakyat telah memilih kami. Apa yang saya bercakap begitu panjang rupanya Yang Berhormat Sik tidak faham. [Ketawa]

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tidak.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Inilah masalah.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kota Raja, minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja berkait dengan kemenangan bersiri yang diperolehi oleh Perikatan Nasional dalam semua PRK? Adakah ini menunjukkan bahawa rakyat sekarang telah berpindah mandat, lebih menyukai PN daripada PH?

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Mana ada kaitan?

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Oleh sebab itu kita lihat, ucapan daripada beberapa orang wakil rakyat khususnya BN dan UMNO, saya perhati, mereka pun merasa gusar. Misalnya wakil daripada Yang Berhormat Padang Rengas, orang lama, jadi Menteri, dia kata, "*Not by the people this government*", tidak daripada rakyat. Beberapa orang wakil yang lain mengatakan, "*Kami sebenarnya sedia menunggu sehingga pilihan raya akan datang*". Bila di tengah jalan, ambil sebegini rupa, dia menyebutkan keadaan negara tidak stabil. Ini saya kata belum lagi kita dapat pergi ke *United Nations*, ke Geneva, ke London, bincang di peringkat ASEAN dan sebagainya, orang akan bertanya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kota Raja.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, Baling Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Kota Raja, Kangar minta.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sepang, Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kota Raja, ramai peminat. Mana Yang Berhormat hendak?

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Yang Berhormat Baling.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, Yang Berhormat minat Yang Berhormat Baling. Silakan Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengikuti perbincangan Yang Berhormat. Saya tengok begitu berilmiah, terima kasih Yang Berhormat.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan Baling, waktu ketika Pakatan Harapan memerintah, bukankah bermulanya—Minta maaf ya, isu loncat-loncat zaman Pakatan Harapan? Selepas itu, keduanya, bukankah ini semua berlaku kerana dengan tiba-tiba peletakan jawatan Yang Berhormat Langkawi? Ini puncanya. Jadi bila Yang Berhormat sebut, apa Yang Berhormat sebut tadi betul pergi luar negara, mereka akan tanya kenapa, siapa lagi hendak loncat dan sebagainya.

Akan tetapi pada hakikatnya Yang Berhormat, punca loncat-loncat dan punca semua ini berlaku, apa Yang Berhormat sebutkan tadi kami mengambil kesempatan ataupun semua rakyat tentukan adalah kerana Yang Berhormat Langkawi sebagai pengerusi waktu ketika itu dalam Pakatan Harapan meletakkan jawatan tanpa merujuk kepada semua presiden, ia dipanggil pengerusi kepada semua presiden parti yang waktu itu sentiasa adakan mesyuarat. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Kota Raja, Kangar minta sedikit, 30 saat. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Maka, tidak berucaplah saya. *[Ketawa]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Cuma 30 saat sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terpujang kepada Yang Berhormat Kota Raja lah, bagi jalan atau tidak. *It's your floor* Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya cuma hendak tanya dengan Yang Berhormat Kota Raja, kebanyakannya, kalau bukan semua pun, saya ingat lebih daripada 90 peratus calon-calon yang dipilih sebagai Ahli Parlimen, mereka ini bertanding dengan watikah yang datang daripada parti politik.

Jadi, sudah tentulah apabila sesetengah itu membuat keputusan untuk lompat parti ini, mereka sebenarnya mengkhianati rakyat yang memilih wakil yang dicalonkan oleh parti politik. Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kota Raja, setuju atau tidak untuk kita segera menggubal akta anti lompat parti?

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kita bersetuju di antaranya cadangan daripada Yang Berhormat Padang Rengas hari itu, perlu dibincang, pihak jawatankuasa yang lebih tinggi boleh berbincang soal lompat parti ini kerana kita tidak mahu menjadi trend pada masa yang akan datang.

Kita lihat dalam kami dulu dan termasuk daripada pihak lawan, sayangkan Yang Berhormat Langkawi. Ada hendak buat usul supaya Yang Berhormat Langkawi kekal lima tahun daripada pihak pembangkang, terutamanya daripada Yang Berhormat Kota Bharu. Usul Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi sampai lima tahun dan yang sekarang jadi Menteri daripada Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Pagoh, orang yang sayang kepada Yang Berhormat Langkawi.

Rupanya sayang itu penuh dengan racun. *[Ketawa]* Sayang di bibir mulut, tidak di hati. Merekalah yang menggulingkan Yang Berhormat Langkawi dan dilantik pula oleh rakan-rakan UMNO dan BN sebagai Perdana Menteri, orang yang macam ini. Itu yang saya rasa pelik. Sekurang-kurangnya bila jadi begitu, UMNO lah mengambil peluang meletakkan orang mereka.

Sekarang kita lihat Yang Berhormat Bagan Datuk entah di mana. *[Ketawa]* Yang Berhormat Pekan entah di mana. Yang Berhormat Kinabatangan, saya dalam Parlimen dulu tahun 1999 hingga 2004, dia bising setiap kali bercakap. Sekarang tempat yang sama dia duduk sedangkan dia adalah orang yang setia dengan perjuangan. Kalau begitu kita hendak naik jadi pemimpin akan datang, kita kena khianati parti kita. Baru kita boleh naik. Ini trend yang tidak baik.

Bila orang yang mengkhianati bosnya sendiri dilantik Perdana Menteri, dia sanggup mengkhianati yang lain. Jangan kita seronok sekarang, sebab dia khianat sekali pada bos, dia boleh khianat pada orang lain. Janganlah berlindung di balik doa yang dipancarkan setiap hari diulang sebab kami dulu bermusuh dengan Yang Berhormat Langkawi.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Yang Berhormat Kota Raja, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mohon pencerahan sebagai Ahli Parlimen Puncak Borneo?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh Yang Berhormat Puncak Borneo. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Puncak Borneo, tidak boleh.

Tuan Willie anak Mongin: Atas kapasiti sebagai Ahli Parlimen Puncak Borneo.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk!

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dah! Dah! Dah! Dah! Dah!

Tuan Willie anak Mongin: Minta pencerahan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Puncak Borneo, tidak boleh. *[Dewan riuh]*

Tuan Willie anak Mongin: Kapasiti sebagai Ahli Parlimen Puncak Borneo.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tidak payah Timbalan Menteri, duduk, duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk, tidak payah cakap.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya simpati.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya simpati yang setia dengan perjuangan UMNO dan BN, sekarang lepas ke hujung, yang mengkhianati berada di hadapan...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Kota Raja, Sik hendak...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Termasuk menipu bos mereka dari Parti BERSATU sehingga Yang Berhormat Langkawi terpaksa buat parti lain.

■1240

Kalau begini cara kita berpolitik iaitu yang – hendak guna selain dari khianat, bahasa apa ya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Yang mengkhianati bos sendiri itu diangkat menjadi nombor satu, saya pun bercadang hendak khianat parti saya pada masa akan datang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini yang setia Yang Berhormat, yang setia ini.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Sebab mungkin saya akan jadi nombor satu pula.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang setia hendak cakap sikit Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Kota Raja.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini yang setia, saya yang setia sebab ayat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kota Raja pilih yang mana?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya setia, cuma Yang Berhormat...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya pilih Yang Berhormat Baling, saya suka dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Pilih Yang Berhormat Baling lagi?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Hendak Yang Berhormat Baling lagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hormat Yang Berhormat sebagai abang Mat saya. Yang Berhormat, begini...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukankah yang membuka ruang hari itu untuk loncat-loncat ini waktu zaman Pakatan Harapan? Kalau waktu itu Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Kota Raja semua bersetuju tidak bagi ruang kepada sesiapa meloncat tidak akan mungkin perkara ini berlaku sampai ke hari ini dan masih dibincangkan isu loncat-loncat parti ini Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kalau Yang Berhormat Baling tidak sokong dia tidak dapat menjadi Perdana Menteri kerana Yang Berhormat Baling termasuk Yang Berhormat Padang Rengas waktu itu sokong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu berkaitan dengan Yang Berhormat Pagoh, ini cerita Yang Berhormat Langkawi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pagoh ini Yang Berhormat...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Ya, saya sebut ini...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ayat Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ini rancangan Allah yang membuat Yang Berhormat Pagoh jadi Perdana Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Ya, semua rancangan Allah. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hal ini kerana Yang Berhormat Langkawi letak jawatan.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Amal daripada PAS. PAS ini semua anugerah Allah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hal ini kerana Yang Berhormat Langkawi letak jawatan, bukan ditolak Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi telah meletakkan jawatan setelah dirayu oleh Yang di-Pertuan Agong, masih lagi letak jawatan.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya sebut di sini supaya perkara yang berlaku ini jangan berulang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu isu dia sekarang bukannya Yang Berhormat Pagoh. Yang Berhormat Pagoh tidak rampas...

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Kembalikan mandat rakyat kepada mereka yang berhak dapat mandat. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pagoh tidak rampas daripada Yang Berhormat Langkawi.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Kota Raja, Setiu.

Seorang Ahli: Sudah duduk pula.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itulah hakikatnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Kata orang, "sayang anak tangan-tangankan, sayang isteri orang kata tinggal-tinggalkan, sayang suami orang kata lapor-laporkan, sayang parti, sayang wakil rakyat, terpulanglah pada semua".

Sekarang saya menjemput yang paling saya hormati Yang Berhormat Padang Rengas juga 20 minit. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

12.42 tgh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Paya Besar tadi, bagi pihak Kementerian Kewangan.

Saya ingin mengambil kesempatan awal ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia kerana di dalam penstrukturan semula kerajaannya telah mewujudkan tiga kementerian yang baharu. Saya ingin berbahas dalam ruang yang diberikan kepada saya ini untuk hendak bercakap tentang Kementerian Perpaduan Negara.

Saya ambil kesempatan ini juga untuk hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat daripada Tenggara kerana telah dilantik sebagai Menteri pertama bagi Kementerian Perpaduan Negara yang saya menganggapkan terlalu dan tersangat penting bagi negara Malaysia kita ini.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang Berhormat Kota Tinggi, minta maaf. Minta maaf ya, Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya mengatakan kementerian ini adalah penting kerana sememangnya negara Malaysia ini ialah merupakan sebuah negara yang berbilang kaum. Bukan sahaja berbilang kaum kita lihat juga dalam tiga kaum yang besar iaitu bumiputera, Cina dan kaum India, di bawah ini pun dipecahkan.

Kalau kita lihat bumiputera ini ada Melayu, Kadazan, Iban dan banyak lagi. Cina juga sebenarnya bukan satu bangsa, ia juga banyak kaum di bawah Hokkien, Teochew dan macam-macam lagi. Begitulah juga orang India ada Tamil, ada Malayali dan Punjabi. Jadi inilah keunikan negara Malaysia kita iaitu sebuah negara yang berbilang bangsa dan tidak cukup dengan itu juga berbilang agama.

Saya rasa di Malaysia ini kalau kita tengok semua agama ada dalam negara kita kecuali saya ingat Yahudi sahajalah, *Judaism* tetapi yang lain semua ada, Islam dan Kristian. Kristian pun Katolik, Protestan, Buddhism, Taoism, Hinduism, banyaklah, banyak agama. Jadi banyak orang tidak sedar betapa pentingnya diwujudkan Kementerian Perpaduan Negara kerana perpaduan negara ini Malaysia 1,000 tahun lagi pun saya jangka akan menjadi sebuah negara berbilang kaum. Bermakna perpaduan negara ini tidak terhenti selepas 10 tahun kah, 15 tahun kah, ia akan berterusan selagi Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama.

Dulu ia diletak sebagai jabatan, jabatan di dalam Jabatan Perdana Menteri. Walaupun hujah pada ketika itu dikatakan bahawa letak di bawah sebuah jabatan di Jabatan Perdana Menteri menunjukkan iaitu bahawa ia mendapat perhatian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi pada hakikat sebenarnya saya duduk dalam Jemaah Menteri selama 19 tahun, saya berani mengatakan di sini iaitu bahawa isu perpaduan kaum ini di bawah sebuah jabatan di Jabatan Perdana Menteri tidak merupakan satu perkara yang sentiasa dibangkit, malah kadangkala dipinggirkan.

Namun sebenarnya perpaduan negara ini penting sebab Perdana Menteri dia ada banyak dan berpuluh jabatan, agensi di bawah dia. Walaupun dikatakan letak di bawah JPM ini mendapat perhatian Perdana Menteri tapi pada praktikalnya tidak sebab Perdana Menteri ini terlalu banyak agensi di bawah dia.

Jadi apabila dijadikan sebagai satu kementerian, ini saya kira dia menunjukkan betapa pentingnya perkara ini sehinggakan memerlukan kepada satu kementerian dan saya kira ini adalah satu langkah yang cukup baik yang dilakukan oleh Yang Berhormat Pagoh kerana memberi penekanan kepada perpaduan negara. Dijadikan sebagai satu kementerian dan dikepalai oleh seorang Menteri yang pada hari ini saya jangka Yang Berhormat Kota Tinggi merupakan orang yang paling layak untuk diletakkan di situ sebagai wakil rakyat, sebagai isteri, sebagai ibu mithali semuanya. *[Tepuk]*

Sudah tentulah wanita ini merupakan benar-benar orang yang boleh mendidik masyarakat kita kerana dia bermula daripada isi rumah keluarga dia sendiri. Pepatah Afrika kata, kalau kita latih anak lelaki untuk diberikan pendidikan, maka anak lelaki itu sahajalah yang akan dapat manfaat. Akan tetapi kalau kita latih seorang anak perempuan

menjadi guru, seluruh kampung akan mendapat pendidikan. Jadi wanita yang ada pada hari ini tepat diletak sebagai Menteri di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena raikan kepelbagaian kita. Saya lihat kalau Malaysia ini merupakan sebuah negara yang hanya ada satu bangsa sahaja, bukan sahaja satu bangsa, satu agama sahaja, mungkin kita akan menghadapi masalah. Macam negara-negara Islam yang kita lihat, ini realiti iaitu kalau majoritinya satu kaum, satu agama atau apa memang *problem*. Tidak payahlah sebut mana-mana negara tapi kita faham sendiri. Namun dengan negara kita ini pelbagai kaum, kita akhirnya akan menjadi seorang manusia yang sederhana, yang tidak ekstremis.

Walaupun memang tidak boleh dinafikan pada setiap kaum itu ada ekstrem-ekstrem elemennya di dalam masyarakat mereka tetapi dengan kita pelbagai kaum, maka kita sederhana dan Malaysia telah berjaya. Kalau lihat sehingga pada hari ini, mungkin hanya satu *blip* sahaja pada tahun 1969. Akan tetapi semenjak kita merdeka sampai sekarang kita lihat kita menjadi sebuah negara pelbagai kaum, *multiracial*, *multireligious* tetapi negara contoh sebenarnya untuk dunia melihat bagaimana kita mengurus kepelbagaian kaum dalam negara kita.

■1250

Akan tetapi kalau kita mengurus negara kita dengan baik, itu bukannya ia jadi semula jadi, ia tidak semula jadi. Ia bukan satu perkara yang kita capai yang kita capai pada hari ini, pencapaian ini *is without effort, no*, dengan izin. *It is not true*. Banyak yang telah dilakukan untuk memastikan supaya kita *coexist peacefully*, dengan izin hidup aman dan damai walaupun perbezaan agama kita begitu jauh di antara satu agama dengan satu agama yang lain tetapi kita okey. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan ini banyak *a lot of effort*, dengan izin telah diletakkan untuk memastikan negara kita ini menjadi sebuah negara yang aman dan damai walaupun perbezaan kaum, perbezaan agama, *but we are okey* dan saya bangga dengan negara Malaysia kita ini.

Jadi, apa yang saya hendak katakan, *conscious effort* daripada kerajaan itu perlu dan memang sudah pun dahulu. Terutamanya macam kalau kita cakap tentang perpaduan kaum, sudah tentu kita teringat kepada Rukun Negara. Rukun Negara merupakan *principle guidelines* kepada *citizen* kita untuk memastikan supaya kita hidup aman dan damai di negara yang berbagai-bagai kaum. Kepercayaan kepada Tuhan, pertamanya. Kesetiaan kepada Raja dan negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan juga kesopanan dan kesusilaan yang seharusnya dinampak dalam kita bersidang dalam Dewan Rakyat tetapi kadang-kadang emosi itu lebih, sopan pun tidak ada, susila pun tidak ada tetapi tidak apa. Ini kita Parlimen, kita emosional kah apa, tidak mengapa tetapi akhirnya dalam kita Dewan Rakyat kita berbahas, kita bergaduh kah, di luar kita berkawan. *We are all professionals, no differences in terms of* betapa kecintaan kita kepada negara Malaysia ini.

Akan tetapi saya hendak juga sebut satu dokumen yang cukup penting yang menyebabkan kita pada hari ini boleh bersatu-padu. Satu dokumen yang cukup penting yang walaupun pada ketika ini banyak di kalangan kita mempertikaikannya. Saya hendak sebut *Sedition Act*. *Sedition Act* ini kalau dalam bahasa Inggerisnya, *sedition* mungkin kita tidak rasa peranan yang dimainkan oleh *Sedition Act* ini. Oleh kerana saya kalau *sedition* ini disebut sebagai *liable*, lain-lainlah tetapi kalau kita guna bahasa rasmi, *Sedition Act* ini ialah Akta Hasutan. Perkataan 'hasutan' itu memang negatif tetapi sebenarnya memberi peringatan kepada kita jangan lakukan perkara hasutan. Oleh kerana Akta Hasutan ini tahun 1948 lah yang menyebabkan kita pada hari ini boleh hidup aman dan damai.

Kita kena ingat masa Inggeris menjajah kita, sebelum kita merdeka, Inggeris ini bukan bodoh, dia cerdik. Dia bukan sahaja menjajah Malaysia tetapi dia menjajah banyak tanah-tanah di seluruh dunia ini dan berhadapan dengan berbagai-bagai etnik kaum dan juga agama. Jadi, mereka sudah tahu apabila mereka menjadi kerajaan menjajah, maka instrumen yang paling penting yang mereka lakukan untuk memastikan supaya tidak berlaku pertelingkahan di antara kaum-kaum yang mereka jajahi ialah Akta Hasutan. Oleh sebab itu ia lama, makna Inggeris sendiri mengiktiraf Akta Hasutan ini boleh memastikan supaya tidak bergaduh di kalangan rakyat yang berbilang kaum dalam kawasan jajahan dia. Kalau tidak, sudah tentu dia tidak akan guna ataupun wujudkan Akta Hasutan. Jadi, kita negara Malaysia, rakyat negara Malaysia walaupun kita bimbang, maknanya kita kata Akta Hasutan tidak boleh kerana salah guna tetapi kena ingat pepatah Melayu kata iaitu bahawa, "*Kalau marah pada nyamuk, jangan kita bakar kelambu*".

Kalau soal yang kita pertikaikan itu ialah salah guna, kalau salah guna, bukan salah akta. Tidak siapa dalam Dewan Rakyat bercakap mari kita salah gunakan akta.

Akta itu mesti diguna dengan betul. Kalau masalahnya itu dia merupakan punca yang membolehkan seseorang pemimpin menyalahgunakan akta itu untuk kepentingan diri, orang yang patut kita bakar itu, pemimpin itu, bukannya kita buang akta ini. Jadi, kemudian pula ada yang menyatakan akta ini lama atau *ancient*, 1948 ialah kerana ia mula-mula wujud pada tahun 1948. Kalau negara sudah maju ke hadapan 2020, maka kita buatlah pindaan kepada akta itu menyesuaikan dengan keadaan sekarang. Kalau yang dahulu sudah di...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh mencelah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sepang, fasal Akta Hasutan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Yang Berhormat Pasir Gudang?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Pasir Gudang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Sila.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Berkenaan Akta Hasutan, saya mendengar perbahasan Yang Berhormat Padang Rengas. Satu perkara saya ingin kemukakan. Setuju tidak Yang Berhormat Padang Rengas bahawa satu aspek yang negatif di dalam Akta Hasutan itu ialah elemen *intention*. Akta Hasutan ini ialah akta jenayah. Seperti yang kita tahu, prinsip dalam jenayah ada dua perkara, *actus reus* perbuatan dan *mens rea intention* atau niat. Akan tetapi dalam Akta Hasutan ini elemen niat itu tidak relevan, tidak penting. Bersetuju tidak Yang Berhormat Padang Rengas kalau Akta Hasutan ini kita pinda supaya dikembalikan, dimasukkan elemen niat itu penting, kalau hendak dapatkan, buktikan orang itu bersalah atau kita hukum itu. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Rengas, boleh sambung ya. Yang Berhormat Padang Rengas, sama. Sedikit sahaja, bolehlah, kawan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, Yang Berhormat Padang Rengas?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: ...Kepada saya tetapi minta kepada Tuan Yang di-Pertua, tambah masa saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Kalau Yang Berhormat campur tangan macam ini, makna *you are not interested in what he is saying*, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat, saya hendak sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Bagi saya peluang dahulu jawab Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, selepas itu bagi ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *Respect even your own friends*-lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No, no, no.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Bermakna *you are not interested...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya minta izin, kebetulan poin yang sama.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: *No, no. You have to wait*, tunggu. Saya hendak jawab dia dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Ya, ini kawan *you* sendiri. Yang Berhormat, saya setuju. Kalau dirasakan bahawa Akta Hasutan ini kalau kita melakukan kesalahan, akhirnya membawa kepada *jail term*-kah, sudah tentu saya rasa kita—Kalau berlaku pergaduhan dan macam-macam lagi, maka cadangan Yang Berhormat itu akan kita masukkan elemen *mens rea*, saya setuju. Ini boleh kita bincang.

Ini yang saya katakan iaitu bahawa kita permodenkan Akta Hasutan ini kerana ia memang berguna kepada kita. Saya tengok apa Yang Berhormat cakap itu betul. Mesti ada elemen niat untuk hasut bagi melakukan pergaduhan. So, saya setuju dan kita boleh bincang dengan pihak-pihak jawatankuasa apakah, untuk masukkan elemen sebab kalau salah pun memang masuk *jail*, tidak silap saya. Jadi, kalau *jailing* ini, selalunya *criminal offence* ini, *jailing*-lah. Jadi, saya setuju kita kalau boleh, kita adakan jawatankuasa kita sendiri, kokus, *we look at it*. Kita bubuhlah elemen-elemen yang baik untuk memperkukuh dan memperkuatkan Akta Hasutan ini. Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Padang Rengas. Saya sebenarnya Yang Berhormat, fasal Akta Hasutan itu tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa ada dua aspek. Satu, undang-undang ini ia baik tetapi mungkin salah guna, yang itu saya setuju. Akan tetapi Yang Berhormat setuju tidak dengan saya, sebenarnya ada setengah-setengah undang-undang ini orang putih kata, *inherently* sudah memang tidak baik sudah. Saya Yang Berhormat, saya bercakap tentang Akta Hasutan ini, saya rasa berdasarkan pengalaman banyak membuat kes-kes Akta Hasutan ini, sebenarnya Yang Berhormat, Akta Hasutan ini banyak elemen-elemen yang sebenarnya memang tidak baik dari segi undang-undang.

Tadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang salah satu aspek, ada lagi banyak aspek lain. Saya pernah— untuk makluman Yang Berhormat, *sedition tendency* ia hanya memerlukan *tendency* sahaja, tidak perlu *the actual* menghasut itu. Setakat kecenderungan sahaja sudah boleh dikenakan tindakan. Jadi, Yang Berhormat setuju tidak ada undang-undang hari ini *inherently* ia memang sudah ada masalah, bukan sahaja masalah salah guna. Apa pandangan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Tidak ada undang-undang yang boleh dikatakan 100 peratus *foolproof*. [Tepuk] Tidak ada. Mesti ada sedikit untung, mesti juga ada sedikit rugi. *That's normal*.

Kepada saya, apa Yang Berhormat maksudkan, daripada mula lagi Yang Berhormat merasakan bahawa ada *tendency* yang tidak bagus tetapi kita harus timbangkan dengan keperluannya kepada negara kita. Kalau sekiranya kita buang terus hasutan Yang Berhormat sebut yang tidak baik itu, kita akan rugi sampai nanti kita bila terperangkap dengan keadaan yang tidak baik, pada ketika itu kita cari apa yang kita hendak buat. Akta Hasutan sudah kena buang sudah, sudah hapus. Jadi, jangan kita buang. Kita kena timbang.

Kepada saya, negara Malaysia ini unik. Tidak adalah negara di dalam dunia ini mempunyai katalah pelbagai kaum dengan pelbagai pantangnya. Sebagai contoh, kalau tidak perlu buat jahat apa pun, orang Melayu, orang Islam sensitif dengan daging babi, sebagai contoh. Kalau di negara United Kingdom, kalau ada wakil rakyat di khalayak ramai orang Islam, ambil daging babi gigit makan depan, tidak jadi apa-apa. Akan tetapi *you* cuba buatlah, ambil daging babi khalayak ramai orang Islam di depan, ambil babi gigit makan, itu boleh menyebabkan orang Islam marah. Akan tetapi ini boleh *riot*. Begitu juga kita menghormati masyarakat Hindu. Pada negara lain, kalau kita seekor lembu kita sembelih tepi jalan tidak ada masalah. Lembu, lembu aku, aku sembelih dia tetapi kalau *you* pergi ambil lembu itu, pergi depan kuil, dia pergi sembelih, itu boleh *riot*. Itulah bezanya Malaysia dengan negara-negara lain.

Jadi, *the tendency to be seditious* itu pada waktu ini perlu, sebab kerana apa? Oleh kerana menyembelih lembu bukan kesalahan tetapi *there is tendency to be seditious*. Apabila *you* sengaja sembelih lembu depan kuil atau dengan sengaja *you* ambil daging babi pergi dekat depan masjid, gigit depan itu. So, sebab itu jangan kita lihat daripada kaca mata negara barat. Kita kena tengok *uniqueness of our country* Malaysia, yang kita cintai dan ini rakyat biasa perlu diberikan perlindungan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa saya sudah habis. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa Akta Hasutan ini harus dipermodenkan, harus diambil kira isu tempatan dan juga mesti dipinda mengikut zaman. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam sudah menunjukkan lebih daripada 1.00 tengah hari, saya menangguhkan Mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang dan disambung oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, 15 minit.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]

■ 1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat kita sambung perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, 20 minit.

2.33 ptg.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: *Bismillah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca kata-kata aluan dalam bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan izin kepada saya untuk ikut mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan anggaran perbelanjaan satu permohonan untuk Parlimen meluluskan sejumlah dana untuk maksud dibelanjakan kepada Kementerian-kementerian baharu yang diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memilih untuk bermula dengan menyambung daripada ucapan sebelum rehat tadi yang telah disampaikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Padang Rengas yang berkisar kepada tajuk perpaduan.

Saya dengan Yang Berhormat Padang Rengas ini lama, sahabat karib sejak zaman Pemuda UMNO Malaysia lagi. Bahkan saya pernah menjadi penulis ucapan beliau semasa beliau menjadi pemangku Ketua Pemuda UMNO satu ketika dahulu. Berkisar tajuk perpaduan itu, antara lain beliau menyebut tentang uniknya Malaysia dengan latar belakang, dengan cabaran dan kelebihan yang ada dalam rupa masyarakat di negara kita.

Saya ingin melihat dari perspektif Perlembagaan. Ada beberapa perkara yang telah dipersetujui oleh kalangan yang membina dan melengkapkan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan yang kita sedia maklum adalah merupakan satu kontrak sosial yang mengikat kita setiap warga.

Antara elemen penting di sana adalah kita menerima sistem Raja Berperlembagaan. Kita juga menerima Islam sebagai agama Persekutuan, kita menerima wujudnya Perkara 153 berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dan kemudian kita juga menerima bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dalam negara kita.

Inilah perkara yang menjadi tonggak dalam konteks kita berpolitik. Parti Keadilan yang diwujudkan pada April 1999 Tuan Yang di-Pertua yang dahulunya pernah menjadi sebahagian daripada kami sedar dan tahu perkara ini.

Apabila kita wujudkan parti, kita tahu parti pelbagai kaum ini tidak boleh wujud sendiri, tidak boleh menang sendiri melainkan kena berkawan. Oleh sebab itu, kita mulakan dengan buat *political coalition* yang namanya Barisan Alternatif. Kita ambil bahagian pada tahun 1999, diikuti tahun 2004. Kemudian Barisan Alternatif itu terhenti di situ, kita buat pula Pakatan Rakyat pada tahun 2008 dan Pakatan Harapan pada September 2016.

Pada setiap ikatan koalisi politik itu kita adakan satu persefahaman yang diterima. Misalnya semasa dengan Barisan Alternatif, kita ada Keadilan, kita ada DAP, kita ada Parti Rakyat dan kita ada PAS pada waktu itu. Pakatan Rakyat, kita ada Keadilan, DAP dan PAS.

Apabila kita memeterai persefahaman itu, kita tahu pentingnya perpaduan dan kita tahu bahawa landskap politik Malaysia ini mesti sifatnya pelbagai kaum. Oleh sebab

itu asas yang kita mulakan sebagai *fundamental* kepada persefahaman politik kita ialah perkara-perkara yang disepakati yang telah dipersetujui dalam Perlembagaan kita jadikan asas kepada persefahaman kerjasama kita.

Oleh sebab itu, baik semasa kita bersama PAS atau kita bersama Parti Rakyat, kita ikat dalam persefahaman ini. Semasa kita dalam Pakatan Rakyat pada 19 Disember 2009, kita buat konvensyen di Shah Alam. Kemudian kita meterai tandatangan bagi pihak Keadilan, presidennya dan bagi pihak PAS, Yang Berhormat Marang, bagi pihak DAP Iskandar Puteri menandatangani.

Apa yang kita tandatangan? Kita terima bahawa pakatan politik kita ini akan mempertahankan institusi Raja, akan menerima Islam sebagai agama Persekutuan, agama lain bebas dianuti, menerima Perkara 153 sementara hak kaum lain tidak terabai, bahasa Melayu bahasa rasmi, bahasa ibunda boleh dipelajari dan dituturkan.

Jadi, itu juga yang mengikat. Sama juga apabila kita wujudkan Pakatan Harapan pada 23 September 2016, asas yang sama. Kali ini kita menerima keanggotaan baharu iaitu Parti BERSATU. Ini sebagai persediaan kita untuk menawarkan kepada rakyat kalau rakyat menerima tawaran kita untuk memilih kita sebagai kerajaan, ini adalah asas kerjasama kita.

Jadi, lumrah ketika kita berkawan, kita akan datangkan hujah untuk menyokong alasan kenapa kita boleh berkawan. Keadilan pernah bersama dengan PAS, Keadilan kekal bersama DAP, Keadilan pernah bersama BERSATU, Keadilan pernah bersama Parti Rakyat. Asas kerjasama kita itu adalah mempertahankan kontrak sosial dan sama-sama menghormati perkara yang telah disepakati dalam Perlembagaan.

Alhamdulillah ada jatuh bangunnya. Banyak kali kita bertanding dan kita kalah. Ada sekali kita bertanding dan kita menang. Namun ini adalah penglibatan kita dalam politik. Lebih-lebih lagi dalam konteks politik Malaysia di mana dominasi satu kaum tidak mampu kita *impose* atau *dictate* ke atas kaum yang lain dengan menolak semangat dalam Perlembagaan.

Oleh sebab itu misalnya kerana yang kita lalui ini Tuan Yang di-Pertua adalah persoalan politik. Persoalan politik ini fiqahnya sangat luas, fiqah siyasah ini sangat luas. Kalau saya ambil contoh misalnya pemikir Ibnu Taymiyyah misalnya, pada dia keputusan politik tidak boleh dikait atau diikat dengan isu akidah.

■1440

Perkara memilih ketua negara ini dia berpendapat fiqah politik yang dia pegang tidak boleh dijadikan sebagai asas perbezaan akidah. Oleh sebab itu apabila ditanya, satu pandangan dia, ada satu wilayah Islam yang asalnya pemerintahnya Islam. Nama wilayah itu Mardin, di Utara Turki. Dahulunya Islam memimpin, Islam mentadbir. Majoriti rakyatnya Islam. Kemudian Tartar masuk dan menjajah. Daripada sebuah negara Islam kemudian dijajah oleh bukan Islam Tartar, Muslim menjadi minoriti di situ.

Ada yang lari meninggalkan negara, ada yang kekal. Di kalangan yang kekal berjumpa dan bertanya Ibnu Taymiyyah, apakah sikap yang patut kami ambil ke atas pemerintah yang bukan Islam ini? Oleh sebab itu, nasihat Ibnu Taymiyyah itu adalah sebuah nasihat yang sangat masyhur. Walaupun sesetengah orang melihat penuh kontroversi. Katanya, *[Berucap dalam bahasa Arab]* "Allah Taala akan tolong sebuah negara yang adil walaupun pemerintahnya bukan Islam". Pandangan dia begitu, dia beri pandangan.

Oleh sebab pada dia, tanggungjawab tujuan politik adalah apabila memilih seorang pemerintah. Tanggungjawab pemerintah mesti memastikan dan meratakan keadilan. Keadilan ertinya melakukan suatu perkara kena pada tempatnya. Lawan kepada keadilan adalah kezaliman. Jadi pada dia, apabila disebut Allah Taala akan tolong sebuah negara yang adil walaupun diperintah oleh orang bukan Islam. Dia sambung lagi. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Allah Taala tidak akan tolong negara yang zalim walaupun diperintah oleh orang Islam. Pandangan ini sangat kontroversi bagi orang yang melihat politik itu dari perspektif akidah, dia kata memilih pemimpin mesti akidah yang sama. Akan tetapi realiti di Malaysia kita pun tengok keadaannya tidak begitu.

Oleh sebab itu sebagai contoh, untuk mengesahkan pandangan beliau ini dalam aplikasi konteks negara kita, kita boleh tengok Pilihan Raya Kecil Tanjong Piailai misalnya. Pakatan Harapan letak seorang Melayu, Muslim, imam. Manakala Barisan Nasional meletak sahabat kita yang telah menang hari ini, Yang Berhormat Wee, seorang bukan Islam.

Jadi, kita boleh tengok keadaan dalam negara kita hatta parti Islam pun meminta pengikutnya mengundi calon bukan Islam. Oleh sebab apa? Oleh sebab memilih ini adalah memilih ketua untuk mewakili konstitusi itu. Walaupun ia satu keputusan politik tetapi keputusan politik ini tidak terkait dengan akidah sebab tangan kita itu memangkah seorang yang bukan sama akidah dengan kita dan akidah tidak rosak.

Oleh kerana itulah dalam konteks ini, saya percaya bahawa ketika kita bersama, kita akan ada asas dan hujah untuk *justify* dan membenarkan keadaan kita bersama. Kadang-kadang kita berbeza pendapat, kita mengambil laluan yang berbeza. Laluan yang berbeza itu kita datangkan juga hujah kita. Kalau hujahnya sekadar hujah politik, kita tidak bimbang.

Akan tetapi kalau hujah itu diberikan sandaran agama, dalam konteks fiqh sahsiah yang sangat luas, yang itu akan menyebabkan membelah sistem masyarakat kita sampai ke bawah. Itu sangat tidak bagus dalam konteks perpaduan di negara kita hari ini Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itulah apabila sahabat saya dari Kota Raja tadi menyebut kenapa kami sangat pertahankan keperluan untuk kembali mendapatkan mandat rakyat, mandat rakyat, mandat rakyat. Mandat lima tahun sekali melalui peti undi demokrasi. Mandat parti yang menawarkan untuk dipilih oleh rakyat itu pula ada ikatan perjanjiannya. Dalam Islam kita diajar apabila sudah ada perjanjian baik sesama Muslim atau kita dengan bukan Islam sekalipun, wajib kita jaga, wajib kita pertahankan.

Sejarah Perjanjian Hudaibiyah misalnya menceritakan bagaimana Rasulullah SAW begitu menjaga dan mempertahankan semangat dan prinsip perjanjian di antara orang Islam dengan orang bukan Islam pada masa itu. Sirahnya sangat banyak. Dalam konteks negara kita juga akhlak orang Islam terhadap orang bukan Islam, sirahnya juga banyak. Sama ada sirah nabi dan para sahabat.

Jadi, dalam konteks inilah kita rasa negara Malaysia yang sifatnya majmuk, budaya, anutan agama dan bahasa. Kita hanya perlu melihat bahawa semangat yang hendak kita bawa dalam asas perpaduan ini. Lebih-lebih lagi dengan adanya Kementerian baharu, Kementerian Perpaduan Negara.

Perpaduan di kalangan rakyat ini kalau dalam konteks agama, kita kata bahawa kita sesama Muslim saudara satu agama. Saudara sama akidah. Saya dengan Tuan Yang di-Pertua, saudara satu agama. Saya dengan Yang Berhormat Kota Raja, saudara satu agama. Saya dengan Yang Berhormat Pulaui, saudara satu agama. Saya dengan sahabat lama saya dari Tumpat, saudara satu agama.

Adapun saya dengan Yang Berhormat Puncak Borneo, saya adalah saudara sesama insan. Saya dengan Yang Berhormat Bagan, saya saudara sesama insan, sesama manusia. Ini yang Tuhan berfirman dalam Surah Al-Hujurat ayat 14 itu. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Tuhan jadikan manusia itu berbangsa-bangsa, bersuku-suku tujuannya saling kenal mengenali.

Oleh kerana itu, saya percaya bahawa kalau politik berpandukan kepada nilai seperti ini, datanglah musim pilihan raya bagaimanapun kita takkan "*lebih lajak dari laju*" kerana hari ini kita bersahabat, esok kita bermusuh. Hari ini kita bermusuh, boleh jadi esok kita bersahabat. Akan tetapi selama kita bersahabat atau bermusuh, kita tidak bina alasan itu berasaskan kepada hujah agama yang terpilih, *insya-Allah* kita akan selamat.

Oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang agak panjang untuk memberikan satu pandangan, perspektif kami parti pelbagai kaum keadilan ini, yang jumlah keanggotaannya setakat minggu lepas sudah pun mencecah 1,460,039 orang. Kalau hari itu Tuan Yang di-Pertua Batu Pahat tidak keluar, ia akan jadi 640 tambah satu tetapi tidak apa, ini pilihan. *[Ketawa]* Pilihan dalam politik, kita berbeza parti tetapi kita sama akidah. Itu penting dalam soal kita ini.

Daripada isu ini, saya berganjak kepada satu tajuk lain yang bersifat sedikit teknikal. Saya meneliti dokumen ini, untuk sahabat saya dari Paya Besar yang membentangkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada lima minit lagi Yang Berhormat untuk berucap.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya, lima minit ini *insya-Allah*. Saya tengok dalam perkara pihak berkuasa pelaksanaan koridor ini. Kita ada Selatan, kita ada Utara, kita ada Timur ECER, kita ada Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak sampai masanya untuk kita melihat semula kepada perjalanan pelaksanaan modal pembangunan berteraskan wilayah ini,

hujah saya. Saya kira wujudnya *Iskandar Development*, ECER, NCIA, Sabah, Sarawak dan sebagainya ini, yang kita bergelut sekarang adalah untuk mengadakan suatu *economic generation* yang lebih *sustainable*.

Apa maksud saya? *Iskandar Development* masa dilancarkan dahulu *target*-nya hendak bangunkan sembilan sektor. Hari ini ia *end up* memberi tumpuan kepada *property development* sahaja, hari ini. *Property development* itu pula, kita tengok bergelut dengan pelbagai masalah. Saya bagi contoh misalnya di Puteri Harbour. Saya fikir hampir 70 peratus kosong sebab waktu kita bina *property* ini, *target* kita siapa? *Foreigners*?

Katalah *Singapore*. *Singaporean* dia beli tetapi kalau ekonomi, ekosistem ekonomi itu tidak rancak mencipta peluang pekerjaan dan *create demand*, *property* itu tidak orang boleh beli. Rakyat tempatan di luar kemampuan. Rakyat luar yang beli berhajat untuk sewa, tiada orang hendak sewa sebab kita masih ada masalah dari segi mewujudkan peluang kerja, dari segi mewujudkan *demand*.

Sebagai contoh, UEM antara agensi yang menjadi *master developer*. Okey, di situ. Jadi dia pun *sublet* kepada Sunway, *sublet* kepada Mah Sing tetapi dia tidak ada *support ecosystem*. Sebagai contohnya, satu daripada sektor yang dirancang dahulu adalah *creative industry*.

■1450

Khazanah berbelanja berjuta-juta untuk buat Pinewood Iskandar Studio. Akan tetapi, pembuat filem tempatan atau *local filmmaker* ini tidak ada *accessible* langsung kepada kemudahan ini, *state of the art*. Hasilnya, kalau boleh nanti Yang Berhormat Menteri menjawab, berapa ramai *local filmmaker* yang memanfaatkan kewujudan *facilities* yang bertaraf dunia yang namanya Pinewood Iskandar Studio dibangunkan oleh Khazanah. Belanja beratus juta dengan tujuan untuk membangunkan sektor kreatif industri tetapi sebenarnya sudah lima enam tahun siap, hasilnya sangat mengecewakan.

Kalau kita ambil ECER misalnya, ini adalah pembangunan wilayah Pantai Timur. *Nichenya agriculture* atau pertanian. Jadi, dibangunkan *upstream* tetapi dia punya *value chain* dia ada masalah. *Downstream*, tidak dapat menguruskan *upstream agriculture economy*. Ini keadaan yang berlaku di kawasan Pantai Timur. Kalau kita tengok *Northern Corridor*, tumpuannya E&E, akan tetapi sekarang kita tahu sektor ini sedang menghadapi masalah. Saya tidak tahu bagaimana Sabah dan Sarawak. Akan tetapi RECODA ini pun ada peruntukan yang perlu kita luluskan juga.

Mesej saya adalah model pembangunan wilayah ini yang saya hendak tanyakan ialah apakah ada *tracking* kejayaannya? *Job creation*nya berapa? Berapa sumbangannya kepada GDP ekonomi kita? Sebab DOSM saya tengok, *tracking* dia maklumat negeri. Kemudian menjadi maklumat pusat. Akan tetapi, untuk model pembangunan wilayah ini *tracking*nya itu tidak wujud. Oleh sebab itu saya tanyakan.

Apakah wujudnya pembangunan wilayah ini memberikan lonjakan kepada sumbangan ekonomi? Dari segi cipta peluang pekerjaan dan dari segi mencipta permintaan. Hakikatnya, bila kita minta untuk meluluskan bajet ini hari ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ia hanya untuk meneruskan kelangsungan agensi-agensi ini sahaja. Ia *end up* membayar gaji untuk kita teruskan.

Dia jadi, model ini kepada— dia terpaksa bergantung pada pembiayaan kerajaan. Jadi, kita kena *relook* balik, apa sebenarnya *actual strength of each corridor*. Kekuatan koridor ini, apa dia. Asalnya dahulu, waktu dilancarkan oleh Pak Lah ialah untuk membawa pembangunan ke kawasan-kawasan pedalaman. Akan tetapi, sudah sampai masanya untuk kita tengok semula di bawah tema *economic generation* yang *sustainable*.

Kita hendak kena tengok peringkat pelaksanaannya, kita kalau perlu, kena *recalibrate*, kita tengok sistem penyampaiannya. *Otherwise*, kita kena *keep on pumping money* dan model ini berakhir dengan kerajaan terpaksa membelanjakan. Asalnya adalah untuk mereka ini bertahan sendiri. Bukan sahaja bertahan tetapi juga mencipta peluang pekerjaan. Bukan sekadar itu, *contribute* kepada *economic growth*. Itu mesti ada *tracking record*.

Jadi, dua tajuk yang saya bawa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Yang Berhormat sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu. Kemudian, kalau ikut jadual saya, diikuti oleh Yang Berhormat Bagan. Kemudian, sebelah sini semula, Yang Berhormat Beaufort. Kemudian, Yang Berhormat Kubang Pasu. Kemudian, Yang Berhormat Arau. Silakan Yang Berhormat Setiu.

2.53 ptg.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kecelaruan pihak Pakatan Harapan dalam menentukan PM kelapan menjadi punca kepada berlakunya pertukaran kerajaan yang mana pada mulanya, mereka telah mendesak supaya Yang Berhormat Port Dickson dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan menggantikan Yang Berhormat Langkawi yang menjadi penyebab kepada peletakan jawatan Yang Berhormat Langkawi. Port Dickson– Langkawi–Port Dickson–Langkawi, akhirnya sempurna. Yakni yang sempurna pun tidak disokong pula oleh Yang Berhormat Bagan yang mencadangkan.

Ketidakkonsistenan PH dalam mencadangkan calon PM kelapan ini, menjadi punca rakyat menukar sokongan kepada pihak Perikatan Nasional. Keyakinan rakyat kepada Perikatan Nasional dizahirkan dalam siri pilihan raya pilihan kecil. Buktinya yang terakhir kemenangan besar Perikatan Nasional dalam pilihan raya Tasik Chini dengan majoriti sebanyak 12,000 lebih dan *insya-Allah* sekali lagi akan dibuktikan melalui kemenangan besar dalam PRK Slim yang akan datang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang telah menjadi negeri pertama yang meminda enakmen negeri yang membolehkan warganegara yang berusia 18 tahun menjadi calon mewakili mana-mana parti dalam pilihan raya dan layak menjadi ahli dewan undangan negeri. Langkah ini menunjukkan kerajaan negeri komited dalam memperkasakan belia untuk terus memimpin. Tahniah diucapkan.

Perkara ini bukan kali pertama negeri Terengganu dalam mendahului negeri lain. Sebelum ini ketika Yang Berhormat Marang dilantik menjadi Yang Berhormat Menteri Besar pada tahun 1999 sehingga 2004 yang lalu, turut melakar sejarah apabila meluluskan enakmen pelantikan ADUN wanita. Pelantikan tersebut telah menzahirkan negeri Terengganu bukan sahaja memperkasakan belia, malah wanita juga turut diangkat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat keseluruhan sejumlah RM7.68 bilion permohonan bajet tambahan yang dipohon oleh kerajaan terdahulu. Saya boleh bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pontian dalam perbahasan di peringkat dasar peruntukan tambahan 2019 sebelum ini bahawa perlunya diletakkan bajet siling bagi setiap kementerian supaya kita dapat mengehadkan peruntukan yang berlebihan sehingga memerlukan tambahan perbekalan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Program Subsidi Bersasar (PSB) saya berpandangan kerajaan boleh meneruskan program ini. Akan tetapi, dengan menyasarkan pada kelompok pekerja *e-hailing* seperti *Foodpanda*, *GrabCar*, *Bungkusit* dan sebagainya yang lebih memerlukan bantuan subsidi ini bagi mengurangkan beban kewangan mereka. Justeru, saya mengharapkan agar perkara ini diteliti dengan mendalam oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin bertanya mengenai langkah kerajaan untuk mengambil alih empat lebuh raya iaitu KESAS, LDP, SPRINT dan SMART dan sebagainya seperti yang disebut dalam bajet yang dibentangkan oleh kerajaan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui sejauh manakah perkembangan langkah yang telah dirangka mengenai isu ini kerana saya berpandangan perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan kerana ia melibatkan kepentingan ramai.

Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai aspek penilaian semula atau *review*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terhadap pelaksanaan perancangan kewangan kerajaan dalam Bajet 2020. Apabila kita bercakap soal peruntukan, maka kita tidak terlepas dari bercakap soal efektif dan efisien penyampaian inisiatif kepada rakyat serta sejauh mana pula impaknya kepada masyarakat.

Justeru, saya ingin bertanya berapa peratus kah inisiatif yang telah digariskan di bawah Bajet 2020 yang telah dilaksanakan dan berapa yang tidak dapat dilaksanakan? Apakah faktor-faktor yang mendorong inisiatif tersebut tidak dapat dilaksanakan? Kesemua fakta-fakta ini penting bagi memudahkan formulasi dasar dan inisiatif bagi perancangan belanjawan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pengasingan Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pendidikan Tinggi yang sebelum ini turut menjadi

cadangan saya. Oleh itu, peruntukan yang diberikan kepada sektor pendidikan dapat digunakan secara holistik dan bersasar kepada matlamat sebenar. Saya ingin menyentuh sedikit pelaksanaan pembelajaran dalam talian yang sewajarnya diberi perhatian serius oleh kerajaan.

Saya berharap peruntukan yang diberikan mencecah RM5 bilion itu dapat mengatasi kelemahan pelaksanaan pembelajaran atas talian yang dikatakan kurang berkesan berbanding secara *face to face*. Tidak dinafikan kaedah pembelajaran atas talian semakin berkurang sejak PKPP dilaksanakan.

■1500

Kebanyakan institusi pengajian telah kembali beroperasi seperti biasa. Namun begitu, saya bimbang jika penularan ini kembali mengganas. Oleh itu, saya mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Tinggi mewujudkan satu kaedah pembelajaran yang sesuai dan efektif untuk diguna pakai pada masa hadapan sebagai langkah kesiapsiagaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu juga, saya ingin bertanya mengenai projek *Belt and Road Initiative* (BRI). Saya meneliti Penyata Rasmi berkenaan perkara ini. Namun begitu, tidak terdapat sebarang maklumat terbaharu mengenainya. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung pelaburan negara China menerusi BRI ini. Negara China juga telah memberikan *concern* yang besar mengenai isu *debt sustainability of BRI*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada Indonesia. Beberapa negara luar juga berhadapan dengan risiko hutang yang berkaitan dengan projek BRI ini, antaranya Sri Lanka dan Djibouti.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian tentang berapakah jumlah keseluruhan pelaburan China menerusi BRI di seluruh negeri di Malaysia dan minta juga apakah bentuk pembiayaan projek-projek tersebut? Adakah pinjaman atau pelaburan langsung atau mekanisme pembiayaan yang lain?

Adakah Malaysia juga turut berhadapan dengan risiko hutang sekiranya meneruskan projek-projek tersebut dan ia juga melibatkan cagar tanah? Berapa pula pampasan yang perlu dibayar kepada negara China akibat daripada keputusan kerajaan membatalkan beberapa projek tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, kemunculan internet telah membuka dimensi baharu dalam landskap media. Ilmuan menyifatkan bahawa kemunculan teknologi baharu dan digital pada masa kini telah menunjukkan perubahan yang radikal dalam aspek pengawalan maklumat dan sumber serta pengalaman yang diperoleh daripada penggunaan teknologi media baharu ini. Amalan *cashless* dalam kalangan masyarakat pula semakin diterima pada pasca COVID-19 ini.

Perkara ini sedikit sebanyak memudahkan rakyat berurusan jual beli dengan selamat disebabkan kurangnya sentuhan berlaku. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya menzahirkan kebimbangan terhadap keselamatan maklumat peribadi yang diberikan sehinggakan ada sesetengah individu meragui aplikasi-aplikasi atas talian walaupun bantuan tunai secara atas talian tersebut telah diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berhadap agar peruntukan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mampu meningkatkan keyakinan rakyat dalam menggunakan pelbagai aplikasi atas talian dengan selamat, terjaga dari sudut informasi maklumat malah turut mengurangkan sentuhan disebabkan proses pembelian menggunakan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan isu yang tular sebelum ini berkenaan penguat kuasa yang '*pilih bulu*' dalam menjalankan undang-undang. Perkara ini amat membimbangkan kita pada hari ini kerana perihal rasuah, perjudian dan sebagainya hanya diambil perhatian setelah ia ditularkan dan di*viralkan*. Jelas sekali menunjukkan bahawa penguatkuasaan di peringkat PBT masih dalam keadaan lemah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tidak mustahil berlakunya penjualan arak melebihi masa yang dihadkan secara terang-terangan. Penguatkuasaan yang lemah di peringkat bawah menyebabkan jenayah-jenayah tidak dapat dibendung. Saya berharap agar penguatkuasaan terhadap sesuatu tempat bukan hanya dilakukan di kawasan tersebut yang ditular sahaja. Pemeriksaan berkala dan berintegriti perlu dimainkan oleh semua pihak dalam menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan fasiliti di kawasan FELDA yang sehingga kini masih belum selesai terutamanya berkenaan jalan pertanian

dalam ladang FELDA. Isunya bukan sahaja jalan yang rosak teruk, malah lampu jalan sepanjang jalan langsung tidak dipasang. Ia jelas membahayakan pengguna jalan tersebut. Selain itu, isu bekalan air di kawasan penempatan baharu FELDA masih juga belum selesai sehingga ke hari ini. Sebagai contoh di kawasan saya di kawasan FELDA Kampung Rahmat, Chalok, Setiu. Begitu juga infrastruktur-infrastruktur yang masih lemah seperti dewan, perparitan, rumah generasi kedua dan lain-lain lagi.

Selain itu juga, peneroka FELDA juga tidak layak untuk mendapat apa-apa bantuan seperti bantuan JKM dan sebagainya atas alasan mereka adalah peneroka. Sedangkan kebanyakan dan sebahagian besar daripada mereka adalah daripada kalangan miskin tegar dan daripada kalangan B40.

Malah dalam keadaan harga sawit yang tidak stabil, peneroka-peneroka berhadapan dengan masalah kewangan dalam menampung kehidupan seharian mereka. Sehingga sesetengah daripada mereka tidak mampu untuk menampung kos sara hidup, apatah lagi nak menanggung kos baiki rumah yang telah lama didiami sejak beberapa generasi yang lalu.

Saya mencadangkan supaya kerajaan dapat meneliti balik supaya bantuan JKM ataupun bantuan-bantuan lain dapat diberikan sama kepada peneroka FELDA berdasarkan kelayakan dan kemiskinan yang mereka hadapi.

Berkenaan isu nelayan pula, dalam jawapan penggulungan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan dalam sesi penggulungan yang lalu telah menyatakan kesediaan kerajaan yang membuka semula lesen 'A' selepas diadakan pemutihan bagi mana-mana nelayan yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan.

Persoalannya, bagaimana pula dengan nelayan-nelayan baharu yang baru menjinakkan diri dengan kerja sebagai nelayan? Apakah kerajaan bersedia untuk memberikan lesen kepada mereka dalam usaha menarik minat mereka terutama golongan belia berkecimpung dalam bidang nelayan?

Setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong. *[Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat— saya ingat Yang Berhormat Bagan tidak ada. Saya jemput Yang Berhormat Kubang Pasu.

3.07 ptg.

Dato' Ir Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah...* *[Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan dasar Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020. Rang undang-undang ini telah dibentangkan kerana berlaku perubahan kerajaan baru-baru ini dan dengan demikian telah bertambah beberapa Kementerian serta ada pengubahsuaian dari segi portfolio bagi sesetengah Kementerian yang lain.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa di dalam rang undang-undang ini, iaitu Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 yang dicadangkan ini, akhirnya anggaran belanjawan bagi belanja mengurus dan pembangunan tidak ada apa-apa pertambahan daripada *figures* yang telah pun diletakkan sebelum ini iaitu kurang lebih, kalau belanja mengurusnya ialah RM241.02 bilion dan pembangunan RM55.234 bilion. Cuma diagih-agihkan, diuntukkan semula untuk Kementerian-kementerian yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa sekarang ini dengan adanya pandemik COVID-19 ini, kita tahu bahawa ekonomi negara, bukan sahaja kita di Malaysia tetapi seluruh dunia terjejas dengan teruk sekali. Berdasarkan dengan pembentangan yang telah dibuat dan hasrat kerajaan untuk membuat penguntungan semula tanpa di sana membuat *savings* ataupun pengurangan daripada apa yang telah dibentangkan di dalam Belanjawan 2020 yang lalu, saya merasakan kita mungkin akan menghadapi masalah.

Sebab apabila kita mengatakan bahawa penguntungan semula ini dibuat dan tidak ada *savings*, maknanya kalau dahulu dicadangkan belanja mengurusnya RM241 bilion dan pembangunannya RM55.234 bilion yang dengan andaian bahawa anggaran hasil kita adalah RM244.53 bilion yang akan menyebabkan Belanjawan 2020 pada

asalnya dan sekarang pun *intentionnya* adalah sama, kita akan menghadapi defisit sebanyak RM51.7 bilion ataupun 3.2 peratus daripada KDNK.

■1510

Itu adalah berdasarkan kepada anggaran hasil yang dibuat pada tahun lepas yang kita jangkakan hasil kita akan dapat sekian banyak. Ini disebabkan semasa itu tidak ada dalam pemikiran bahawa kita akan terjejas kehidupan dan sebagainya akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Oleh yang demikian, saya merasakan bahawa sepatutnya kita harus membuat beberapa *savings* sama ada— Saya ingat pembangunan ini adalah suatu benda yang saya ingat setiap kali kita berbahas di Dewan ini, semua wakil rakyat minta supaya diadakan kerja-kerja pembangunan di kawasan mereka masing-masing.

Saya ingat kalau kita *maintain* lah pembangunan pada RM55.234 bilion itu untuk memastikan— Itu pun saya ingat masih ramai lagi, mahu meminta lagi kerja-kerja pembangunan di kawasan masing-masing. Akan tetapi setidaknya-tidaknya bagi belanja mengurus, kita harus melihat dan membuat perubahan-perubahan tertentu.

Savings saya rasa sepatutnya dapat kita lakukan kerana sepanjang tiga bulan bermula Mac, April, Mei dan apabila kita membuka semula ini, barulah ada sedikit *movement* dan sebagainya. Sepatutnya *savings* pada ketika itu dalam kerajaan sendiri, perbelanjaan untuk TNT, perbelanjaan untuk ke luar negara menjalankan tugas-tugas rasmi dan sebagainya, itu semua tidak berlaku dalam masa tiga bulan. Latihan di hotel-hotel dan sebagainya yang dirancang, juga tidak berlaku. Seharusnya kita membuat *savings* di bahagian belanja mengurus tersebut tetapi nampak gayanya macam itu tidak berlaku. Kita hendak belanja seperti mana yang dicadangkan dalam belanjawan asal 2020, cuma dibuat pengurangan semula kerana adanya Kementerian baharu dan sebagainya.

Saya hendak menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa kalau kita lihat kepada anggaran hasil yang dicadangkan, kita mungkin boleh dapat RM244.53 bilion yang dicadangkan dahulu itu. Sekarang ini apabila berlakunya pandemik, sudah tentu ia akan terkesan. Hasil ini akan terkesan. Bukan terkesan makin bertambah, hasilnya akan berkurangan.

Contohnya, di dalam *direct tax*, dianggarkan kita mungkin akan mendapat sebanyak RM142.7 bilion daripada *direct taxes* yang terdiri daripada CITA iaitu *corporate tax* berjumlah RM75.51 bilion, *individual direct tax* berjumlah RM37.4 bilion, PITA daripada petroleum berjumlah RM17.45 bilion dan daripada *others* iaitu *stamp duty*, RPGT dan sebagainya sebanyak RM12.3 bilion.

Semua ini akan terjejas sebab apabila ekonomi kita *worse*, dengan izin *nearly complete shutdown of the economy* selama tiga bulan itu, sudah tentu ia memberi kesan kepada syarikat-syarikat korporat yang besar dan juga SME. Oleh sebab itu dibuat pakej rangsangan membantu mereka dan sebagainya. Apabila mereka tidak lagi menjana keuntungan seperti mana yang sepatutnya dijanakan, sudah tentulah mereka bukan sahaja tidak boleh membayar cukai sebanyak mana yang kita jangkakan kita boleh kutip, mungkin mereka tidak bayar cukai langsung kerana *there is no profit at all*, dengan izin.

Jadi, di mana yang kita jangka boleh dapat RM75.5 bilion? CITA itu, berapakah sebenarnya yang boleh kita dapat? Begitulah juga *individual income tax*. Okey *fine*, anggota kerajaan dan sebagainya yang tidak terjejas pendapatan bulanan mereka mungkin mereka boleh bayar seperti mana biasa kerana tidak terjejas tetapi majoritinya, yang dahulunya merupakan pembayar cukai mungkin tidak lagi dapat membayar cukai dan RM37.4 bilion yang kita jangka ini mungkin tidak dapat dikutip sebanyak itu. *Question marknya*, berapakah yang boleh kita kutip?

Begitulah juga dengan petroleum. Kita tahu bahawa di dalam *assumption* yang dibuat dan disebut oleh Menteri baru-baru ini dalam jawapan yang telah diberikan bahawa kita buat *assumption* pada ketika itu pendapatan negara hasil daripada petroleum ini, cukai yang dibayar dan sebagainya adalah USD62 satu *barrel* dan pernah turun sehingga 32-30 dan sekarang *hovering around* USD40-42 satu *barrel* berbanding dengan *assumption* kita USD62. Sudah tentu ini juga akan terjejas.

Begitulah juga daripada *direct tax* ini, *stamp duty*nya, RPGT nya. Apabila dalam keadaan ekonomi yang sebegini, maka orang sudah tidak lagi *deal* untuk membeli *property* baharu dan sebagainya, maka duti setem dan RPGT yang kita jangka kita boleh kutip dalam RM12.3 bilion ini juga sudah tentu akan terjejas.

Kemudian kita pergi kepada *indirect tax*, SST, duti eksais, duti import, duti eksport. Semua ini juga saya kira akan turut terjejas apabila keadaan ekonomi begini dan *slowly hopefully, surely*, mula hendak kembali pulih tetapi ia sudah tentu akan mengambil masa.

Jadi poin saya Tuan Yang di-Pertua ialah– Selain daripada itu, *the non-tax revenue* yang lain, *licenses* dan permit, *investment income* sudah tentulah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan sebagainya yang biasanya memberikan sumbangan kepada kerajaan dalam bentuk *investment income* mereka itu juga sudah tentulah akan terjejas.

Oleh yang demikian, apabila kita membuat penguntukan semula ini dengan mengatakan bahawa belanja mengurus dan pembangunan, saya sebut tadi dan saya ulang sekali lagi, bagi saya pembangunan itu teruslah dengan RM55 bilion itu. Ini disebabkan banyak yang kita hendak lihat kerja-kerja pembangunan dalam negara tetapi apabila kita kekalkan belanja mengurus dalam *figure* yang sama iaitu RM241 bilion itu, sudah tentulah akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kalau sebelum ini dengan anggaran hasil RM244 bilion itu akan menghasilkan defisit RM51.7 bilion, RM52 bilion lah senang kata ataupun 3.2 peratus KDNK, apabila anggaran hasil kita terjejas, maka defisit ini akan melonjak naik.

Saya membuat suatu anggaran sebab ialah data ini tidak ada pada kita, *my guess* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *is as good as yours*. Mungkin mereka yang kita kata kalau LHDN dapat membekalkan data kepada kita, mungkin ia lebih tepat berapa banyak unjuran yang dikatakan kalau CITA itu, RM75.5 bilion itu akan terkesan berapa banyak.

Kalau setakat hutang langsung kita seperti yang dijawab di dalam sesi Dewan ini dua hari yang lepas dalam soalan yang ditanyakan, hutang langsung tidak termasuk lagi liabiliti lain yang dijamin oleh kerajaan dan sebagainya, hutang langsung kita ada RM823.3 bilion iaitu 53.6 peratus daripada KDNK. Kita juga kena sedar apabila kita berpaksikan kepada KDNK, apabila ekonomi menguncup, KDNK juga akan turun.

■1520

Apabila KDNK akan turun dan hutang kita *absolute value* nya itu masih kekal sedemikian, peratusnya akan naik sebab KDNK kita turun. Jadi untuk itu, kalau saya membuat anggaranlah hasil kita terjejas sebanyak 30 peratus, maka kita akan hanya dapat kutip dalam RM170 bilion berbanding RM244 bilion yang kita jangkakan. Ini apabila belanja mengurus dan pembangunan terus kekal pada angka yang telah diletakkan sebelum ini dan sepertimana dalam rang undang-undang ini juga menyatakan sedemikian, maka defisit kita bukan lagi RM51.7 bilion, maka dia akan naik sehingga RM128.5 bilion bersamaan dengan lapan peratus daripada KDNK.

Okey, mungkin boleh pertikaikan, 30 persen *is too big*, mungkin ada orang kata *no, no it is more*. Jadi, saya hendak beri satu gambaran bahawa ini perlu kita ambil kira. Sebab apa saya sebut ini semua Tuan Yang di-Pertua, sebab ia juga akan terkait dengan satu lagi rang undang-undang yang akan dibentangkan dan akan di bahas oleh kita selepas ini iaitu Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 yang di dalam itu menyatakan bahawa kita hendak pinjam lagi sebanyak RM45 bilion dan dalam masa yang sama untuk kita tingkatkan had statutori pinjaman kita daripada 55 peratus kepada 60 peratus. Itu di dalam *the next bill*.

Jadi, kalau RM45 bilion lagi yang akan kita pinjam, ia sudah bermakna dia sudah menjadi 2.8 peratus daripada KDNK. Itu *assuming* KDNK kita, saya ambil *assumption* yang dibuat oleh Bank Negara di antara penguncupan 0.2 peratus sehingga sedikit *growth*, 0.2 peratus kita kata *average it out*, kata *zero* lah, tidak ada pertumbuhan langsung, maka itu ada 2.8 peratus.

Jikalau betullah anggaran yang kita buat bahawa hasil kita akan berkurangan sebegitu banyak, dicampur lagi dengan itu, maka ia akan menjadi lebih daripada 10.8 peratus lagi yang perlu kita pinjam dan dicampur dengan 53.6 peratus yang ada sekarang ini hutang langsung kerajaan, maka sebenarnya had statutori 60 peratus yang kita cadang untuk diluluskan itu pun sebenarnya tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tiga minit lagi.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Tiga minit. Okey. Tidak lebih masa *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sementara, betul. Saya amat bersetuju dalam keadaan yang begini perlu kita campakkan lebih banyak duit di dalam ekonomi kita supaya berlaku *spending* terutama sekali domestik *spending* yang berlaku dalam negara ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita harus juga melihat kemampuan dan saya rasa yang kita sebutkan tadi itu *potential saving* yang boleh kita buat itu sebenarnya ada. Untuk tidak menyebabkan dan kita kena tahu bahawa yang dicadangkan untuk menaikkan statutori hutang kita itu, hadnya itu kepada 60 peratus itu diminta hanya sehingga 31 Disember 2022. Selepas itu maknanya, turun balik kepada 55 peratus.

Saya khawatir kita tidak akan mampu untuk memastikan bahawa ia akan pertamanya, ia akan terus *shoot up* lebih daripada 60 peratus. Keduanya, kita tidak akan mampu untuk memastikan sehingga apabila sampai masa yang telah ditetapkan, kita telah berjaya untuk menurunkan semula kepada tahap bawah daripada 55 peratus tanpa menjejaskan pengurusan pentadbiran kerajaan dan juga kemahuan dan kehendak rakyat untuk kerja-kerja pembangunan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hal ini, harus kita memandang serius tentang perkara ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dapat memberikan respons tentang perkara ini kerana ia memberi suatu kesan yang besar dalam kita merancang dan bagaimana untuk kita menggunakan peruntukan yang ada ini dengan seoptimum mungkin. Dengan memberikan kesan yang paling baik untuk ekonomi terutama sekali dalam keadaan negara yang sedang menghadapi pandemik dan juga krisis ekonomi yang bukan sahaja kita kena, semua negara juga kena.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi saya hendak sebut, oleh sebab masa tidak mengizinkan iaitu tentang *tax reform initiative*, mungkin yang ini saya bawa ke hadapan dalam perbincangan dalam rang undang-undang kita yang seterusnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya tegaskan, sementara kita mengalu-alukan perbelanjaan yang digunakan daripada kantung kerajaan untuk menyemarakkan ekonomi terutama ekonomi domestik kita ini tetapi kita juga harus memastikan bahawa akhirnya ia tidak akan memberi kesan kepada ekonomi kita dalam jangka masa panjang.

Keyakinan pihak peminjam untuk memberikan pinjaman kepada kita pada masa yang diperlukan dan juga pada kadar yang kita rasa kadar yang menguntungkan kita sebagai sebuah kerajaan. Jadi, saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort kemudian diikuti Yang Berhormat Bagan. Sila Yang Berhormat Beaufort.

3.27 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional yang telah menubuhkan kementerian baharu iaitu Kementerian Perpaduan Negara.

Ini adalah satu kementerian yang amat-amat bertepatan pada masanya ditubuhkan, diwujudkan di dalam negara kita. Perhatikan bahawa perpaduan adalah satu perkara yang amat-amat penting bagi sesebuah negara di mana rakyatnya merupakan rakyat yang berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang keturunan, berbilang agama dan juga pandangannya.

Saya ingin membawa kita kepada sejarah yang ada kaitan dengan negeri Sabah yang pernah saya alami juga daripada masa kecil pada tahun 1963 apabila Sabah mula-negara kita Malaysia wujud dan Sabah dan Sarawak bersama-sama di dalamnya. Di mana negeri Sabah telah dicerobohi oleh negara jiran, maka berlakulah konfrontasi dengan Indonesia yang tidak bersetuju Sabah berada di dalam negara Malaysia.

Ada askar-askar negara kita yang terkorban di dalam sejarah ini. Kemudian apabila saya sudah lebih daripada dewasa dan terlibat dalam kerajaan negeri berlaku lagi satu pencerobohan dalam negara kita di negeri Sabah juga, pencerobohan Tanduo di Lahad Datu pada tahun 2013.

Ia juga melibatkan terkorbannya pasukan keselamatan kita di negeri Sabah. Kedua-dua peristiwa ini adalah amat-amat bagi saya seorang anak Malaysia di negeri

Sabah menakutkan dan membimbangkan. Saya percaya semua juga turut sama, rakyat yang berbilang kaum di negeri Sabah itu.

Sabah terdiri daripada 33 buah kumpulan peribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik, Sarawak pula mempunyai 28 etnik. Kepelbagaian kami di Sabah itu adalah amat-amat unik di dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini. Jikalau di dalam Semenanjung Malaysia ini, selalu disebut tentang kaum yang besar Melayu, Cina dan India.

■1530

Akan tetapi apabila melihat kepada kami di Sabah dan Sarawak, maka kita tengok betapa ramainya lagi etnik yang berada di sana yang bercakap dalam pelbagai bahasa dan dialek, yang menganuti pelbagai agama dan juga budaya masing-masing.

Ini adalah sesuatu yang istimewa yang kena kita jaga sebaik-baiknya bagi memastikan negara kita Malaysia ini akan lebih dikenali lagi sebagai sebuah negara yang walaupun penduduknya pelbagai kaum tetapi hidup dalam keadaan yang harmonis, yang berkasih sayang, yang tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu sama lain, tidak kira mereka berada di wilayah Semenanjung, di Sabah mahupun juga di Sarawak.

Oleh sebab itulah, dengan tertubuhnya kementerian baharu ini, Kementerian Perpaduan Negara, ini akan dapat menyumbang kepada cara bagaimana kita dapat kembalikan semangat perpaduan yang utuh itu sejak kita mula merdeka di dalam negara Malaysia yang tercinta ini. Ini kerana kebelakangan ini nampaknya seolah-olah ada sesuatu yang mungkin akan menimbulkan kegusaran di kalangan rakyat kita. Akan timbul kita pandang kawan yang lain, pandang yang lain sebelah menyebelah, terasa macam seolah-olah ada perbezaan. Sedangkan sepatutnya kita mengajar diri kita, mengajar generasi muda kita, anak-anak kita dan cucu-cucu kita supaya kita adalah sama dalam negara kita ini.

Oleh sebab itulah, tugas dan tanggungjawab kementerian yang baharu ini adalah amat penting sekali. Kena melihat seluruh negara kita Malaysia ini. Kadang-kadang ada rasanya masa terkilan, rakyat Malaysia daripada Sabah apabila datang misalnya ke Semenanjung Malaysia akan ditanya, "*Bila kamu datang ke Malaysia?*", sedangkan kita sebahagian daripada Malaysia. Tentulah rakyat Malaysia daripada Sabah ini rasa, "*Eh! Kenapa begitu ya? Kami kan orang Malaysia juga*". Selalu berlaku perkara-perkara seperti ini. Mungkin tidak disedari, bukan disengajakan.

Oleh sebab itulah, perlunya ada usaha yang lebih bersungguh-sungguh, yang ikhlas dan tulus untuk kita menunjukkan bahawa tiga wilayah ini adalah sama rakyatnya, adalah rakyat Malaysia, tidak kira kamu datang daripada Sabah atau daripada Sarawak, kita adalah orang Malaysia.

Saya ingin kongsi satu cerita. Saya pada beberapa tahun yang lalu ke Beijing. Di negara China, datang ke sebuah kedai yang dipunyai oleh seorang rakyat daripada Malaysia. Terjumpa orang Malaysia daripada— kalau tidak silap saya daripada Negeri Sembilan. Bila dia nampak kami, kami pakai tudung, dia daripada suku kaum Tionghoa, dia bukan main gembira sekali, "*Kau orang Malaysia kah?*" dia tanya. "*Ya, ya. Orang Malaysia.*" Lihat itu, bila kita berada di negara lain, kita amat gembira bila dapat bertemu dengan orang daripada negara kita Malaysia. Sebegitulah sepatutnya perasaan yang ada pada kita semua dalam negara kita yang tercinta ini.

Kita jadikan iktibar peristiwa-peristiwa pencerobohan yang saya sebutkan tadi ini supaya kita dalam negara kita Malaysia ini dapat melihat pentingnya perpaduan itu. Pentingnya semangat patriotik itu. Amat pentingnya kita menjaga kedaulatan negara kita agar kita tidak terpedaya dengan diayah negatif serta daripada anasir luar. Kita telah melihat bagaimana negara-negara yang begitu kaya pada suatu ketika dahulu.

Ini kerana mereka mendengar anasir daripada luar, mereka dipengaruhi oleh anasir daripada luar yang mempunyai agenda-agenda mereka sendiri menyebabkan negara itu berpecah rakyatnya dan negaranya hancur diserang oleh negara daripada luar tanpa sebab-sebab yang wajar. Hancur negara itu, hancur berkecai. Rakyatnya kini berada dalam keadaan yang susah, tidak lagi merasai harmonis yang pernah dirasai oleh mereka sebelum ini.

Jadi, kita tidak mahu perkara seperti ini berlaku dalam negara kita Malaysia. Orang Malaysia ini walaupun negaranya kecil tetapi saya rasa jauh lebih matang dan boleh berfikir dengan lebih matang lagi untuk memastikan perpaduan dalam negara kita ini dapat kita jaga dengan sebaik mungkin.

Oleh sebab itulah, saya amat menyanjung tinggi usaha dalam *Wawasan Kemakmuran Bersama* yang melibatkan ketiga-tiga wilayah dalam negara kita, Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak, bagi memastikan keseluruhan wilayah dalam negara kita ini dapat diberikan pembangunan yang sama rata. Peruntukan yang lebih untuk wilayah yang masih ketinggalan lagi, yang memerlukan diberikan perhatian yang khusus oleh kerajaan kita.

Saya menyambut dengan penuh rasa syukur pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi tadi yang akan menubuhkan Majlis Kemakmuran Bumiputera. Ini kerana di negeri Sabah dan Sarawak, lebih daripada 60 peratus penduduknya adalah terdiri dari suku kaum bumiputera. Saya rasa Sarawak pun sama juga. Semua ini memerlukan pembelaan untuk terus maju ke hadapan.

Apabila semua ini sudah dapat mencapai tahap yang mereka mempunyai ekonomi yang kuat, dapat memegang ekuiti dalam ekonomi negara ini, yang mana pada pagi tadi telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, setakat ini cuma 16 peratus sahaja. Mungkin pada masa dan ketika itu, maka orang bumiputera dalam negara ini akan dapat berdiri dengan gah. "*Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*" dengan mana-mana pun. Oleh sebab itulah, kita perlu semua sama-sama menyokong *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030* ini.

Sejajar dengan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana peruntukan juga diberikan agak besar kepada negeri Sabah dalam Bajet 2020. Walaupun kita menghadapi COVID-19 ini dan keperluan kita memberikan tumpuan kepada usaha untuk menangani COVID-19 ini, namun pembangunan yang masih lagi, kawasan-kawasan dan wilayah masih ketinggalan lagi pembangunannya boleh terus dibangunkan.

Oleh sebab dalam kita menghadapi pandemik ini, kalau keadaan kita tertinggal, jalan raya kita susah dan hospital kita tidak cukup, maka kita akan berhadapan dengan masalah bagaimana kita menangani penyakit yang melanda seluruh dunia ini, termasuk dalam negara kita sendiri.

Begitu juga daripada segi komunikasinya, semua orang sekarang berinteraksi secara *online* dan perniagaan secara *online*, tidak dapat bersemuka tetapi bersemuka melalui *smartphones*. Maka, semua ini memerlukan pembangunan berterusan dilakukan. Oleh sebab itu, peruntukan mesti terus diturunkan bagi memastikan pembangunan yang diperlukan ini berterusan dapat dilaksanakan di seluruh negara kita, termasuk juga di wilayah-wilayah negeri Sabah dan Sarawak kerana kita juga mahu untuk maju bersama.

Kita juga mahu sama-sama dalam negara Malaysia ini kita juga mahu nampak gah. Kita juga tidak mahu dikatakan kita adalah daripada negeri yang ketinggalan. Kita tidak mahu itu. Kita mahu kelihatan semuanya kita dijaga dengan baik, dengan adil dan saksama dalam negara kita ini oleh kerajaan.

Oleh sebab itu, saya ingin menggesa supaya peruntukan yang diperlukan, kawasan-kawasan kami di Sabah masih banyak lagi jalan raya yang tidak berturap. Mungkin ada lagi yang belum ada sampai jalan raya. Air kami masih bermasalah. Jawapan diberikan kepada saya daripada Titah Diraja bahawa loji sudah dibina. Akan tetapi ada pula masalah tentang *sauk* dan *non-revenue water* yang bermasalah menyebabkan bekalan air masih belum sampai kepada rakyat yang memerlukan.

Saya juga melihat bahawa ada peruntukan yang diturunkan kepada negeri Sabah untuk perkara-perkara seperti yang demikian. Saya minta supaya berterusan diturun dan ditambahkan lagi banyak peruntukan ini supaya masalah seperti yang demikian ini dapat kita selesaikan dengan sebaik mungkin dan rakyat kita dapat meraih nikmat berada dalam sebuah negara merdeka yang tercinta ini.

■1540

Ini adalah amat penting kerana rakyat memerlukan ini semua. Rakyat tidak mahu melihat yang kita bergaduh yang bukan-bukan itu semua. Cerita yang bukan-bukan itu rakyat tidak suka. Rakyat ingin melihat apa yang kita boleh bagi kepada rakyat. Bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah rakyat dalam masa kita dihadapi oleh pandemik COVID-19 ini, ada yang kita kehilangan kerja...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Mohon laluan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: ...Ada yang perniagaan mereka terjejas.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Beaufort, sikit boleh?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Siapa ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kimanis ingin mencelah.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh mencelah?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya, sedikit sahaja.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort dari tadi saya dapati Yang Berhormat cerita soal tentang pentingnya kemakmuran bersama. Pentingnya juga pembangunan diberikan secara saksama kepada negeri Sabah dan juga Sarawak. Akan tetapi Yang Berhormat Beaufort sedar kah bahawa negeri Sabah ini sekarang ditadbir oleh kerajaan yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Persekutuan.

Adakah Yang Berhormat Beaufort bersetuju bahawa dengan ketidaksiharian kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan itu akan membantutkan, merencatkan lagi kelancaran proses pembangunan negeri Sabah. Kita tahu hari ini barangkali kalaupun tidak, ataupun jadi atau tidak pilihan raya negeri, apakah Yang Berhormat setuju bahawa kita harus mengajak semua seluruh rakyat negeri Sabah kita ubah, kita tukar kerajaan negeri yang tidak sehaluan ini supaya nanti bila sehaluan dengan Kerajaan Pusat, proses pembangunan itu akan lancar sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat Beaufort. Mohon penjelasan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Beaufort, sikit, sambung sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kimanis. Sila Yang Berhormat Beaufort.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Beaufort, saya sambung sedikit. Kalabakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon): Sila Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Begini. Masalah di Sabah ini kita warisi dari Barisan Nasional. Barisan Nasional memerintah 25 tahun di Sabah, infra kita tidak pernah beres di Sabah. Sekolah kita daif. *[Tepuk]* Kita cuba perbetulkan, kita diberi dua tahun betulkan. Datang lagi pandemik *covid politik* di Sabah, cuba rampas kuasa. Jadi kita serahkan kepada rakyatlah untuk memilih kerajaan yang baik.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Kalabakan lupa ini. Ketua Menteri Sabah dahulu pernah jadi Menteri Luar Bandar dan Wilayah...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Pergi tanya Musa Aman.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Mempunyai peruntukan tahunan berbilion-bilion.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Kimanis pergi tanya Musa Aman, apa Musa Aman bikin.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kenapa tidak memajukan... *[Tidak jelas]*

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Okey, okey. *All right.*

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Apa Musa Aman buat selama 25 tahun di Sabah?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Okey, okey. Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Beaufort teruskan.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Tidak jelas]* Sabah.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Memang kita kecewalah apabila Kerajaan Warisan tidak bersama-sama dengan kita dalam Kerajaan Perikatan Nasional ini. Ini kerana saya yakin hasrat setiap seorang yang menjadi pemimpin itu—sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri termasuk wakil-wakil rakyat dan diri saya sendiri bahawa kita mahu majukan tempat kita.

Kita tahu bahawa kita kena seiring dengan kerajaan di Persekutuan ini untuk kita dapat memberikan yang terbaik kepada rakyat kita. Kita jangan fikir diri kita sendiri.

Kita kena fikir rakyat yang memerlukan. Jadi sebab sekarang ini kita tunggulah kalau pada ini maka perlu diadakan pilihan raya negeri itu, maka kita mahu pastikan bahawa kerajaan di negeri Sabah itu nanti sealiran dengan kerajaan di pusat iaitu Kerajaan Perikatan Nasional, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak perkara yang perlu kita laksanakan lagi di Sabah. Rakyat sentiasa menanti-nanti...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta laluan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Rakyat masih menanti-nanti dan— takut tak cukup masa, tinggal tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal tiga minit lagi.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tidak habis nanti.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Sedikit sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Jadi, rakyat memerlukan banyak...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar, Papar.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Setiap hari saya tengok dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Papar, tidak dapat kebenaran. Sila teruskan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ya. Setiap hari saya tengok macam-macam *group WhatsApp* sentiasa bertanya, "*bagaimana masalah air kita, jalan kita, jambatan kita yang roboh itu*" katanya Dia bertanya semua. Jadi ini semua memerlukan peruntukan. Saya meminta kepada kementerian-kementerian yang berkenaan di peringkat Persekutuan ini cuba membantu kita supaya dapat kita selesaikan masalah rakyat ini. Ini kerana kita fikirkan rakyat. Rakyat adalah penting. Tidak ada guna kita semua berada di sini asyik bergaduh yang bukan-bukan. Mempertahankan satu-satu manusiakah, insankah?

Bagi saya kita berada di sini kerana kita mahukan dapat memberi sumbangan kepada rakyat dan kepada negara kita. Ini kita kena beringat kerana kalau kita terlupa ini, maka sia-sia kita berada di sini. Sia-sia kita berada di sini bergaduh tentang perkara yang bukan-bukan tetapi kita lupa bahawa yang memberi mandat kepada kita adalah rakyat di bawah sana yang menunggu apa yang dapat kita bawa untuk mereka.

Oleh sebab itu, saya juga ingin bercakap sedikit tentang usahawan ini supaya kita perlu tambah lagi peruntukan untuk kita— mungkin setakat ini kita telah pun membimbing dan memberikan latihan kepada usahawan kita. Memberi juga pinjaman dan juga geran kepada mereka. Akan tetapi dalam keadaan mereka berhadapan dengan COVID-19 baru-baru ini yang banyak yang kena tutup, tidak dapat membayar sewa, tidak dapat membayar hutang mereka, tidak dapat meneruskan usaha mereka, maka kita kena lihat ini dengan norma yang baharu. Jangan kita bercakap norma-norma baharu tetapi cara kita kerja itu masih lagi norma-norma yang lama. Tidak boleh. Kita mesti *walk the talk*. Norma baharu mesti juga cara kita bekerja dengan norma baharu dengan mata kita melihat cara yang baharu dan...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Beaufort, minta mencelah.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: ...Cara-cara pendekatan kita, cara norma yang baharu supaya sesuai kerja kita betul-betul dapat sampai kepada mereka yang memerlukan. Kalau tidak mereka akan bertanya, "*norma baharu ini untuk kita berbaris satu meter, pakai topeng, basuh tangan*". Akan tetapi benda-benda yang lain kita tidak melihat norma baharunya. Kalau di Dewan ini masih lagi bergaduh, itu bukan norma baharu.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Beaufort, Setiu minta sedikit.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Itu norma lama. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal 30 saat lagi Yang Berhormat.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Beaufort, Setiu minta sedikit.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Setiu? Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa 30 saat sahaja tinggal.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Sedikit sahaja, Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tinggal 30 saat sahaja. Saya bagilah, kesian dia.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Apa pandangan Yang Berhormat Beaufort ketika rakyat menghadapi suasana COVID-19, ada pihak bercakara dalam menentukan cadangan untuk pilih Perdana Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Beaufort, masa sudah habis. Rumuskan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana di dalam kita menghadapi pandemik COVID-19 ini, kita dianugerahkan oleh Allah SWT seorang Perdana Menteri yang dapat membawa kita dengan hala tuju yang nampak cerdik, bijaksana, ada empati kepada rakyat, dapat kita tangani dengan sebaik mungkin. Jadi kita bersyukur. Jadi tidak ada perlunya kita bergaduh-gaduh mahu cari lagi siapa Perdana Menteri yang kesembilan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dulu saya ingat sokong Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sekarang ini kita tumpu. Kalau kita betul-betul sayangkan negara kita, sayangkan rakyat kita, kita tumpu kepada apa yang diperlukan oleh rakyat. Bukan apa yang kita perlukan. Apa yang kita perlukan itu tidak semestinya adalah baik untuk rakyat dan negara kita Malaysia.

Dalam masa ini adalah amat penting kita sama-sama menumpukan cara mana— seperti kata tadi bagaimana kita dapat meningkatkan lagi ekonomi kita. Apabila ekonomi kita dapat ditingkatkan, maka kita dapat terus memberikan yang terbaik kepada rakyat kita dalam negara kita yang tercinta. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah tamat. Terima kasih Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan dan diikuti oleh Yang Berhormat Rompin. Masa 20 minit Yang Berhormat.

3.48 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan yang dijalankan untuk penguntukan semula peruntukan perbelanjaan yang dibentangkan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Permohonan ini Tuan Yang di-Pertua adalah susulan daripada perubahan kerajaan selepas wakil rakyat telah mengkhianati mandat rakyat yang telah diberikan pada tahun 2018. *[Tepuk]* Sungguhpun kami di sini tidak bersetuju dengan apa yang berlaku tetapi dalam permohonan ini kami perhatikan bahawa ada lebih banyak kebencian telah pun ditubuhkan di mana kalau kita lihat jumlah kementerian dan jumlah Menteri-menteri termasuk yang tak pegang jawatan Menteri tetapi dapat status Menteri telah bertambah hingga kepada 75 orang.

Ini kalau kita lihat daripada bilangan yang menyokong kerajaan adalah lebih daripada 60 peratus. Itu satu jumlah yang paling besar dalam sejarah Malaysia yang mana daripada segi bilangan Ahli Parlimen, 75 memegang jawatan di dalam kerajaan.

■1550

Ini tidak ambil kira lagi GLC Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tambah lagi GLC, saya rasa ini akan menjadikan bilangan lebih 2/3 daripada jumlah *backbencher* kecuali Tuan Yang di-Pertua masih sama, tidak dapat apa-apa tambahan. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Di sini kalau kita lihat penguntukan semula...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Salah satu perkara yang hendak tanya daripada pihak...*[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Daripada pihak...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, hendak pembetulan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya habis ini, nanti saya bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit saja, pembetulan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya habis ini dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kawan, sikit saja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Nanti saya akan bagi, saya habis dulu. Kalau ada satu yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Ahli Parlimen kerajaan...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya akan bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit saja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Salah satu saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Ahli Parlimen kerajaan 75...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Hendak tanya tentang pengumuman semula ialah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Ahli Parlimen kerajaan...*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. Saya minta Yang Berhormat Arau, dia tidak bagi jalan. Lepas nanti apa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, hendak perbetulkan. Kalau kerajaan 75, kami 50...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Era pihak kerajaan bersetuju bahawa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi kami 125...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa dalam pengundian kami hanya dapat...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bagi Yang Berhormat Menteri jawab nanti. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, tidak apa Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya hendak betulkan. Kami sekarang...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Nantilah, saya habis ini dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Backbencher 50.*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah saya tahu daripada pihak kementerian sama ada sistem tender terbuka masih diperlukan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau kerajaan 75, 125 ini menunjukkan bahawa akauntan tak bertauliah!

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap perkara ini boleh diperjelaskan kerana bila kita lihat dasar sebelum ini di mana keputusan untuk tidak melantik ahli-ahli politik sebagai ahli lembaga pengarah GLC telah pun diubah untuk membolehkan pelantikan dibuat. Perkara ini telah dibincangkan secara panjang lebar dan saya tidak berhasrat untuk mengulangi apa yang kita persoalkan sebelum ini iaitu sekiranya kita hendak GLC yang merupakan *custodian* ataupun pemegang amanah wang awam berpuluh-puluh bilion ringgit.

Kita hendakkan dia berfungsi dan beroperasi dengan lebih baik dan juga lebih sempurna. Ia harus mengamalkan tata kelola ataupun urus tadbir syarikat yang baik dan ini termasuk melantik ahli lembaga pengarah yang profesional, yang berkemampuan, yang berpengalaman dan tidak ada motif-motif politik.

So, di sini kita lihat perubahan dasar ini kerana sekiranya ada unsur-unsur politik, macam mana kita boleh pastikan jumlah wang dana awam berpuluh bilion ini boleh digunakan dengan maksimum, pulangan maksimum sekali. So, itu yang menjadi persoalan. So, sekiranya dasar sebelum ini iaitu hanya melantik ahli-ahli profesional ataupun pakar-pakar, menjadi ahli lembaga pengarah GLC. Sekiranya ini boleh diubah, adakah sistem tender terbuka pun diubah. Saya harap boleh dapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin bertanya. Tadi rakan saya Yang Berhormat daripada Kubang Pasu yang juga bekas, mantan Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan dengan begitu baik sekali bahawa kalau kita lihat dari segi hutang dan juga liabiliti negara, kalau kita lihat hutang sendiri diakui oleh pihak di sebelah sana bahawa dari segi komitmen dan hutang adalah sebanyak RM1,264 bilion atau RM1.264 trilion. *[Tepuk]*

Itu menunjukkan bahawa pendedahan hutang yang dialami ataupun yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia adalah sesuatu yang besar. Tapi dalam keadaan COVID-19, kami faham. Perlunya kita menyelamatkan ekonomi dan sungguhpun sebanyak RM295 bilion diperuntukkan untuk Program PRIHATIN. Apa yang kita lihat ialah suntikan secara langsung dianggarkan sebanyak RM45 bilion. Ini satu jumlah yang kita rasa tidak mencukupi kerana suntikan dana ini harus diperbanyakkan.

Kalau kita lihat dari segi kadar pengangguran yang meningkat kepada 5.3 peratus pada bulan Mei, telah turun kepada 4.9 peratus pada bulan Jun. Tapi ini ialah kerana ada beberapa sebab penting di antaranya ialah kerana ada moratorium pinjaman bank yang akan luput pada 30 September, sebulan lagi dan sebulan, dua lagi. Saya ingin meminta bahawa moratorium pinjaman bank ini bolehlah dilanjutkan untuk enam bulan lagi. Saya tidak faham mengapa ia tidak boleh dilanjutkan.

Kalau kita lihat daripada RM45 bilion yang akan dipinjam daripada pasaran domestik dan ini seperti yang Yang Berhormat Kubang Pasu, ini ialah untuk COVID-19. Kita belum mengambil kira penurunan hasil yang mungkin melebihi 30 peratus. Bermakna bahawa kerajaan terpaksa buat pinjaman lagi untuk membubuh ataupun mengisi kekurangan hasil oleh kerana impak ekonomi daripada COVID-19.

Sekiranya ini dibuat untuk menyelamatkan ekonomi, kami daripada pihak pembangkang akan menyokongnya. Akan tetapi yang jadi masalahnya ialah kita tidak lihat kesan secara langsung yang membantu orang-orang biasa, yang membantu untuk menyelamatkan pekerjaan, yang membantu untuk menyelamatkan pekerjaan, kadar pengangguran masih naik. Banyak syarikat masih gulung tikar. Itulah sebabnya kami minta kalau boleh lanjutkan moratorium, selamatkan pekerjaan, selamatkan perniagaan. *[Tepuk]*

Dan kosnya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Politicking* lah itu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, kosnya bukan tinggi sangat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Main politik lagi *ala...*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kalau kita lihat pinjaman RM45 bilion...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Politik sajalah itu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kos untuk moratorium adalah sebanyak RM6.4 bilion. Ini ialah kos kepada bank-bank. Sekiranya bank tidak mahu menanggung kos ini, saya ingin meminta pihak kerajaan keluarkan RM6.4 bilion ini supaya kita boleh bantu 7.7 juta individu dan lebih 300,000 syarikat supaya mereka tidak perlu 'gulung tika' dan pekerjaan dapat diberikan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa jadi Menteri Kewangan dulu tidak bantu pun.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini ialah untuk masa depan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa jadi Menteri Kewangan dulu tidak bantu pun!

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sehingga 31...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa jadi Menteri Kewangan dulu tidak bantu pun!

Seorang Ahli: Diamlah Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hei! Yang Berhormat Pasir Salak, diamlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak duduk, Yang Berhormat Pasir Salak, duduk Yang Berhormat Pasir Salak!

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya rasa saya punya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kontraktor yang tekan. *So, who is talking man?*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sekarang saya hendak bagi kepada Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, bukan *market* lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa jadi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Who is talking,* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak sudah Yang Berhormat Pasir Salak. Saya tidak benarkan Yang Berhormat Pasir Salak. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Who is talking man?*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kalau kita lihat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hoi! *Shut up* lah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya terpaksa kontrol sini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kalau kita lihat keuntungan yang diperolehi oleh sektor perbankan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tahun lepas 2019, adalah sebanyak...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: RM32 bilion.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Maka jelas sekali mereka mampu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan tekan semua orang, tekan kontraktor, tekan... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, jangan diganggu Yang Berhormat Pasir Salak. Teruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Upah orang.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kasi halau Yang Berhormat Pasir Salak lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau bank tidak mahu menanggung kos...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana ada integriti.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Shut up* lah Yang Berhormat Pasir Salak!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada integriti punya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk diamlah Yang Berhormat Pasir Salak! Duduk diam!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Not worth listening.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, jangan diganggu. Peraturan 37.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sekiranya bank tidak mahu menanggung kos...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kalau tidak hendak dengar, keluarlah Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Adalah perlu bahawa kita keluarkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah tidak menjadi Menteri lagi, jangan banyak cakaplah!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Keluarlah!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan ganggulah!

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kalau kita lihat dari segi kos keseluruhan Program PRIHATIN, RM295 bilion, apa jumlah RM6.4 bilion ini. Dia tidak sampai pun 10 peratus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Dia tidak sampai pun 5 peratus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Boleh? Tak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, sila Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau sila bagi celahan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia buang masa saja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Okey, Yang Berhormat Arau, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak payah dengarlah lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah Yang Berhormat sedar COVID-19 ini bermula awal lagi. Sebab itu sebab nama 19 tetapi apakah Kerajaan PH telah buat daripada Januari sampai Mac itu, apa yang telah dibuat untuk menangani masalah yang dihadapi. Akan tetapi kerajaan baharu bila mereka ambil alih saja, serta-merta kita bertindak dan kita laksana seperti yang ada sekarang. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, permohonan Yang Berhormat...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Kes pun melambak-lambak, yang mati pun ramai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Untuk moratorium dan sebagainya itu boleh kita pertimbangkan. Tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey Yang Berhormat Arau, baik. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Baik terima kasih. Terima kasih daripada Yang Berhormat Arau. Kalau Yang Berhormat Arau ada dengar Belanjawan 2020, pihak Kerajaan Pakatan Harapan ada cadangkan satu program untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan sebanyak 300,000 kepada rakyat Malaysia, *Malaysia@Work* di mana insentif gaji sebanyak RM500 diberikan kepada pekerja-pekerja yang tidak dapat kerja setahun untuk tempoh dua tahun.

■1600

Untuk menggalakkan majikan mengambil pekerja-pekerja yang tidak dapat kerja ini, mereka pun dapat insentif sebanyak RM300 sebulan dan di sini saya hendak mengambil peluang untuk tanya Yang Berhormat atau Yang Berhormat Menteri Kewangan, adakah Program Malaysia@Work yang disyorkan dalam Belanjawan 2020 untuk memberikan peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak dapat kerja, khususnya graduan-graduan yang seramai 160,000 orang, 170,000 orang tidak dapat kerja selama satu tahun.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada kerja pun masa itu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Adakah pihak kementerian akan teruskan Program Malaysia@Work? Supaya kita dapat memberikan 300,000 peluang pekerjaan.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kepada mereka yang tidak dapat kerja untuk setahun.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Oleh kerana setakat ini apa yang saya dapat fahamkan ialah bahawa program ini dibatalkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Geng, geng.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kosnya Tuan Yang di-Pertua bukan banyak.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Penting ini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Hanya sebanyak RM6.5 bilion sahaja untuk tempoh lima tahun bukan untuk setahun, lima tahun sebanyak RM6.5 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Muar.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ia bukan satu jumlah yang besar tetapi dapat berikan peluang pekerjaan kepada lebih seramai 300,000 orang rakyat Malaysia khususnya anak-anak muda. So, di sini adalah perlu bahawa kita telah mulakan program ini sebelum COVID-19, sebelum COVID-19 telah pun ada *progress* sedemikian.

Akan tetapi selepas COVID-19, kita hendak sokong langkah-langkah yang boleh membantu sama rakyat, yang boleh membantu rakyat Malaysia biasa mengekalkan pekerjaan, untuk membantu peniaga-peniaga kecil supaya tidak perlu '*gulung tikar*' tetapi teruskan perniagaan itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Retorik sahaja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So, itulah hasrat kita. Di sini kami di sini hendak menyeru lanjutan moratorium. Pastikan bahawa bank-bank ini tidak akan kenakan kepada peminjam-peminjam. Ini harus dibuat secara automatik. Mengapa hendak susahkan individu dan perniagaan untuk isu borang dan temu bual? Mereka kena habiskan masa untuk menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan mereka. Itu yang saya rasa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Retorik sahaja, duduklah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Jangan susahkan mereka, lanjutkan moratorium untuk tempoh ini. Di samping itu, saya harap bahawa dalam jawapan yang diberikan

bahawa cadangan untuk kita menggandakan rebat TNB daripada sebanyak RM77, kita harap boleh digandakan kepada sebanyak RM154.00. Selain itu juga, untuk dapat diskaun kepada sektor perniagaan di mana mereka dapat diskaun sebanyak 15 peratus. Ini untuk tempoh tiga bulan April, Mei dan Jun.

Kita tidak minta dilanjutkan hingga hampir hujung tahun, tidak, akan tetapi hanya digandakan sahaja. Untuk April, Mei dan Jun bukanlah sebanyak RM77 tetapi sebanyak RM154. Ini saya rasa adalah satu permintaan munasabah kerana kita tidak minta sampai sebanyak RM400 atau sebanyak RM500, tidak.

Kita hanya minta gandakan sebanyak RM77, jadi sebanyak RM154. Kosnya sebanyak RM942 juta, tidak sampai sebanyak RM1 bilion pun. Mengapa tidak digandakan supaya boleh bantu pengguna-pengguna biasa? Di manakah hati keprihatinan rakyat yang diuar-uarkan sebelum ini? Ini untuk rakyat biasa. Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh menimbang, menggandakan sahaja 100 peratus daripada sebanyak RM77 kepada RM154.

Di samping itu untuk peniagaan, kita pun minta diskaun bukan sekadar sebanyak 15 peratus, tetapi sekadar sebanyak 30 peratus. Kos keseluruhannya kalau kita lihat jawapan daripada pihak kementerian, kos keseluruhannya adalah sebanyak RM3.2 bilion. Ini saya rasa bukanlah satu jumlah yang besar. Sekali lagi kalau kita bandingkan dengan peruntukan yang diberikan untuk pakej PRIHATIN sebanyak RM295 bilion. Untuk meminta lagi sebanyak RM3.2 bilion, itu bukan satu jumlah yang melampau.

So, di sini kami minta ialah moratorium lagi RM6.4 bilion, rebat elektrik untuk seluruh negara, untuk semua rakyat Malaysia. Kalau boleh lanjutkan untuk Sabah dan Sarawak, juga sebanyak RM3.2 bilion. Sebanyak RM10 bilion sahaja tidak boleh bagi kah? Kalau kita bandingkan, kalau kita lihat apakah manfaat yang boleh diperoleh oleh rakyat biasa? Lebih RM10 juta dan perniagaan-perniagaan kecil. Saya harap perkara ini boleh diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Pada masa yang sama, di sini saya pun harap bahawa kerana esok Bank Negara akan umumkan pertumbuhan GDP untuk suku kedua tahun ini. Memang dijangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi akan jatuh merudum kerana COVID-19. Itulah masanya untuk kita menunjukkan keprihatinan dan bahawa sahaja kerajaan bahawa semua rakyat Malaysia meminta ambil berat tentang masalah yang dihadapi.

Berikanlah suntikan dana ataupun bantuan yang sewajarnya. Perkembangkanlah bantuan yang diumumkan sebelum ini. Kalau berhenti di situ sahaja, yang saya kuarir ialah semua usaha yang dijalankan sebelum ini untuk membantu mereka akan dipersia-siakan. So, di sini saya harapkan perkara ini boleh diberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi banyak dari segi menguntungkan semula, dari segi pihak kementerian, saya harap bahawa pihak kementerian pun boleh telus, berikanlah jawapan kepada Ahli-ahli Parlimen. Bila kita tanya tentang jawatan-jawatan yang dipegang oleh Ahli Parlimen yang memegang Ahli Lembaga Pengarah GLC, apakah elaun tambahan? Apakah gaji mereka? Bagi tahulah. Semua pun mungkin kita dahulu tidak dapat, sekarang tengok ahli rakan-rakan dapat, tetapi sekurang-kurangnya kita dapat tahu. Ini perlu untuk transparansi, rakyat pun hendak tahu, apakah ganjaran tambahan yang mereka peroleh?

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya hendak sebut satu perkara yang penting iaitu tentang denda yang dikenakan ke atas mereka yang gagal memakai pelitup muka. Di sini ada satu kempen yang dijalankan oleh Ahli-ahli Parlimen yang diusahakan oleh Yang Berhormat daripada Kuching iaitu untuk meminta dan merayu pihak kerajaan menurunkan kadar denda daripada sebanyak RM1,000 kepada sebanyak RM250. *[Tepuk]*

Di sini ini bukanlah satu isu politik, itu adalah isu rakyat kerana denda sebanyak RM1,000 adalah terlalu tinggi. Kalau kita lihat denda untuk merokok di kawasan larangan, kompaun hanya sebanyak RM250. *[Tepuk]* Ada seorang Yang Berhormat Menteri pun telah bayar kompaun kerana merokok dalam Dewan. Mengapa perlu kita hadkan satu denda yang begitu tinggi untuk rakyat biasa? Sebanyak RM1,000 untuk mereka, sukar sedikit.

Kalau kita lihat gaji minimum pun sebanyak RM1,200. Bayar sebanyak RM1,000, macam mana mereka mampu? So, di sini bukan cakap tidak denda, saya faham kena denda untuk pastikan bahawa undang-undang dapatlah dikuatkuasakan. Akan tetapi munasabah sedikit, bertimbang rasa sedikit dan ambil hati sedikit kesusahan rakyat.

Tolong, tolong, tolong, tolong, saya sebut sini tolong, tolong, tolong kurangkan denda daripada sebanyak RM1,000 kepada sebanyak RM250. Saya rasa ini harus disokong oleh semua Ahli Parlimen untuk rakyat, khususnya mereka yang kurang berkemampuan. Sekian, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Retorik tak habis, habis. Tidak laku sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cerita dongeng itu tidak laku, sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Rompin. Ada Yang Berhormat Rompin?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat, 20 minit.

4.09 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk bersama-sama membahaskan usul yang dibawa oleh Kementerian Kewangan.

Kita bersyukur kerana dalam keadaan menghadapi COVID-19 ini dalam masa yang sama, kita berhadapan dengan satu perubahan kerajaan yang berlaku.

■1610

Walaupun kerajaan baharu dibentuk tetapi kerajaan ini mampu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan serta-merta bagi memulihkan ekonomi negara. Saya tidak dapat gambarkan kalau COVID-19 ini berlaku semasa kerajaan di bawah Menteri Kewangan yang lalu yang mewarnakan ekonomi negara ini dalam keadaan yang cukup tidak baik. Jadi, oleh kerana kerajaan baharu ditubuhkan dan dengan sokongan serta kebijaksanaan Menteri-menteri yang baharu, kita dapati langkah-langkah segera dapat dilaksanakan.

Di antara dua kementerian yang disusun semula yang kita lihat ialah di mana Kementerian Alam Sekitar dan Air ditempatkan dalam satu kementerian baharu. Ini merupakan satu langkah bijak yang dilaksanakan oleh kerajaan kerana sumber air dan alam sekitar ini merupakan dua perkara yang sangat-sangat berkait rapat. Sumber air negara merupakan perkara yang harus dijaga dan Jabatan Alam Sekitar ini harus memainkan peranan supaya sumber air sentiasa dijaga demi kelestarian bekalan air di dalam negara dan bekalan air dapat dibekalkan dengan baik dan diuruskan dengan baik dan kosnya sentiasa dapat dijaga.

Dalam rangka ini, saya mencadangkan bahawa Majlis Air Negara harus sentiasa bermesyuarat bagi melihat arah tuju industri air negara. Oleh kerana kita melihat air ini satu perkara yang bukan perkara yang aneh, sentiasa kita lihat berbanding dengan bekalan elektrik. Kebanyakan orang tidak merasakan bahawa bekalan air ini sangat penting. Perhatian serta tumpuan kita bagaimana untuk menguruskan sumber air ini kadang-kadang kita terlepas pandang kerana mungkin juga kekangan daripada segi perundangan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan menyebabkan banyak masalah timbul daripada sumber air ini.

Jadi, saya cadangkan supaya Jabatan Air Negara ditubuhkan bagi menyelaraskan sumber air negara supaya kita menentukan bahawa sumber air berpanjangan dan negara tidak terancam dengan satu malapetaka yang mungkin akan berlaku jika tidak dikawal dengan rapi.

Antara perkara-perkara yang kita lihat ialah bahawa pada keseluruhannya, tarif air di negeri-negeri adalah sangat rendah sebenarnya. Sangat rendah. Oleh kerana tarif air ini sangat rendah, tidak ada kesedaran di kalangan masyarakat untuk menilai betapa pentingnya air ini. Bagaimana dia menilai pentingnya elektrik untuk sebahagian daripada kehidupan mereka, mereka tidak melihat bekalan air atau sumber air ini sebagai satu komoditi yang penting dalam penghidupan.

Dia tidak menjaganya dan tidak sensitif tentang kenaikan harga umpamanya. Kalau kita naik sedikit harga air, ia akan menjadi satu isu politik yang sangat besar dalam

negara kita ini. Akan tetapi, kita harus menjangkakan bahawa semakin hari semakin tinggi kos untuk memproses air ini.

Jadi, saya berharap Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Majlis Air Negara akan melihat ini secara sungguh-sungguh dan secara teliti supaya tidak akan berlaku krisis air dalam negara kita ini. Jadi, langkah kerajaan adalah tepat meletakkan dua buah jabatan iaitu Jabatan Air dan Jabatan Alam Sekitar di bawah satu kementerian.

Satu kementerian lagi yang disusun semula adalah Jabatan Kemajuan Orang Asli yang ditempatkan semula di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Memanglah dulu di bawah Kementerian Perpaduan, memanglah sangat tidak sesuai Jabatan Kemajuan Orang Asli diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan. Masyarakat Orang Asli masih dilihat satu jabatan yang orientasinya adalah pembangunan.

Masyarakat Orang Asli masih memerlukan banyak lagi pembangunan seperti jalan, jambatan, bekalan air luar bandar dan pelajaran. Ini adalah antara isu-isu utama yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Jadi, langkah kerajaan untuk meletakkan semula Jabatan Kemajuan Orang Asli ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah sangat tepat.

Kita lihat kemajuan yang dicapai oleh JAKOA ini dalam mengubah kehidupan Orang Asli ini tidaklah begitu mudah. Orang Asli harus dilihat sebagai satu kaum yang—pertamanya adalah pendekatan pendidikan. Dasar memberi pendidikan yang sebaik mungkin kepada Orang Asli adalah langkah untuk mengubah sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Jadi, kita berharap tumpuan JAKOA ini adalah bagaimana meningkatkan lagi pencapaian serta penguasaan pendidikan di kalangan Orang Asli sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Keciciran masih berlaku di kalangan anak-anak Orang Asli. Keciciran itu lebih ketara semasa Kerajaan Pakatan Harapan kerana banyak peruntukan yang telah dipotong. Umpamanya peruntukan bantuan pakaian, peruntukan bas sekolah, peruntukan buku percuma dipotong semasa Kerajaan Pakatan Harapan. Saya berharap kerajaan hari ini harus mengembalikan semula semua peruntukan ini bagi menggalakkan masyarakat Orang Asli menguasai bidang ilmu pengetahuan di semua peringkat.

Satu lagi di kalangan masyarakat Orang Asli juga ialah kedudukan tanah mereka. Ini adalah tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya kawasan rizab Orang Asli ini dapat disegerakan pengukuran sempadannya, *boundary*nya supaya memudahkan apa juga pembangunan, apa juga timbul permasalahan serta tuntutan masyarakat Orang Asli dapat diselesaikan dengan segera.

Selagi tidak ada satu pengukuran secara terperinci dan menentukan kawasan-kawasan yang hendak digazetkan sebagai kawasan Orang Asli, selagi itu akan timbul sengketa serta pertelingkahan di antara masyarakat Orang Asli dengan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Sukar untuk kita membuat pembangunan di kawasan-kawasan Orang Asli di mana akan berlaku pertikaian di antara masyarakat Orang Asli dan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Rompin, Cameron Highlands mohon mencelah, dengan izin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, sila.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* dan terima kasih Yang Berhormat Rompin kerana membangkitkan isu Orang Asli.

■1620

Satu perspektif yang amat penting, walaupun berjuta-juta, walaupun beribu-ribu kita tuangkan untuk pembangunan Orang Asli tetapi kalau urus tadbir tidak bagus, tidak tepat, tidak dapat menyampaikan dengan izin, *deliver* ini satu kelemahan. Apa yang saya lihat, isu Orang Asli ini adalah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Bukan strukturnya tetapi kepimpinannya.

Untuk makluman Dewan, Ketua Pengarah JAKOA adalah lantikan Kerajaan Pakatan Harapan. Beliau adalah seorang pensyarah. Tidak pernah dalam seumur hidup kariernya mentadbir satu organisasi yang begitu besar *to deliver*, dengan izin projek-projek dan pengalaman mentadbir tidak ada. Baru-baru ini Yang Berhormat Rompin, saya mendapat makluman, apa yang saya faham Ketua Pengarah adalah seorang pegawai tadbir yang mentadbir.

Saya mendapatkan maklumat di PRK Slim, beliau telah terlibat secara langsung dengan politik. Bolehkah kalau sedemikian Yang Berhormat Rompin? Beliau telah mengarahkan tok-tok batin menerima wakil Yang Berhormat Senator Manolan untuk hadir. Ini maklumat yang saya terima. Bolehkah sedemikian seperti beliau sebagai seorang pentadbir laksanakan perkara tersebut?

Lagi satu saya hendak bertanya. Dalam mengurus tadbir kewangan, kalau isu pembayaran bas pun beliau salahkan Menteri Kewangan, Menteri Kewangan salahkan beliau masa zaman PH, apakah implikasinya nanti?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Cameron Highlands. Diharapkan Kementerian Luar Bandar melihat semula tugas dan tanggungjawab Ketua Pengarah JAKOA ini yang mana dia adalah seorang pensyarah dan tidak mempunyai pengalaman untuk mentadbir dan tidak ada pengalaman untuk menguruskan masyarakat Orang Asli. Masukkan ini sebahagian daripada ucapan saya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi suasana ekonomi dunia dan domestik yang tidak terkawal, yang sukar dikawal, dicampur dengan geopolitik yang merunsingkan. Kerajaan harus menggunakan sepenuhnya dalam merangka Bajet 2021 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas sebagai suatu kaedah untuk menangani masalah geopolitik dan juga masalah keadaan ekonomi yang melanda di seluruh dunia.

Teori-teori ekonomi yang lama mungkin tidak sesuai lagi untuk kita pakai dan harus kerajaan memperkenalkan beberapa dasar baharu yang luar biasa, bukan biasa yang dipakai oleh pakar-pakar ekonomi tetapi di luar rangka serta strategi ekonomi yang luar biasa bagi menangani gelombang ekonomi yang tidak begitu mengizinkan.

Dalam merangka strategi Bajet 2021 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas, satu perkara yang sangat penting ialah kerajaan harus menilai semula peranan serta tanggungjawab *public sector* dengan *private sector*. Dua komponen ini harus diperkukuhkan dan ditingkatkan lagi kerjasama, harus berganding bahu bagi memastikan bahawa perancangan ekonomi dapat dilaksanakan dengan begitu berkesan demi menghadapi masalah yang saya katakan tadi.

Dalam kita melihat pendekatan ekonomi, saya melihat bahawa *government spending*, dengan izin dan *investment-driven, economic growth* ada dua pendekatan yang harus dilihat secara mendalam oleh kerajaan. Kita jangan terlalu taksud dan terikut-ikut dengan *rating* antarabangsa kerana kitalah yang menguruskan ekonomi kita. Kita harus melihat secara yang domestiknya bagaimana kita harus membelanjakan duit kita dalam keadaan menghadapi ekonomi yang tidak begitu mengizinkan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Rompin, minta sedikit boleh? Kangar.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Rompin tentang untuk kita menilai semua cara perbelanjaan kerajaan. Saya sebelum ini terlibat dalam Jawatankuasa Pemilih Bajet yang ditubuhkan oleh Parlimen dan saya dalam perbincangan kami yang terakhir memang saya membawa isu tentang masalah fiskal yang dihadapi oleh kerajaan.

Bukan pada sekarang ataupun bukan pada zaman PH, ini telah mula disebutkan sejak daripada zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri kalau kita tengok balik temu ramah-temu ramah dengan beliau pada waktu itu.

Cuma saya hendak sebut dengan Yang Berhormat Rompin, setuju atau tidak Yang Berhormat Rompin, dalam perancangan kerajaan ini, kita kena ambil kesempatan daripada masalah pandemik ini untuk kita menilai semula supaya kita tidak mengadakan lagilah, mengurangkan program-program bersifat *one-off* yang bersifat politik.

Kedua ialah rancangan-rancangan yang bersifat *institutional*. Sebagai contoh, bila kita wujudkan IPG lebih kurang dalam 15 tahun lalu, sekarang kita tengok dalam tiga, empat tahun kebelakangan ini kita hendak tutup pula IPG. Ini lebih bermasalah berbanding dengan program. Kalau program mudah untuk kita batalkan tetapi kalau sudah wujudkan institusi, ia ada pekerja, ia ada perkara yang kita hendak perlu selenggara dan sebagainya, ini lebih bermasalah dan kita mesti ambil kesempatan ini dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Hal ini kerana selalunya bila kerajaan hendak melakukan pembangunan, ia akan berdasarkan *rolling plans* yang dirancang. Itu sahaja pandangan saya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Betul, jangan ada pemberhentian kerja. Maknanya *institutional* yang telah ditubuhkan, sebahagian daripada rangsangan kepada kemajuan ekonomi negara.

Dasar fiskal kita tidak harus terikut-ikut dengan pandangan pakar-pakar ekonomi dari luar. Kenapa mereka tidak mempersoalkan bila hutang di Singapura terlalu tinggi umpamanya, lebih daripada 100 peratus daripada GDP— Amerika, *Japan*. Akan tetapi bab negara-negara membangun dan negara yang sedang membangun dan mempunyai kecairan yang tinggi. Malaysia mempunyai kecairan yang tinggi. Sistem bank kita kukuh. Kita tidak perlu meminjam daripada luar negara.

Kita berharap kerajaan dalam keadaan sekarang ini jangan terikut-ikut dengan pandangan pakar-pakar ekonomi dari luar. Kita harus *spend* dengan izin, kita harus membelanjakan dan disokong dengan perancangan pelaburan yang strategik, *high capital economy*, dasar buruh yang terlebih teratur dan kurangkan buruh asing. Dasar buruh yang lebih teratur akan menyebabkan kita boleh menjuruskan pembangunan ekonomi kepada sektor-sektor yang berdaya saing, yang lebih tinggi dan berorientasikan eksport.

Zaman untuk kita melihat bahawa kita mengeluarkan *low-income economies* sudah berlalu sebenarnya. Selagi kita tidak berorientasikan kepada eksport dan mengeluarkan barang-barang yang bernilai tinggi, selagi itulah kita tidak boleh mencapai hasrat kita untuk menjadikan Malaysia ini negara maju. Masa inilah masa yang sangat sesuai kita menilai semula strategi dasar ekonomi kita, menilai semula dasar perburuhan kita, menilai semula dasar pelaburan kita dan menilai semula daripada segi *banking industry* kita.

Apa salahnya *interest rate*, kadar *interest* dapat diturunkan lagi OPRnya kepada 25 persen lagi. Saya percaya di negara-negara yang maju separuhnya *zero percent*, dengan izin kadar *interest* nya. Kalau kita dapat mengurangkan lagi *interest rate* dalam negara kita, ini tidak akan membebankan pengusaha-pengusaha untuk meminjam wang untuk menjana perniagaan mereka dan untuk membesarkan perniagaan mereka. Kepada pelabur-pelabur luar negara, mereka akan lebih berminat kerana di negara kita mempunyai pinjaman yang tidak begitu tinggi kadar *interest*nya dan ini membolehkan pertumbuhan serta pelaburan di negara kita akan berkembang dengan lebih maju.

■1630

Kerajaan tidak harus terikat dengan dasar-dasar lama, berikan insentif kepada pelabur-pelabur luar negara dengan pelbagai insentif perancang pertumbuhan ekonomi baharu. Saya melihat Kuantan dan Pantai Timur adalah satu *the new growth*, dengan izin kawasan pertumbuhan ekonomi baharu bagi negara yang menghadap ke Laut China Selatan.

Adalah tepat mempercepatkan keputusan untuk membina ECRL Kuantan ke Port Klang. Jajaran lama harus dikembalikan semula yang berteraskan kepada kepentingan ekonomi dan bukan kepentingan politik.

Jadi kalau ini berlaku kawasan pertumbuhan Pantai Timur daripada Kuantan, Terengganu, Kelantan ke selatan Pattani juga akan boleh mengeksportkan barang-barang dia ke Malaysia, kita membuka ruang kawasan selatan Thailand untuk mengeksport barang-barang ke Pelabuhan Kuantan dan akan tumbuhlah satu kawasan pertumbuhan baharu negara yang akan menyokong kepada pembangunan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan menyokong usul yang dibawa oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Dungun.

4.32 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Berucap dalam bahasa Arab dan membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud, "Dia Yusuf berkata, jadikanlah daku pengurus perbendaharaan negara Mesir kerana sesungguhnya aku adalah orang yang bijak menguruskannya dan memiliki pengetahuan." Ayat 55, Surah Yusuf.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar yang melibatkan akta menguntukkan

semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang telah diperuntukkan. Bagi membahaskan perkara dasar ini, saya ingin untuk kita semua mengimbas kembali selepas beberapa minggu yang penuh dengan kekalutan, debaran dan teka-teki, akhirnya pada 10 Mac 2020 terbentuk kerajaan baharu Malaysia, Perikatan Nasional.

Kabinet Perikatan Nasional yang terdiri daripada 31 Menteri dan 38 Timbalan Menteri, lima Menteri dan empat Timbalan Menteri wanita yang jumlah peratusannya adalah 14.3 peratus. Tidak mencapai sasaran 30 peratus dari jumlah yang telah diputuskan pada asas dasarnya memenuhi 30 peratus kehendak supaya Menteri-menteri wanita atau Timbalan Menteri-menteri mencapai sasaran ini. Maka saya harapkan supaya apa pun pada masa-masa akan datang, Kabinet di peringkat Kerajaan Persekutuan ini mestilah mencapai tahap 30 peratus dari jawatan Menteri dan Timbalan Menteri terdiri dari kalangan wanita.

Kedua, kehendak rakyat kepada Menteri-menteri ini ialah supaya dapat menyelesaikan masalah mereka. Walaupun dengan kekangan kewangan yang ada dibebani dengan jumlah hutang, kekurangan perolehan dari aset-aset strategik serta entiti perniagaan dan pelaburan yang telah banyak dijual, tugas Menteri-menteri Kerajaan Perikatan Nasional ini menjadi lebih mencabar.

Ditambah pula kekurangan pendapatan yang diperoleh daripada hasil-hasil cukai serta kehilangan pelaburan asing dan negara asing dalam menghentikan pengimportan maka kekangan kepada tambahan hasil negara berlaku. Maka kekangan kepada pelaksanaan dan pencapaian yang ingin untuk dilaksanakan oleh Menteri-menteri di bawah Kerajaan Perikatan Nasional ini tetap mesti diberikan perhatian dan tumpuan kepada masalah-masalah utama rakyat.

Ketiga, kesan akibat COVID-19, rakyat yang kehilangan kerja jangan sekali-kali dilupakan. Harap kerajaan memberi penumpuan kepada penyelesaian permasalahan mereka. Kerangka-kerangka penyelesaian segera dan jangka panjang mestilah diurus dengan baik supaya permasalahan mereka apabila selesai pandemik COVID-19 dapat diuruskan dengan baik.

Kabinet yang diharapkan sebagai penyampai perkhidmatan yang lebih fokus, cekap dan peduli rakyat. Menteri-menteri yang mesti *deliver the message*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan. Jangan timbulkan isu-isu yang menimbulkan keresahan rakyat seperti isu ICERD, penghinaan terhadap Yang di-Pertuan Agong, penghinaan terhadap Raja-raja, memperlekehkan agama, menimbulkan isu-isu keresahan kaum dan lain-lain kerana fokus kepada keanggotaan Kabinet mestilah ditonjolkan dalam bentuk keserasian suasana kerja yang memungkinkan mereka dilihat untuk menyelesaikan permasalahan rakyat.

Oleh itu komunikasi dan koordinasi di antara kementerian mesti dilihat tersusun dan berkesan supaya sinergi dan penyelarasan dilihat mampu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Menteri-menteri dalam Kabinet Kerajaan Perikatan Nasional ini, mesti benar-benar berfungsi serta dapat menyampaikan perkhidmatan. Menteri Kabinet yang berfokus dan berkhidmat untuk rakyat.

Oleh itu, selepas pembentukan kementerian-kementerian baharu, maka peruntukan-peruntukan penyelarasan bersesuaian dengan fungsi-fungsi kementerian. Maka saya mengharapkan Menteri-menteri membantu Yang Amat Berhormat Pagoh dalam melaksanakan tanggungjawab walaupun berhadapan dengan cabaran-cabaran sukar khususnya semasa COVID-19.

Walk the talk, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya rakyat merasa aman dengan usaha-usaha kerajaan yang ada. Saya juga memohon supaya Menteri-menteri yang ada ini dapat memenuhi *motto*, "*Cabinet that delivers*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana yang pertama, rakyat memerhati dan melihat apakah usaha-usaha kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan mereka.

Kedua, dunia juga sedang memerhatikan adakah dengan kerajaan baharu Perikatan Nasional ini mendapat hasil yang terbaik bagi memperbetulkan semula landasan negara kita.

■1640

Oleh itu, diharapkan Menteri-menteri dapat melaksanakan tanggungjawab untuk kepentingan negara dan rakyat. Saya mengharapkan supaya fokus kerajaan mestilah benar-benar diberikan perhatian kepada fokus-fokus kepentingan utama rakyat. Pertama ialah basmi kemiskinan.

Ini adalah penting kerana rakyat kita yang berada di peringkat yang paling bawah dalam struktur sebuah pemerintahan, kita memilih bahawa rakyat di peringkat yang paling bawahlah yang mengundi dan memilih kita. Apa pun yang berlaku, berikan perhatian kepada hal-hal yang melibatkan kemiskinan rakyat. Oleh kerana kesan daripada apa yang kita laksanakan ini, ia memungkinkan kita untuk mendapat rahmat dan berkat daripada Allah SWT.

Oleh kerana keutamaan kepada kepentingan rakyat inilah saya teringat kepada satu sabda Rasulullah SAW. [*Membaca sabda Rasulullah*] Maksudnya, “Ya Allah, himpunkan daku dalam kalangan orang-orang yang miskin” dengan makna, sentiasa memberikan perhatian kepada soal-soal kepentingan mereka. Menyelesaikan permasalahan mereka, merasa denyut nadi mereka supaya kita dapat melihat kepada fokus-fokus kementerian yang baharu ini dapat menyelesaikan apa yang diperlukan daripada hal-hal yang melibatkan kemiskinan rakyat.

Kedua, fokuskan juga kepada pembangunan generasi X, yakni generasi milenium yang daripada umur kelahiran 1981 hingga 1992, dibandingkan dengan tahun 2020 ini iaitu berumur di antara 26 tahun hingga 40 tahun. Fokuskan kepada kepentingan pembangunan generasi ini. Oleh kerana sebahagian mereka berada pada generasi yang menghadapi cabaran-cabaran yang sangat hebat.

Keperluan-keperluan dalam masa mereka melalui suasana ini mesti kita berikan perhatian kepada penyelesaian permasalahan mereka supaya mereka dapat menjadi generasi yang akan menggantikan kepimpinan negara pada masa yang akan datang. Jika rosak generasi ini, maka rosaklah negara pada masa akan datang. Jika baik generasi ini, maka baiklah negara ini pada masa akan datang kerana kepimpinan akan terlahir daripada generasi ini.

Fokuskan juga Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang asal dan juga kaum peribumi dan juga bumiputera. Pastikan fokus kerajaan diberikan kepada perhatian daripada kumpulan yang sangat utama dalam soal yang melibatkan hubungan antara kaum ini. Fokuskan juga kepada usaha-usaha keusahawanan yang melibatkan kepentingan daripada apa yang sedang dilalui oleh mereka sekarang dalam suasana pandemik COVID-19 ini.

Maka, mesti ada strategi-strategi yang jelas supaya kita laksanakan tugas untuk membawa mereka ke arah pembaikpulihan selepas daripada selesainya COVID-19. Rangka-rangka yang perlu itu mestilah sentiasa direncanakan supaya akhirnya apabila selesai sahaja pandemik COVID-19, kita boleh mula kepada pelaksanaan daripada kerangka-kerangka yang dirancang dan dicadang.

Kemudian, pelaksanaan dasar-dasar sosial negara mesti juga dilihat. Fokuskan kepada kesihatan-kesihatan rakyat dan juga pendidikan-pendidikan rakyat. Akhirnya, dalam perkara spesifik yang saya sangat pohon iaitulah berkait dengan satu isu yang melibatkan para pendidik yang mempunyai Ph.D, yang mengajar di sekolah sebagai guru-guru biasa tanpa kenaikan gred dan pangkat.

Sedangkan mereka telah berkorban untuk menyambung pelajaran daripada peringkat *Masters* hingga Ph.D dengan membuat pinjaman puluhan ribu ringgit demi menyahut seruan supaya para pendidik menyambung pengajian. Akan tetapi setelah lulus, mereka tidak mendapat sebarang imbuhan sama ada kenaikan pangkat ataupun gred. Saya pohon pihak kerajaan melihat perkara ini dan memberikan perhatian serius kepada apa yang dibangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

4.45 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Perkara-perkara yang mustahak yang saya ingin nyatakan di sini ialah kewujudan tiga kementerian baharu iaitu Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Kementerian Pengajian Tinggi ini tidak menambah sebarang bebanan bajet tambahan kepada kerajaan.

Saya kira perkara yang telah diumumkan oleh Timbalan Menteri Kewangan ketika membentangkan usul ini dengan jelas beliau menyebut bahawa walaupun ada kementerian baharu tetapi tidak ada tambahan bebanan daripada segi kewangan

kerajaan. Itu saya kira wajar kita berikan pujian kepada kerajaan ini dan dengan lain perkataan, apa yang kita akan luluskan, hanya adalah pengubahan bajet, bukan ada tambahan dana yang diperlukan.

Seterusnya, tentulah saya kira kalau saya hendak bertanya, jawapannya mudahlah. Adakah kementerian ingin mengubah pendanaan ini untuk mewujudkan kecekapan kementerian-kementerian? Saya yakin jawapannya, ya. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan yang dipecahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kementerian Pendidikan ini Tuan Yang di-Pertua, bajet tahunannya ialah RM64.1 bilion. Itu bajet Kementerian Pendidikan pada tahun 2020.

Ada kementerian, bajet cuma RM800 juta. Ada kementerian bajet cuma RM1 bilion tetapi kementerian ini RM64 bilion. Oleh kerana itu, adalah wajar untuk menambah kecekapan penyampaian kerajaan, dipecahkan kementerian ini kepada dua iaitu KPT. Saya melihat ini adalah satu tindakan yang baik, untuk mewujudkan kecekapan dengan KPT diberi bantuan belanjawan mengurus RM5.9 bilion.

Belanja pembangunan RM1.6 bilion, menjadi RM7.5 bilion. Bererti dengan lain-lain perkataan, daripada Bajet 2020 Kementerian Pendidikan yang lama, RM64.1 bilion ditolak RM7.5 bilion, masih lagi Kementerian Pendidikan itu terlalu besar. Kalau boleh dipecahkan lagi sebahagian daripada perkara-perkara Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Itu adalah untuk mencekapkan Kementerian Pendidikan apabila diadakan Kementerian Pengajian Tinggi.

Soalan yang kedua, adakah Kementerian Kewangan dengan mengadakan pendanaan ini untuk menunjukkan fungsi kepentingan satu-satu kementerian? Jawapannya tentu ya. Tadi telah diulas oleh rakan-rakan saya mengenai kewujudan Kementerian Perpaduan Negara. Sebelum ini, ia hanya satu jabatan di Jabatan Perdana Menteri. Ia tidak menunjukkan kepentingan fungsi kementerian kerana ia hanyalah sebuah jabatan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Perpaduan Negara ini cuma dapat peruntukan RM325 juta. RM325 juta untuk satu kementerian, ia adalah terlalu amat kecil jika kita banding dengan Kementerian Pendidikan tadi, RM64 bilion dan dana untuk mengurus, RM240.5 juta. Belanja pembangunan, RM84.4 juta. Hanya RM325 juta untuk satu kementerian.

■1650

Saya harap untuk masa-masa yang ke hadapan, Kementerian Perpaduan Negara ini hendaklah ditambah lagi peruntukannya. Sebagai contoh, untuk mewujudkan tadika-tadika perpaduan yang ada di merata tempat ia boleh ditambah bilangan. Jadi, dengan tambah bilangan, maka bajet boleh bertambah.

Soalan ketiga, kalau saya ingin bertanya adakah pendanaan ini bertujuan untuk memberi fokus yang tertentu di bawah kerajaan baharu. Jawapannya tentu ya. Ini kerana di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya lihat ada bahagian yang dipanggil sebagai bahagian mengenai Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa kerajaan ini ingin memberikan fokus kepada pembangunan-pembangunan Sabah dan Sarawak. Ia satu perkara yang bagus dan ia wajar dialu-alukan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang cadangan CUEPACS, Tuan Yang di-Pertua. CUEPACS ada membuat beberapa cadangan yang saya harap Kementerian Kewangan mengambil tindakan terhadap cadangan-cadangan CUEPACS ini. CUEPACS ini mewakili 1.6 juta kakitangan kerajaan. Kalau kita kalikan 1.6 juta itu dengan katalah seramai lima orang, dia sudah menjadi kalau tidak silap saya sejumlah lapan juta orang rakyat Malaysia ataupun sebanyak 25 peratus daripada rakyat Malaysia ini adalah terlibat dengan kerja menjadi penjawat awam. Sejumlah 25 peratus. Satu perempat daripada rakyat Malaysia ini warga penjawat awam. Kalau kita kalikan sejumlah 1.6 juta penjawat awam kali lima orang satu keluarga jadi 8 juta. Lapan bahagi 32, jadi sebanyak 25 peratus.

Apakah cadangan CUEPACS yang ingin saya bawa untuk perhatian Dewan ini. Pertama, CUEPACS ingin supaya diadakan elaun utiliti kepada penjawat awam yang bekerja daripada rumah untuk menambah bantuan pada mereka dari segi kos internet dan juga elektrik. Saya kira itu adalah permohonan yang wajar dipertimbangkan oleh kerajaan. Seterusnya, CUEPACS juga meminta supaya diwujudkan apa yang dipanggil sebagai sistem saraan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, penjawat awam ini gaji minimumnya sebanyak RM1,200. Akan tetapi, EPU telah membuat satu pembaharuan Paras Garis Kemiskinan (PGK) meningkat daripada jumlah RM900 kepada RM2,208. Oleh sebab itu, CUEPACS

memohon agar gaji minimum penjawat awam dinaikkan daripada sebanyak RM1,200 kepada RM2,208. Saya kira ini satu lagi permohonan CUEPACS yang saya berpandangan amat wajar untuk diambil tindakan oleh Kementerian Kewangan. Pengerusi CUEPACS sekarang namanya Adnan Mat. Walaupun saya tidak pernah berjumpa beliau, saya membaca segala apa yang beliau hasratkan yang saya kira adalah satu perkara yang amat baik.

Satu lagi ialah mengenai permohonan mereka ditunaikan satu KGT khas. KGT ini apa? KGT ini ialah Kenaikan Gaji Tahunan. Kita telah berjanji sewaktu Kerajaan Barisan Nasional supaya kenaikan gaji tahunan untuk penjawat awam ini selain daripada kenaikan gaji tahunan setiap tahun yang sentiasa ada pada tahun 2018 mulai 1 Julai diadakan satu tambahan KGT khas. Kenaikan Gaji Tahunan Khas.

Saya menyokong 100 peratus apa yang dicadangkan oleh CUEPACS mengingatkan kembali kepada manifesto Barisan Nasional walaupun kita kalah pada ketika itu dan tidak diteruskan oleh PH. Akan tetapi, apabila Kerajaan PN ini hendaklah melihat semula perkara-perkara dan janji-janji yang baik yang telah kita nyatakan iaitu satu kenaikan gaji tahunan khas selain daripada kenaikan gaji tahunan biasa. Saya kira penjawat awam di luar sana yang mendengar apa yang saya sebut ini tentunya menyokong 100 peratus.

Seterusnya, kerajaan yang dahulu menyebut bahawa tidak ada lagi skim berpencen. Ini satu lagi yang saya harapkan Kerajaan PN membatalkan apa yang mereka putuskan itu. Kita hendaklah memberi skim berpencen kepada penjawat awam. Ini satu perkara penting lagi permohonan yang ingin saya sampaikan dalam ucapan ini.

Selain daripada itu, kita ada pegawai-pegawai kontrak. Pegawai-pegawai kontrak ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak mempunyai kelebihan sebagaimana pegawai tetap. Mereka tidak boleh membuat pinjaman kenderaan, mereka tidak boleh membuat pinjaman rumah, misalnya. Jadi, kita perlu ubah perkara ini kerana mereka juga adalah pegawai walaupun statusnya berbeza tetapi kita hendaklah memberikan kemudahan-kemudahan yang tertentu kepada pegawai-pegawai kontrak ini.

Satu lagi yang saya ingin timbulkan dalam 10 minit terakhir ini iaitu mengenai PRIHATIN, 40 inisiatif yang telah dinyatakan dan PENJANA ada lebih kurang sebanyak 40 inisiatif. Jadi, ada lebih kurang sebanyak 80 inisiatif. Apa yang paling menarik daripada inisiatif-inisiatif itu adalah memberi sejumlah RM11.5 bilion kepada sebanyak 10.2 juta rakyat Malaysia. Saya rasa sudah habis belanja dah dan ia membantu kenaikan ekonomi di negara kita.

Apa yang saya ingin menarik perhatian ini adalah mengenai projek-projek kecil. Dalam inisiatif PRIHATIN ini, projek-projek kecil hanya RM4 bilion. Saya pernah tahu pada satu ketika dahulu, ketika Yang Berhormat Langkawi, kebetulan Yang Berhormat Langkawi ada di sini. Beliau pernah memberikan satu usaha yang pada saat dan ketika itu baik iaitu memberikan banyak projek kecil untuk kita menambah dan merangsang ekonomi. Maka, adalah dibina balai raya, surau, dewan dan macam-macam yang kita bina pada ketika itu. Ia membantu ekonomi kita.

Malangnya, pada PRIHATIN 40 inisiatif ini projek-projek kecil hanya RM4 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Hanya sebanyak RM4 bilion ini terlalu kecil. Saya ingin mencadangkan supaya sejumlah RM4 bilion ini ditambah sekurang-kurangnya tambah lagi sebanyak RM6 bilion menjadikan sejumlah RM10 bilion.

Apakah di antara perkara-perkara yang boleh kita guna daripada RM6 bilion tambahan baharu itu? Tubuhkan pusat tuisyen di semua Parlimen. Pusat tuisyen untuk membantu anak-anak miskin belajar di situ iaitu kelas tambahan SPM dan STPM misalnya dan pusat tuisyen itu kita boleh bina melalui projek kecil. Satu lagi adalah kedai rakyat. Di simpang-simpang yang tertentu di kawasan luar bandar, simpang-simpang strategik, banyak kedai yang tidak terurus dengan baik maka kita bina kedai-kedai rakyat di simpang-simpang strategik di seluruh kawasan di negara kita.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, daripada projek kecil itu kita boleh buat apa? Pasar nelayan. Nelayan ini pergi ke laut sukar. Mereka berpanas dan mereka berhujan. Akan tetapi, kemudian orang tengah yang kaya tetapi nelayan tetap miskin. Jadi, saya ingin mencadangkan dalam projek-projek kecil tambahan sebanyak RM6 bilion yang kalau boleh ditimbang oleh Kementerian Kewangan untuk mewujudkan pasar nelayan.

Di mana nelayan itu naik sahaja daripada laut mereka terus menjual hasil-hasil nelayan tanpa melalui orang tengah. Isteri mereka menunggu dan isteri mereka menjualkan dan membantu suami yang keletihan pulang daripada laut untuk menjual

terus hasil-hasil nelayan. Kita hapuskan orang tengah dan dengan sendiri nelayan boleh mendapat keuntungan yang lebih dan kemiskinan nelayan boleh kita kurangkan.

Satu lagi mungkin perkara baharu iaitu e-dagang desa. Saya kira ia kali pertama disebut dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mencadangkan daripada projek-projek kecil sebanyak RM6 bilion iaitu RM4 bilion campur RM6 bilion jadi RM10 bilion itu diwujudkan pusat-pusat e-dagang desa di semua Parlimen di negara kita ini. Apa maksud e-dagang desa? Di situ dikumpulkan barang-barang hasil produk orang kampung dan kemudian dipasarkan secara *online* oleh sekumpulan mereka yang pakar untuk melakukannya.

Kemudian di situ juga dijadikan tempat pembungkusan dan penghantaran menggunakan pelbagai kaedah pos supaya usahawan-usahawan kecil dan sederhana di seluruh kampung, di seluruh negara— kita ada sebanyak 15,000 buah kampung. Kalau kita boleh buat e-dagang desa ini sebanyak 5,000 buah di seluruh Malaysia, saya kira ia boleh membantu kehidupan rakyat yang berada di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan adalah mengenai INSKEN. INSKEN ini ialah Institut Keusahawanan Nasional.

■1700

Institut Keusahawanan Nasional ini di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. INSKEN ini cuma ada satu kalau tidak silap saya di Cyberjaya, walhal INSKEN ini boleh membantu untuk mengurangkan pengangguran yang mana anak-anak kita keluar daripada institut kemahiran, anak-anak kita keluar daripada institut pengajian tinggi tidak dapat bekerja, kita kursus kan katalah sebulan, dua bulan atau tiga bulan mengikut kursus-kursus yang tertentu supaya mereka menjadi usahawan di INSKEN.

Malangnya INSKEN ini tidak ada cawangan di negeri-negeri. Jadi, saya ingin mencadangkan dengan *tagline* INSKEN ini *taglinenya* adalah *Usahawan Hari Esok*. Usahawan Hari Esok ialah untuk membina kumpulan usahawan-usahawan baharu. Tidak kiralah dia bumiputera, bukan bumiputera, Melayu, China, India, Iban, Kadazan, Dusun semua boleh kita sekalikan mereka di dalam Institut Keusahawanan Nasional setiap negeri ini. Mereka dilatih dan mereka yang hilang pekerjaan pergi ke INSKEN dan kita latih untuk jadi usahawan, macam-macam jenis usahawan, khususnya usahawan e-Dagang untuk mereka ini bagi mengurangkan pengangguran yang sedang berlaku akibat daripada COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin nyatakan di sini ialah mengenai kewujudan kolej-kolej komuniti. Kolej-kolej komuniti ini mengadakan kursus-kursus yang pelbagai. Ada kursus bahasa Arab, ada kursus bahasa Mandarin. Baguslah, itu antara kursus-kursusnya tetapi saya ingin mencadangkan sebelum INSKEN itu boleh diwujudkan di kawasan-kawasan Parlimen, sebahagian daripada Parlimen kita sudah ada kolej komuniti.

Jadi, kalau kita boleh arahkan kolej komuniti di bawah KPT ini mengarahkan supaya semua kursus, katakanlah 70 peratus kursus itu hendaklah menuju kepada kursus keusahawanan. Kursus untuk memastikan pengangguran anak-anak muda ketika COVID-19 ini supaya mereka menjadi usahawan dan kemudian wujudlah usahawan negara kita ini ingin menjadi negara keusahawanan.

Kalau kita lihat negara-negara maju, bilangan usahawan di negara itu adalah melebihi daripada bilangan negara-negara yang tidak maju. Oleh kerana itu, lagi ramai usahawan di sesebuah negara itu, lagi cepat negara itu maju.

Oleh kerana perlunya ramai usahawan, maka saya ingin mengesyorkan pertama, INSKEN hendaklah ada di setiap buah negeri. Kedua, kita sudah ada kolej komuniti. Kolej komuniti itu hendaklah memperbanyakkan kursus-kursus keusahawanan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Pontian, sedikit boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, terima kasih banyak Yang Berhormat Pontian. Oleh kerana Yang Berhormat Pontian bercakap soal kolej komuniti ini, kita percaya ini adalah dasar pendidikan yang secara holistik yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan daripada dahulu hingga kini. Apatah lagi di era pemerintahan Barisan Nasional dahulu.

Cuma saya ingin mohon dimasukkan celahan saya ingin di dalam ucapan Yang Berhormat Pontian. Saya ingin tahu kenapa kolej komuniti yang hendak dibina di Parlimen Kimanis itu dibatalkan oleh kerajaan sebelum ini. Saya minta kerajaan untuk lihat semula dan kalau boleh kita *revive* benda ini dan kita laksanakan projek ini serta-merta. Terima kasih.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Pontian, Setiu, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis dan saya baru sahaja dimaklumkan oleh Yang Berhormat Bachok, Kolej Komuniti Bachok dibatalkan, Kolej Komuniti Kimanis dibatalkan. Yang Berhormat Setiu dibatalkan juga?

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu tidak dibatalkan tetapi masih menumpang di bangunan sementara. Jadi, minta supaya kerajaan buat bangunan tetap.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sepatutnya ada bangunan khusus. Ya, tiga kawan saya ini yang telah menyatakan bahawa mereka ingin kolej komuniti itu. Saya harap ia boleh dilaksanakan dan yang dibatalkan itu dihidupkan kembali.

Seperkara akhir yang saya ingin sampaikan di sini ialah kaedah menambah hasil negara untuk jangka panjang. Tuan Yang di-Pertua, kita selalu meletakkan Malaysia ini sebagai T10, M40, B40. Saya pernah tanya kepada Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri yang menjaga ekonomi iaitu Yang Berhormat Jeli. Kenapa T10 sahaja? Kenapa kita tidak letak T30? Top 30? Kenapa M40 kita klasifikasikan rakyat kita kepada M40? Kenapa kita tidak klasifikasikan rakyat kita kepada M60 yang mendapat pendapatan pertengahan itu 60 peratus daripada rakyatnya?

Kita selalu sebut B40. Kenapa yang bawah itu mesti 40? Kenapa kita tidak sebut B10? Yang bawah itu hanya 10 peratus dan yang atas itu bukan hanya 10 peratus, yang atas itu 30 peratus, yang tengah itu 60 peratus, yang bawah itu hanya 10 peratus. Jadi, apabila kita memiliki T30, M60, B10 maka kita boleh menambah hasil untuk jangka masa panjang.

Ketirisan cukai ini berlaku di mana-mana. Kita telah melaksanakan GST untuk memastikan cukai tidak tiris. Sekarang ini kita melaksanakan SST. Bila kita hendak melaksanakan GST itu, saya tidak tahu bila tetapi data-data saya ingin mengingatkan Kementerian Kewangan, fail-fail Lembaga Hasil Dalam Negeri dikongsi kepada kastam, fail-fail kastam dikongsi oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kita ada satu MoU pada tahun 2015 ketika saya di Kementerian Kewangan, ada satu MoU untuk sama-sama kita berkongsi fail ini. Oleh kerana kita sudah ada data GST yang mereka tidak boleh menipu cukai, kita gunakan itu untuk mengutip SST supaya tidak ada penipuan cukai.

Akhir, Kastam yang banyak mengutip cukai ini perlu dikorporatkan. Apa jadi tentang pengkorporatan kastam ini? Saya lihat ia sentiasa ditunda dan ditunda. Saya harap dalam Kerajaan Perikatan Nasional, pengkorporatan kastam itu boleh diteruskan. Itu sahaja. Saya harap saya telah memberikan perkara-perkara yang munasabah dalam Dewan Rakyat ini dan bukan perkara-perkara yang tidak ada fakta. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Bachok.

5.06 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Berucap dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020. Akta ini bertujuan bagi melaksanakan penyusunan semula peruntukan kepada kementerian selepas perubahan pentadbiran negara kepada kerajaan yang mendapat mandat daripada Yang di-Pertuan Agong pada 10 Mac yang lalu.

Saya ingin menyentuh beberapa isu yang berkait Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah digarap secara baik oleh kerajaan bagi menyerap impak pasca PKP serta beberapa isu yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Secara asasnya, bajet

melibatkan beberapa teras utama. Pertama soal hasil; kedua, belanja; ketiga, belanjawan iaitu pengurusan hasil dan belanja; dan keempat adalah soal pengurusan hutang. Ini asas fiskal kerajaan. Keempat-empat ini saling berkaitan apabila kita membahaskan Akta Perbekalan.

Pertama sekali adalah berkenaan dengan undang-undang tanggungjawab fiskal yang pernah diutarakan oleh kerajaan terdahulu, Kerajaan Pakatan Harapan. Saya berpandangan ia adalah satu cadangan dasar yang baik dan sewajarnya diteruskan oleh kerajaan pada hari ini kerana ia melibatkan piawaian peraturan dan prosedur dalam kita menguruskan fiskal negara.

Cadangan undang-undang fiskal ini merupakan suatu yang positif kepada fiskal *resilient* atau ketahanan fiskal negara dalam menghadapi sebarang situasi domestik mahupun global. Oleh itu secara ringkasnya saya ingin bertanya pihak kerajaan, apakah perkembangan Akta Tanggungjawab Fiskal yang telah dirancang dan untuk dibentangkan pada tahun 2021 nanti. Apakah aspek utama yang akan ditekankan dalam akta berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah berkenaan Pakej Rangsangan Ekonomi. Kita sedia maklum, impak pandemik COVID-19 kepada sistem ekonomi sama ada di peringkat global mahupun domestik, ekonomi negara mencatatkan kadar pertumbuhan yang agak rendah bermula pada suku tahun pertama tahun ini iaitu pada 0.7 peratus.

Jumlah ini merupakan jumlah paling rendah dalam tempoh 10 tahun dan kita tidak dapat menafikan kadar pertumbuhan ini turut dipengaruhi oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengekang penularan *sporadic* COVID-19 ini. Hal ini terus memberikan implikasi terhadap kedudukan ekonomi negara.

■1710

Kelembapan ekonomi yang berterusan serta peningkatan pengangguran dan pembuangan kerja yang berterusan, saya berpandangan, langkah bantuan terus melalui bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang menjadi teras dalam pakej rangsangan ekonomi dilaksanakan tepat pada masanya. Ia membantu aliran tunai kewangan rakyat yang berhadapan dengan kejutan ekonomi peribadi dalam tempoh yang kritikal pada bulan Mac sehingga Jun yang lalu.

Begitu juga saya melihat bagaimana pelaksanaan PENJANA yang bersifat kesinambungan kepada PRIHATIN berdasarkan kepada data dan perkembangan ekonomi semasa. Pelaksanaan pakej-pakej rangsangan ini merupakan antara *grand design* utama yang sewajarnya mendapat sokongan semua pihak bagi menghadapi kemelut penularan wabak COVID-19 pada tahun ini.

Saya ingin menyentuh mengenai 6R, iaitu fasa pendekatan kerajaan dalam menghadapi cabaran penularan wabak COVID-19 ini. Fasa ini bermula dengan langkah tegas (*resolve*) dengan penguatkuasaan PKP pada 18 Mac sehingga PKPP dan PKPD yang akan dilaksanakan sehingga penghujung bulan ini. Disusuli pula dengan pelaksanaan PRIHATIN pada fasa membina ketahanan (*resilient*), pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat pada Mei dan Jun (*restart*), fasa semasa pemulihan (*recovery*) yang sedang dilaksanakan sehingga Disember melalui PENJANA.

Pertama, saya ingin mendapatkan penjelasan pihak kerajaan mengenai rancangan fasa seterusnya iaitu fasa memperkasa (*revitalize*) dan fasa menyusun semula (*reform*) yang sudah pasti akan menjadi teras kepada pembentangan Bajet 2021 pada Disember depan serta perhatian utama dalam rangka Rancangan Malaysia Ke-12 yang dijangka dibentangkan pada tahun hadapan.

Cuma, saya ingin bertanya juga, apakah kementerian telah menggariskan asas-asas (*base building*) kepada proses memulihkan serta menstabilkan ekonomi negara bagi menghadapi dua fasa *revitalize* dan *reform* yang akan menyusul kelak. Apakah aspek yang bakal menjadi tumpuan kerajaan dan sejauh mana ia telah diteliti secara mendalam oleh pihak kerajaan?

Kedua, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan dengan mekanisme yang telah dirangka oleh kementerian bagi meneliti situasi semasa ekonomi negara dan sejauh mana fleksibiliti dan dinamika dalam mengubah pendekatan semasa pakej rangsangan ekonomi bagi menepati kedudukan semasa ekonomi negara. Tambahan lagi saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah juga bentuk pemantauan terhadap *delivery system* kesemua inisiatif yang telah dirangka? Ini kerana, saya melihat keseluruhan inisiatif PENJANA melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang lain.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu ombudsman yang sering saya bangkitkan dalam Dewan ini— banyak kali. Kita boleh menjadikan beberapa negara sebagai rujukan berkaitan bentuk pelaksanaan ombudsman ini. Penubuhan Biro Pengaduan Awam pada Julai 1971 dahulu juga boleh menjadi batu asas kepada langkah menaik taraf penubuhan ombudsman Malaysia.

Saya difahamkan bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi telah menyatakan komitmen untuk membentangkan Akta Ombudsman ini ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah pada tahun lalu. Justeru, apakah Kerajaan Perikatan Nasional akan meneruskan hasrat yang sama? Apakah kementerian mempunyai perancangan garis masa yang terperinci bagi perkara ini? Mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Gerik.

5.14 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya pun turut sama untuk membahaskan soal Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 dengan menyokong perkara tersebut. Pertama, saya ingin mencadangkan supaya RMKe-12, tindakan pihak EPU supaya menanyakan semula di peringkat UPEN di peringkat negeri dan daerah. Ini kerana, sewaktu Kerajaan Pakatan Harapan, kita wakil rakyat pembangkang tidak pernah ditanya untuk perancangan lima tahun di Parlimen masing-masing.

Saya amat berharap perkara tersebut jangan ditutup lagi supaya cadangan-cadangan daripada Parlimen tadi dibawa kepada UPEN seterusnya dibawa kepada EPU untuk kita bentangkan dalam Parlimen. Saya melihat perkara tersebut amat penting. Kalau tiada perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 untuk lima tahun nanti, ada kemungkinan kawasan kita tidak akan dapat bajet. Sebelum ini sahabat saya daripada Pasir Mas telah membangkitkan Jalan Gerik ke Jeli yang teruk.

Saya tiap-tiap tahun bangkitkan perkara tersebut. Saya memahami kerana kewangan agak kurang dengan jalan yang jauh. Jadi, saya cadangkan supaya dalam Rancangan Malaysia Ke-12 nanti, jalan tersebut akan dapat diturap semula sehingga boleh memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk dari Pantai Timur dan Pantai Barat untuk menggunakan jalan tersebut.

Perkara yang seterusnya yang saya ingin sentuh ialah bila satu-satu Parlimen telah diluluskan peruntukan oleh mana-mana kementerian, jangan ada pihak mengubah tajuk, bawa ke tempat lain. Saya amat berdukacita. Di kawasan saya Parlimen Gerik, yang mana peruntukan diluluskan untuk membuat *canopy walk* di Taman Negeri Royal Belum.

Bukan sedikit, bukan RM200 ribu, bukan RM2,000 tetapi RM20 juta dipindahkan ke tempat lain. Ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab yang mana Taman Negeri Royal Belum yang merupakan satu kawasan yang agak tempat pelancongan— kalau ada *canopy walk* dengan jumlah RM20 juta tadi, boleh menarik pelancong-pelancong lain datang ke kawasan saya di Gerik.

Oleh sebab itu, kementerian-kementerian yang akan di bawah Pakatan Nasional nanti, begitu juga kerajaan negeri— kekalkanlah. Jangan bila kita luluskan di Gerik, jangan bawa ke Ipoh. Lulus di Ipoh jangan dibawa ke Gerik. Itu contoh. Ini kerana, setiap kita mengetahui benda tersebut. Bila berlaku perubahan, kita rasa kecewa, kan? Kenapa perkara tersebut boleh berlaku.

Perkara ketiga, zaman Pakatan Harapan selama 22 bulan, banyak pegawai kerajaan dihentikan. Dilantik buat pegawai lantikan. Saya mencadangkan sama ada PTD, kerani, mana yang kosong, dilantik. Penuhkan jawatan tersebut. Bagi pencen kepada mereka. Inilah antara nikmat menjadi pegawai kerajaan. Kalau tidak— kalau kita bagi setakat kontrak, sampai bila kontrak? Kemudahan-kemudahan yang ada yang mereka nikmati daripada kerajaan. Satu penganiayaan kepada rakyat. Konon-konon bila mari kita nak menyusun semula peruntukan dalam Pakatan Nasional ini, dikatakan kita tidak peka dan sebagainya.

Sedangkan kita tahu, rakyat dalam Malaysia ini tahu sejak mula Pakatan Harapan memerintah, saham menjunam, segala-galanya jatuh yang menyebabkan

kerugian bertimpa-timpa. Akan tetapi, masuk ke tahun lain— sudah lama sedikit mungkin mereka lebih bijak mengurus dan mentadbir negara, maka ekonomi semakin baik.

Saya tidak menafikan perkara-perkara tersebut. Oleh sebab itu, lebih baik kita Perikatan Nasional melihat perkara-perkara tersebut. Di kilang-kilang yang ramai daripada mereka dibuang kerja. Kita ini bernasib baik, bukannya UMNO berpakat dengan PAS, berpakat dengan Bunga Raya hendak menjatuhkan kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu meletak jawatan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini mengetuai BERSATU tarik diri daripada Pakatan Harapan. Saudara Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali tarik diri daripada Pakatan Harapan. Kenapa tuduh kami sebagai menjatuhkan kerajaan? Ini memang tidak munasabah dan tak logik. Saya berharap supaya perkara tersebut tak payahlah kita mainkan, seolah-olah kami di sini merampas kuasa.

■1720

Sebenarnya ini pekerjaan Allah SWT yang kita tidak boleh duga. Kita tidak tahu Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir kenapa hendak meletakkan jawatan. Ini kita tidak tahu pemikiran beliau. Kemudian, Tun Dr. Mahathir ditipu semasa di Istana Negara. Semua hendak pangkah Tun Dr. Mahathir...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Langkawi ingin mencelah.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Tiba-tiba hari kedua *depa* pangkah Dato' Seri Anwar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Langkawi ingin mencelah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Langkawi ingin mencelah. Sila berikan peluang.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Langkawi.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak letak jawatan... *[Tepuk]* Tetapi ahli-ahli daripada kerajaan ini mungkin tidak faham cara-cara Perlembagaan kita. Apabila parti BERSATU keluar daripada Pakatan Harapan, maka Pakatan Harapan pun jatuh, tidak jadi kerajaan lagi. Kalau dia tidak jadi kerajaan, macam mana saya hendak menjadi Perdana Menteri? Apabila tidak jadi kerajaan, Menteri dan lain-lain pegawai juga jatuh termasuk Perdana Menteri. Jadi, macam mana saya hendak meletakkan jawatan lagi? Saya sudah tidak ada jawatan.

Ini saya fikir payah hendak difahamkan. Diulang perkara ini berkali-kali macam tidak boleh dengar kah, tidak tahulah. Tetapi ini sebenarnya tidak ada peletakan jawatan. Saya cuma memberitahu kepada Yang di-Pertuan Agong keadaan iaitu saya terletak jawatan. Ini bukan bermakna saya membuat keputusan sendiri hendak meletakkan jawatan. Apabila parti saya keluar daripada Pakatan Harapan, Pakatan Harapan tidak menjadi kerajaan lagi dan semua anggota Pakatan Harapan tentulah tergugur kerana tindakan itu.

Tindakan itu adalah satu pengkhianatan kepada janji kita... *[Tepuk]* Kita dipilih oleh rakyat. Rakyat percaya bahawa perjuangan kita ialah untuk melawan kleptokrasi tetapi apabila kita berada dalam kerajaan, kita sabotaj kerajaan kita sendiri kerana kita hendak menjadi Perdana Menteri. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih 'Yang Amat Berhormat'. Saya masih menghormati Tun. Tetapi setiap rakyat di Malaysia mendengar dan melihat dalam TV. Yang meletakkan jawatan, pengumumannya Tun dahulu. Kemudian baru kita lihat 'bunga raya' menarik diri dan kumpulan Azmin menarik diri.

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Maknanya 22 tahun Tun menjadi Perdana Menteri, tambah pula 22 bulan. Adakah peletakan jawatan itu dinafikan oleh Tun? Semua rakyat tahu Tun yang meletakkan jawatan. Saya minta maaf, saya

bercakap kerana saya menganggap Tun serupa ayah saya. Jadi, bukanlah saya hendak melalutkan perkara tersebut.

Cuma, saya hendak tegur kerajaan seperkara lagi. Sewaktu Barisan Nasional, kita bagi BR1M kepada rakyat. Bilamana ada kumpulan-kumpulan kompelin tidak boleh dapat bantuan BR1M, maka ketika itu Kerajaan Barisan Nasional mempertimbangkan semula mereka yang layak mendapat BR1M. Dalam PRIHATIN ini, saya mendengar banyak rungutan daripada rakyat. Antaranya ada yang mengatakan mereka tidak pernah mendapat BR1M ini kerana syaratnya apabila tengok nama kita ini ada dalam SSM, maka mereka tidak layak mendapat bantuan PRIHATIN.

Soalnya, SSM ini buat kerja apa? Ada syarikat namanya *dok* ada di situ—tambahan, orang Melayu di kampung terutama di Gerik, saya boleh cakap. Dahulu tubuh syarikat balak. Apabila tukar kerajaan, minta balak, tidak dapat. Jadi, akhirnya mereka juga sebenarnya kumpulan yang susah, yang sukar. Saya mohon supaya Kementerian Kewangan mengkaji semula.

Soal SSM ini, kalau ada SSM ini, mereka susah, berilah bantuan tersebut supaya mereka juga dapat nikmat setiap bantuan yang dibiayai oleh kerajaan. Bukan maksud saya Melayu pemalas kerana mendapat bantuan PRIHATIN tetapi mereka layak dapat walaupun nama ada dalam SSM. Sesetengah itu hendak *nominee* sahaja, dia tidak tahu apakah benda. Mereka ambil kad pengenalan, masuk tubuh syarikat. Jadi, perkara ini perlu diberikan perhatian.

Saya terasa semasa 22 bulan diperintah oleh Pakatan Harapan. Beberapa orang penduduk di kawasan saya memaklumkan, "*Kami sentiasa dikejar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri*". Kalau tidak bayar, tidak boleh *settle*. Hendak merayu, hendak apa, bayar dahulu. Ini rasa-rasanya lebih zalim kita buat kepada rakyat. Saya harap PN kena ubah perkara tersebut. Kalau mereka panggil, buat siasatan benar atau tidak benar. Kadang-kadang memanglah kita tahu mereka berhutang tidak hendak bayar. Ini biasa. Akan tetapi, buat siasatan. Jangan menganiayai orang.

Akhirnya, kalau kita salah buat siasatan, mereka yang disiasat dengan tidak betul tadi boleh jadi sakit jiwa seperti mana Yang Berhormat Jelevu pernah kata dalam Dewan ini. Terutama semasa musim COVID-19 ini, banyak benda yang mengelirukan pemikiran rakyat di luar sana.

Seterusnya berkenaan penubuhan Kementerian Perpaduan. Saya tertarik. Kita membicarakan soal perpaduan negara ini bukan baru. Sudah merdeka 63 tahun. Setiap masa kita bercakap soal perpaduan. Saya percaya berbilion ringgit dibelanjakan untuk perpaduan negara. Kita buat Rukun Negara macam, "*hangat-hangat tahi ayam*". Pada peringkat awal, semua orang hafal Rukun Negara.

Hari ini, silap tidak silap, kita dalam Parlimen ini pun sudah lupa kalau tidak tengok buku itu apa dia enam perkara Rukun Negara. Saya tengok Dato' Seri Nazri tadi pun baca kertas juga, kan? Termasuk saya sendiri. Kalau suruh saya sendiri, saya pun tidak berapa ingat juga fasal Rukun Negara.

Tetapi maksud saya ialah Kementerian Perpaduan Negara mesti memperkasakan Rukun Negara kerana ini ialah satu semangat yang kita hendak boleh biar semua penduduk menguasai. Jangan kita fokus kepada pelajar-pelajar di sekolah tetapi kepada semua kumpulan masyarakat bahawa Rukun Negara ini ialah satu daripada buku yang boleh menyatupadukan... [*Disampuk*] Ha! Lima perkara. Minta maaf. Enam perkara itu Rukun Iman. *Sorry*. Jadi, lima perkara tadi untuk dikuasai. Mungkin kementerian-kementerian kumpul balik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Gerik, saya hendak ingatkan P.M. 36(5). Kalau sebut-sebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan sebut nama ya. Sebut nama kawasan mereka.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kadang-kadang terlajak juga apabila bercakap ini. Saya sambung balik.

Kementerian Perpaduan Negara tadi, kalau boleh, kita buat satu *blueprint*. Sudah 60 tahun mungkin kita kumpul, pastikan memperkasakan Rukun Negara bersama *blueprint* tersebut.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkenaan hasil kutipan negara. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Saya melihat waktu COVID-19 ini, kerajaan kena fikir semula apa hasil-hasil mahsul yang boleh mendapat pulangan tinggi kepada negara. Saya difahamkan pasir kalau dijual mendapat harga yang tinggi. Pasir laut kalau dijual mendapat hasil yang tinggi. Janganlah hasil-hasil dalam negara tadi kita jual, syarikat dan individu mendapat keuntungan yang tinggi tetapi kerajaan tidak dapat hasil banyak. Contoh macam balak. Kita tengok balak ini yang untung syarikat. Kerajaan negeri kutip banyak mana?

Begitu juga saya berharap selepas ini emas, lombong emas, lombong bijih, uranium yang ada dalam negara kita, mungkin dengan ekonomi yang jatuh ini memberi kesedaran kepada kita, Allah SWT beri satu peringatan supaya kita melihat semula mahsul dalam negara ini mesti dibelanjakan dengan cara yang betul, diuruskan dengan cara yang betul supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat— minta maaf, Yang Berhormat Gerik ya. Sebelum saya menangguhkan Mesyuarat pada hari ini, saya ingin memaklumkan masih terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat berhasrat membahaskan rang undang-undang ini. Justeru itu, sesi perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 akan disambung semula mulai jam 11.30 pagi, Isnin, 17 Ogos 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 17 Ogos 2020.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Oh! Sambung balik? Saya ingat hendak *perabis* sudah tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]